

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 20**

**Khamis**

**7 April 2016**

---

**K A N D U N G A N**

<b>USUL MENARIK BALIK DAN MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
<b>USUL-USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 29)
Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat	(Halaman 33)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA  
Khamis, 7 April 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**USUL**

**MENARIK BALIK DAN MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN  
KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M.62**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]:** Tuan Yang di-Pertua,  
saya mohon mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62;

1. (D.R.9/2015) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015;
2. (D.R.12/2015) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2015;
3. (D.R.1/2016) Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2016;
4. (D.R.4/2016) Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan (Pindaan) 2016;
5. (D.R.5/2016) Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2016; dan
6. (D.R.6/2016) Rang Undang-undang Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2016

Seperti yang tertera di No. 2 hingga 7 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat yang akan datang”.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Ada lagi satu Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 62.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon untuk menarik balik (D.R.35/2015) iaitu Rang Undang-undang Persaingan (Pindaan) 2015 seperti yang tertera di No. 8 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.”

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, terima kasih.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan tindakan yang diambil terhadap mana-mana majikan yang menggajikan pekerja dengan hanya menawarkan pekerjaan secara lisan dan tanpa sebarang perjanjian ataupun kontrak secara bertulis.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu izinkan saya mengucapkan selamat datang kepada tetamu kita guru-guru dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Indah, Ampang dan Kolej Kejururawatan Tun Tan Cheng Lock, Hospital Assunta, Petaling Jaya. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiu.

*Dari Maran ke Kampung Batu,*

*saya jawab soalan nombor satu.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan jangan jawapan itu panjang berbatu-batu. Sila.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Setiu. Akta Kerja 1955 adalah undang-undang buruh utama bagi pekerja di sektor swasta yang mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai hak-hak pekerja dan standard-standard minimum pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, sedikit panjang tetapi tidak berbatu-batu. Seksyen 2 Akta Kerja 1955 mendefinisikan kontrak perkhidmatan sebagai mana-mana perjanjian sama ada lisan atau bertulis dan sama ada nyata atau tersirat di mana seseorang bersetuju untuk mengambil pekerja seorang lain sebagai pekerja dan orang yang lain itu bersetuju untuk berkhidmat dengan majikannya sebagai pekerja dan termasuklah kontrak perantisan.

Kontrak perantisan bermaksud satu kontrak bertulis yang dibuat oleh seorang dengan majikan yang mengaku akan mengambil orang itu bekerja dan melatih atau

menjadikan ia terlatih secara sistematik untuk satu trend bagi tempoh tertentu yang tidak kurang daripada dua tahun dalam tempoh mana perantis itu terikat untuk bekerja dalam perkhidmatan majikan. Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan seksyen 10 Akta Kerja 1955, mana-mana satu perkhidmatan yang melebihi tempoh satu bulan (30 hari) hendaklah dibuat secara bertulis. Maknanya kalau *less than 30 days* dengan izin, tak bertulis tak apa tetapi lebih sebulan kena bertulis. Oleh yang demikian, mana-mana majikan yang hanya membuat perjanjian secara lisan bagi tempoh perkhidmatan pekerjaanya melebihi tempoh satu bulan adalah melakukan satu kesalahan di bawah akta ini.

Setiap kontrak perkhidmatan yang dibuat secara bertulis hendaklah mematuhi subperaturan 5(b) Peraturan-peraturan Kerja 1957 mesti mengandungi butiran nama, nombor kad pengenalan, pekerjaan yang ditawarkan, kadar upah tidak termasuk elaun-elaun lain, kadar elaun yang dibayar, kadar kerja lebih masa, faedah-faedah lain, kemudahan dan sebagainya, waktu kerja biasa yang dipersetujui, tempoh notis penamatan perkhidmatan, kelayakan cuti am, cuti tahunan, cuti sakit dan jangka masa tempoh upah. Majikan dikehendaki memberi satu salinan kontrak bertulis kepada pekerja mereka sebagaimana dinyatakan di bawah peraturan 8, Peraturan-peraturan Kerja 1957. Oleh itu mana-mana majikan yang gagal memberi satu salinan kontrak kepada pekerjaanya adalah melakukan satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, mana-mana majikan yang gagal mematuhi seksyen 10 Akta Kerja 1955, peraturan subseksyen 5(b) dan peraturan 8 Peraturan-peraturan kerja 1957 adalah melakukan satu kesalahan yang mana ia adalah kesalahan yang boleh dikompaun di bawah seksyen 10, 101A Akta Kerja 1955 dengan jumlah kompaun tidak melebihi 50% daripada jumlah maksimum denda yang boleh dikenakan bagi kesalahan itu sekiranya orang tersebut disabitkan dengan kesalahan.

#### ■1010

Maknanya, kalau belum sabit dilakukan kesalahan, RM5,000 tetapi kalau disabitkan mahkamah kesalahan RM10,000, yang mana maksimum penalti di bawah seksyen 99A, Akta Kerja 1955 adalah denda tidak melebihi RM10,000 bagi kesalahan di bawah akta atau mana-mana peruntukan akta atau mana-mana peraturan, perintah atau perundangan kecil jika disabitkan. Justeru itu, maksimum kompaun yang boleh dikenakan adalah RM5,000, tertakluk kepada kuasa ketua pengarah, timbalan ketua pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh ketua pengarah selepas mendapat keizinan pendakwa raya sebagaimana seksyen di bawah seksyen 101A(1).

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah menjalankan sebanyak 31,202 pemeriksaan berkanun bagi tahun 2015. Daripada pemeriksaan tersebut, didapati sebanyak 2,251 orang majikan telah melakukan pelanggaran di bawah Peraturan 8, Peraturan-peraturan Kerja 1957. Majikan-majikan ini telah diberi syor pematuhan dan telah mematuhi syor-syor yang diberikan, melainkan 60 daripadanya dikenakan tindakan kompaun atas kesalahan gagal mematuhi peraturan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih. Dalam akta kerja memang dinyatakan berbagai-bagai berkenaan tentang hak-hak pekerja. Soalan saya, adakah kita pihak kerajaan ini melakukan apa-apa untuk meningkatkan kesedaran ataupun kefahaman pengetahuan tentang hak-hak mereka ini? Sama ada, adakah kita buat kajian untuk memastikan sejauh mana majikan yang menjaga kebajikan pekerja ini? Ini yang selalu dilaung-laungkan oleh rakan saya yang bijaksana, pemangku MTUC ya? Pemangku Presiden. Inilah, jadi setakat mana? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sebenarnya sebagai kementerian yang bertanggungjawab kepada pekerja, terutama pekerja swasta, kita banyak mempunyai akta-akta yang melibatkan pekerja. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, semua akta ini kita cuba mengemaskinikan dan kita mengambil tindakan *enforcement* kepada pelaksanaan akta-akta tersebut. Termasuklah dari segi pengambilan pekerja, gaji minimum, keselamatan dan kesihatan pekerja dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan mengambil langkah proaktif dan juga serius dalam memastikan supaya pekerja-pekerja ini tidak ditindas. Dalam konteks pengambilan pekerja ini, antara tindakan yang kita ambil ialah melalui pertamanya memberikan kesedaran kepada pekerja dan majikan ialah melalui pemeriksaan berkanun. Contohnya 2015, sebanyak 36,590 pemeriksaan berkanun yang kita buat kepada majikan-majikan. Pegawai akan berbincang dan beri penerangan undang-undang kepada majikan dan juga pekerja atau kesatuan atau wakil mereka. Maknanya, kita tidak terus ambil tindakan Tuan Yang di-Pertua, kerana kita memikirkan bahawa kefahaman pekerja, kefahaman majikan mesti kita berikan dulu sebelum tindakan undang-undang diambil.

Kedua ialah ceramah yang dibuat di semua pejabat tenaga kerja di seluruh negara. Ketiga, melalui siri-siri penerangan melalui radio yang diadakan di setiap negeri dan juga melalui *road show* dan juga klinik-klinik pekerjaan yang kita lakukan di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi langkah positif yang kita ambil ialah bagaimana kita beri kesedaran kepada kesatuan-kesatuan pekerja. Kita mempunyai kesatuan

pekerja yang cukup banyak dan kesedaran ini mestilah kita berikan kepada kesatuan pekerja supaya mereka sampaikan kepada pekerja-pekerja mereka. Akhirnya, mereka akan faham bahawa tanggungjawab majikan mestilah dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan yang ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pemangku Presiden, Yang Berhormat Kuala Langat, sila.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana memberi ruang kepada saya untuk soalan kedua tetapi *confirm* bukan bocor. Timbalan Menteri, saya mendengar dengan khusyuk dan tawaduk jawapannya daripada Yang Berhormat Setiu. Isunya ialah pada tahun 1955, akta ini telah pun dibuat dalam negara ini, sebelum merdeka. Seksyen 10 ialah untuk *appointment letter* yang telah pun didasarkan sebegitu lama dan *breach of contract* seksyen 12, Akta Kerja 1955 pun terwujud untuk dijadikan sebagai sandaran. Namun, laporan yang Timbalan Menteri kata tadi, 2,221 telah pun didakwa di atas tidak menepati seksyen 10 ini.

Dalam masa yang sama, kita juga mendapat maklumat daripada PERKESO, sebanyak 1.5 orang juta pekerja yang dibayar paras gaji minimum bawah RM900. Timbalan Menteri, soalan sekarang ini ialah apakah kerangka besar yang dilakukan oleh kerajaan, termasuk pekerja-pekerja asing untuk falsafah Akta Kerja 1955, pekerja asing terlindung atas sifat pekerjaannya itu juga tidak terkecuali daripada ada perjanjian pekerjaan yang wajib dipatuhi oleh semua syarikat.

Di samping itu, kementerian kena ambil langkah drastik maklumkan kepada syarikat-syarikat yang bengap ini supaya ikut undang-undang melalui kementerian punya kuasa yang cukup meluas. Namun, tidak mungkin kalau begitu 2,221 tindakan yang diambil atas sifat mengkhianati perjanjian ataupun mengkhianati Akta Kerja 1955. Mohon Timbalan Menteri memperkukuhkan lagi soalan saya ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Langat ini memang bijaksana sebagaimana kebijaksanaannya Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Setiu dan juga Kementerian Sumber Manusia, kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana perhatian Yang Berhormat. Sebenarnya seperti yang saya sebutkan tadi kita tidak bertolak ansur dengan majikan yang cuba menindas pekerja ini. Umpamanya, saya sebutkan tadi bahawa tindakan awal yang kita buat ialah memberikan kesedaran kepada majikan-majikan dan juga pekerja supaya jangan menindas pekerja-pekerja ini. Saya sebutkan tadi umpamanya, kita ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, bagaimana tindakan berkanun yang kita ambil sepanjang 2013 hingga 2015.

Bilangan pemeriksaan berkanun yang kita buat pada tahun 2013 ialah 16,895. Gagal mematuhi 771, 64 buah syarikat kita kompaun. Tahun 2014, 30,243 pemeriksaan berkanun dibuat, 2,098 gagal mematuhi Peraturan 8. 67 buah syarikat di kompaun. Tahun 2015, 36,000 meningkat Tuan Yang di-Pertua, maknanya kita serius hendak membantu pekerja ini walaupun kita letih Yang Berhormat Kuala Langat. Yang Berhormat Kuala Langat ini kadang-kadang bercakap saja tetapi dia tidak ini, kita bekerja. 36,590 gagal mematuhi, 2,893 dan 60 buah syarikat dikompaun.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja asing juga tidak terlepas. Pekerja asing juga menjadi tanggungjawab kita kerajaan untuk membela mereka, tidak ada diskriminasi. Begitu juga dari segi gaji minimum saya sebutkan semalam. Umpamanya 2015, syarikat yang tidak mematuhi seksyen ini, peraturan ini ialah 2,863 dan pekerja yang terlibat ialah yang pertamanya, pekerja tempatan seramai 26,904 orang dan pekerja asing 8,446 orang. Mereka ini mendapat faedah daripada usaha dan tindakan yang kita ambil melalui seksyen ini. Saya ingat Yang Berhormat Kuala Langat jelas dan kita akan terus berusaha bagi memastikan supaya pekerja kita selesa dan memberikan sumbangan kepada pembangunan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Isu penting majikan dan pekerja. Saya benarkan lagi satu soalan, sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya satu hal sahaja mengenai *enforcement* yang menjadi masalah. Saya rasa antaranya adalah di mana majikan kurang faham mengenai keperluan untuk mengadakan perjanjian di antara pekerja dan majikan. Boleh saya syor agar kementerian semasa majikan *register business* mereka dengan kementerian, memberi satu syarat bahawa mereka perlu berbuat sedemikian dan juga dalam *website* ada draf terma-terma tersebut dan juga kalau boleh menghubungi mereka secara surat supaya mereka tahu bahawa mereka patut patuhi perkara tersebut.

■1020

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya itu lebih merupakan pandangan dan kita terima. Tuan Yang di-Pertua, di samping tindakan berkanun yang kita buat melalui Jabatan kita. PERKESO juga kita gunakan untuk Operasi Kesan ini. Apabila pekerja tidak didaftarkan, dengan sendirinya dia tidak akan dapat SOCSO, *benefit* melalui PERKESO. Jadi PERKESO adalah satu elemen yang kita gunakan bagaimana kita boleh mengesan pekerja-pekerja yang mungkin tertindas ini.

Umpamanya Tuan Yang di-Pertua, 2009 hingga 2015 telah banyak PERKESO membuat Operasi Kesan ini. Saya ambil contoh 2009, 21,370 Operasi Kesan dibuat. Ringgit Malaysia yang *dicollect* ialah RM819,000. Saya ambil 2011, saya langkah setahun. 20,729 pemeriksaan berkanun ini kita buat. RM1.779 juta yang telah kita usahakan. 2014 13,858 lawatan majikan yang kita buat. Nilai kompaun yang dikenakan ialah RM1.144 juta. Ini melalui bukti pada kita Yang Berhormat Kuala Langat dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa kerajaan serius, kita serius bagaimana kita boleh membantu pekerja-pekerja kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan:

- (a) apakah usaha yang dilakukan untuk memastikan kehadiran pelancong asing tidak hanya tertumpu di satu-satu negeri saja seperti 42 penerbangan sewa khas dari China ke Sabah sempena cuti Tahun Baru Cina 2016; dan
- (b) kenapa kementerian bercadang merancang untuk mengadakan promosi bersama syarikat penerbangan SIA untuk melancarkan penerbangan ke bandar-bandar.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pokok Sena, usaha yang dilakukan untuk membawa pelancong ke tempat lain selain daripada tumpuan satu buah negeri sahaja, ialah dengan membawa masuk menerusi penerbangan khas terus ke tempat-tempat yang tertentu di negeri-negeri selain daripada negeri Yang Berhormat sebut. Pada tahun 2015 dan sehingga Februari 2016, kementerian dapat membawa masuk sebanyak 119 penerbangan khas yang telah direkodkan dengan jumlah penumpang seramai 18,217. Selain daripada negeri Sabah, penerbangan sewa khas telah dibawa masuk ke destinasi-destinasi lain seperti;

- (i) 7 penerbangan khas ke Pulau Pinang;
- (ii) 37 penerbangan khas ke Pulau Langkawi,
- (iii) 14 penerbangan khas ke Kuala Lumpur; dan
- (iv) 3 penerbangan khas ke Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan kedua, dalam struktur semula Malaysia Airlines Berhad, mereka telah menutup beberapa buah destinasi di luar negara seperti Paris, Frankfurt, Amsterdam, Los Angeles, Dubai dan Istanbul. Ini telah menyukarkan kami untuk mempromosikan Malaysia sebagai negara destinasi terpilih kerana mereka telah menutup semua destinasi ini pada tahun lepas dan yang paling



terakhir sekali ialah Paris pada bulan dua yang lalu. Jadi kita terpaksa mencari alternatif yang lain untuk bekerjasama dan oleh sebab itulah Tourism Malaysia bekerjasama dengan Singapore Airlines sebagai salah satu strategi untuk mengatasi perkara ini dengan membawa lebih ramai pelancong antarabangsa melalui jaringan penerbangan SIA yang luas.

Terutamanya ke destinasi-destinasi jarak jauh terpilih seperti United States of Amerika, Eropah, dan pasaran-pasaran yang kita beri tumpuan ialah di Eropah di United Kingdom, Jerman, Sepanyol, Rusia, Itali, Switzerland dan Scandinavia yang mana SIA mempunyai *direct flight* daripada tempat-tempat ini ke Singapura. Kemudian juga pasaran Amerika iaitu USA dan Brazil di sini juga Malaysia ada *direct flight* daripada Los Angeles, San Fransisco, New York, ke Singapura dan juga di Brazil, SIA ada *direct flight* melalui Afrika Selatan ke South Pole.

Pasaran Asia Barat, India dan Afrika Selatan ini juga merupakan tempat-tempat SIA membuat penerbangan secara terus daripada beberapa bandar di India dan juga di Afrika Selatan iaitu di Cape Town dan juga Johannesburg. Pasaran utara iaitu China, kita tahulah banyak *flight* dan Pasaran Barat Daya Pasifik iaitu Australia dan New Zealand. Itu sebab pertama mengapa kita mengadakan kerjasama dengan SIA.

Keduanya Yang Berhormat SIA juga menerusi anak-anak syarikat penerbangannya seperti Tradewind, Tigerair, Scoot. Mereka juga mempunyai penerbangan ke banyak bandar di Malaysia dan atas permintaan daripada negeri Sabah dan Sarawak, kita tahu itu bahawa SIA membuat penerbangan *direct* Singapura ke Kuching ke Kota Kinabalu yang sudah tentulah ianya akan membantu apa yang dikatakan pelancongan di negeri-negeri berkenaan. Jadi mereka juga meminta sudah begitu lama supaya ada kerjasama dengan SIA untuk membawa pelancong-pelancong terus dari Singapura ke negeri-negeri ini.

Yang ketiga Yang Berhormat, Tourism Malaysia ada pakej yang dipanggil *destination beyond* iaitu melawat tiga buah negara dalam satu buah pakej seperti Pakej MaSingThai, iaitu Malaysia, Singapura, Thailand dan juga MaSingDo iaitu Malaysia, Singapura, Indonesia dan pada tahun hadapan ASEAN akan berusia 50 tahun dan saya di Berlin baru-baru ini mewakili ASEAN telah melancarkan Visit ASEAN@50 years, 50 tahun. Jadi di mana kita jadikan ASEAN sebagai satu destinasi. Maka bersesuaianlah kita bekerjasama dengan SIA kerana semua pelancong yang dibawa oleh SIA ke Singapura akan juga melawat Malaysia juga sebab kita sudah ada ASEAN *destination*, kita ada MaSingThai dan kita tahu ramai pelancong mereka pergi ke Singapura.

Sebagai contoh, India pergi ke Singapura tetapi dengan kita mengadakan kerjasama dengan SIA sudah tentu mereka juga promosi untuk pelancong-pelancong ini

bukan sahaja duduk di Singapura tetapi datang ke Malaysia sama ada terbang dengan SIA ke Kinabalu ke Kuching atau menerusi tembok Johor pergi ke Johor, sudah tentu mereka akan menggalak pelancong yang dibawa masuk itu untuk melawat Malaysia juga.

Jadi SIA juga mempunyai anak-anak syarikat seperti Tigerair yang terbang ke bandar-bandar kecil seperti Melaka, seperti Ipoh. Jadi kerjasama dengan mereka akan sudah tentu akan membantu bandar-bandar kecil termasuklah kalau Yang Berhormat hendak orang kata hendak promosi Alor Star mungkin kita boleh- Pokok Sena tidak ada *airport*. Kalau tidak, saya boleh bawa ke Pokok Sena juga. Jadi ini perkara ketiga alasan ketiga kerjasama kita dengan SIA.

#### ■1030

Keempatnya ialah kerana kita tahu bahawa strategi MAS sebelum ini mereka mempunyai, strategi mereka ialah untuk mengisi *seat* yang ada dalam kapal terbang mereka. Oleh yang demikian mereka mempunyai rancangan sebelum ini di mana mereka menjual tiket katalah daripada Paris – Kuala Lumpur – Bali, Paris – Kuala Lumpur – Phuket, Paris – Kuala Lumpur – Singapura harganya lebih murah lagi kalau kita naik *direct* Paris ke Kuala Lumpur. Itu strategi dia untuk mengisi *seat* dia. Jadi jelas kalau mereka membeli tiket Paris – Kuala Lumpur – Phuket pelancong-pelancong itu hanya transit di *airport* sahaja. Jadi daripada segi strategi kita hendak membawa masuk pelancong ke Malaysia tidak tercapai. Oleh sebab itu sukar untuk kita bekerjasama dengan mereka.

Saya faham strategi dia hendak mengisi *seat*, tidak mengapa. Oleh sebab itu kita mencari alternatif yang lain dan kita lihat bahawa SIA menjual tiket cukup murah. Kalau datang daripada Paris ke mana ke Singapura ke Kuala Lumpur lebih murah. Jadi sebab itulah kita mengadakan kerjasama strategik dengan SIA kerana dia banyak membantu Tourism Malaysia dalam kita punya usaha untuk membawa pelancong ke negara kita.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberikan penjelasan yang cukup baik dan menunjukkan hebatnya Yang Berhormat Menteri membuat pelancaran *Visit ASEAN @50* tahun. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan tahniah juga kerana Yang Berhormat Menteri promosi untuk SIA dan bagi tahu kita semua tiket dia lebih murah daripada MAS. Jadi dia '*habaq*' kata jangan naik MASlah. [*Ketawa*] Yalah mana ada orang mahu naik tiket mahal, betul tidak? Mestilah orang hendak naik tiket yang murahkan? Jadi Yang Berhormat Menteri, saya hendak dapatkan penjelasan berkaitan

tadi dikatakan bahawa bila guna SIA pergi Singapura kemudian limpahan dia akan datang.

Mungkinlah kalau orang pergi ke Singapura itu limpahan mari ke Johor, mari ke Malaysia. Akan tetapi bila Yang Berhormat sebut tadi 37 penerbangan khas, sewa khas *direct* ke Langkawi umpamanya. Dia tidak limpah '*mai*' ke Alor Setar ke Tanah Besar ini, dia tidak melimpah, sedikit sangatlah. Sedangkan produk-produk pelancongan di sebelah Tanah Besar di negeri Kedah ini cukup banyak termasuk di Baling. Betul tidak Yang Berhormat Baling? Di Baling, mempunyai tempat air panas dia dan sebagainya untuk berikan daripada segi kesihatan yang cukup baik. Kita ada Gunung Jerai dan sebagainya, terlalu sedikit. Maknanya limpahan yang naik daripada Langkawi mari ke Kuala Perlis ataupun mari ke Kuala Kedah.

Jadi apa yang saya hendak minta ialah supaya kerajaan juga melihat macam mana Yang Berhormat kata tadi kita gunakan SIA sebab ada *direct flight* ke KL. Jadi yang itu juga kita minta bahawa ada *direct* daripada segi SIA kah, MAS kah, apa *flight* pun *direct* kepada Alor Setar. Jadi biar dia turun ke Alor Setar kita naik bot hendak pergi ke Langkawi. Baru dia nampak keindahan alam semula jadi yang ada di sekitar perjalanan kita dengan bot ke Langkawi. Akan tetapi kalau dia pergi ke sana memang dia hendak tengok *geoparknya* ada di sana. Strateginya harus betul kalau kita hendak melihatkan bahawa limpahan yang lebih menyeluruh bukan hanya pada Langkawi. Jadi saya minta satu lagi ialah apa kesan *progress* apabila kerjasama yang telah dibuat dengan SIA ini. Sejauh mana limpahan pelancongan itu datang dapat meningkat secara yang lebih mendadak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua untuk membantu negeri Kedah itulah sebabnya kita mengadakan kerjasama dengan SIA. Seperti mana yang telah saya sebut sebentar tadi SIA dia ada anak-anak syarikat penerbangan dia. Dia ada Sealed Air, dia ada Tigerair, dia ada Scoot. Tigerair ini merupakan syarikat penerbangan yang akan pergi ke tempat-tempat yang tidak dipergi oleh SIA ataupun Sealed Air. Oleh sebab itulah kita tengok Tigerair ini dia akan pergi ke Melaka, dia akan pergi ke kemungkinan dia pergi ke Ipoh. Dia boleh juga di masa yang akan datang kalau kita ada kerjasama yang baik dan kita mempromosi *mainland* Kedah saya percaya mereka juga akan terbang ke Alor Setar. Ini sebab kepada mereka asalkan ada tempat yang mahu dipergi oleh pelancong-pelancong. Maka sudah tentulah mereka akan menyediakan penerbangan itu.

Jadi saya bersetujulah iaitu bahawa Langkawi itu bukannya semuanya Kedah tetapi Langkawi ini terkenal di seluruh dunia lebih dari Kedah. Akan tetapi kita mesti mempromosikan tempat-tempat lain selain daripada Langkawi. Kedah melakukan satu

usaha yang baik apabila mengadakan melawat negeri Kedah tahun 2016 inikan? Tahun melawat negeri Kedah, ini satu usaha yang baik. Saya rasa kalau kita promosi tempat-tempat yang tertentu secara besar-besaran dengan meminta maknanya kerajaan negeri Kedah menghantar Exconya, ikut dalam saya punya *travel mart* yang diambil bahagian oleh Tourism Malaysia. Maka saya percaya Kedah juga akan menjadi tumpuan sebab Kedah juga kaya dengan sejarah, satu buah negeri yang di mana kerajaannya adalah lama mengikut kajian yang terbaharu.

Jadi ya, saya akan mempromosikan negeri Kedah dan negeri-negeri lain secara khusus untuk mereka supaya mereka akan lebih terkenal di luar sana. Apabila dia terkenal tentu orang akan datang. Kala pada ketika itu, ramai yang datang tidak cukup kapal terbang saya percaya SIA menerusi anak-anak kapal, anak-anak syarikatnya akan membantu dengan mengadakan penerbangan *direct* daripada Singapura ke Alor Setar.

*[Soalan No. 3 – YB. Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad (Mersing) tidak hadir]*

*[Soalan No. 4 – YB. Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa (Parit Buntar) tidak hadir]*

**5. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah kos sebenar menunaikan haji pada masa sekarang untuk seorang secara perbandingan dengan negara-negara lain dan jumlah sebenar yang dibayar oleh bakal haji serta jumlah yang ditanggung oleh Tabung Haji untuk seorang; dan
- (b) sejauh manakah kerajaan berjaya mendapatkan kuota tambahan untuk jemaah Malaysia.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** Tuan Yang di-Pertua,

*Dari Kuala Selangor ke Tenggara,*

*Soalan Tuan ini jawapannya.*

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Tabung Haji telah mengekalkan bayaran haji untuk seorang jemaah sebanyak RM9,980 selama lapan tahun berturut-turut iaitu semenjak musim haji 2009 Masihi atau bersamaan 1430 Hijrah hingga musim haji ini 2016 Masihi atau 1437 Hijrah. Walaupun kos haji sebenar bagi setiap jemaah meningkat setiap tahun bagi musim haji ini, kos haji sebenar bagi seorang jemaah RM18,890 dan perbezaan RM8,910 adalah ditanggung oleh Tabung Haji. Kos keseluruhan subsidi atau tanggungan haji bagi tahun 2016 Masihi dianggarkan mencecah RM160 juta. Sehingga kini negara-negara serantau masih belum

menetapkan kos haji bagi negara masing-masing bagi musim haji 2016. Walau bagaimanapun berikut adalah perbandingan kos haji bagi negara-negara serantau pada musim haji yang lalu iaitu 2015 seperti berikut:

Negara	Kos Sebenar Haji	Kategori Haji
Indonesia	RM19,378.95	Muassasah
Filipina	RM15,394.65 dan RM15,512.10	Muassasah
Singapura	RM27,570 dan RM52,770	Semua Pakej
Brunei	RM37,500 dan RM54,000	Semua Pakej
Thailand	RM24,927 hingga RM29,675	Semua Pakej

#### ■1040

Berhubung dengan kuota untuk jemaah haji Malaysia, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa mesyuarat Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) pada tahun 1978 di Aman, Jordan telah memutuskan bahawa Kerajaan Arab Saudi akan menetapkan kuota haji pada kadar 0.1 peratus daripada jumlah penduduk sesebuah negara berasaskan perangkaan prospek populasi dunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau *United Nations World Population Prospects*. Sebelum itu kuota rasmi Malaysia yang berasaskan perangkaan penduduk adalah berjumlah 27,900 orang.

Berikutan projek pembangunan di Kota Mekah termasuklah pembesaran Masjidil Haram, Kerajaan Arab Saudi telah mengurangkan 20 peratus daripada kuota rasmi semua negara bermula musim haji 2013 hinggalah musim haji 2016. Ini menjadikan kuota jemaah haji Malaysia terhad kepada 22,320 orang sahaja. Namun begitu Tabung Haji dan kerajaan sentiasa mengambil inisiatif dengan membuat rayuan pada setiap tahun kepada Kerajaan Arab Saudi. Bagi tujuan mempertimbangkan penambahan kuota untuk jemaah haji negara ini. Sekian terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang sungguh memberangsangkan saya. Tuan Yang di-Pertua saya hendak mengucapkan syabas dan tahniah atas pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan yang konsisten memenuhi harapan khususnya umat Islam di negara kita. Di kala ekonomi negara tidak tentu tetapi bayaran untuk menunaikan haji negara kita masih rendah di kalangan negara-negara ASEAN yang lain. *[Tepuk]* Tahniah saya ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru dapat SMS daripada penduduk dalam Parlimen Kuala Selangor. Setelah dia mendengar soalan saya sebentar tadi yang mana beberapa orang dalam Parlimen Kuala Selangor saya, apabila mereka mempercayai

fitnah yang mana tuduhan kononnya Tabung Haji ini dalam keadaan yang bermasalah khususnya dalam kaitan kewangan mereka menutup akaun mereka. Apabila ditanya mengapa mereka menutup akaun mereka, mereka mengatakan bahawa mereka menutup kerana mempercayai bahawa Tabung Haji ini ada masalah kewangan. Apabila ditanya bilakah mereka akan menunaikan haji? Mereka mengatakan bahawa mereka akan menunaikan haji dalam tempoh dua tahun lagi.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, *alhamdulillah* mereka ini sedar minggu lepas mereka buka balik akaun mereka. Berapakah tempoh penggantian setelah mereka menutup akaun dan menutup akaun kembali tempoh menunggu mereka untuk menunaikan haji muassasah ini? Kedua, apakah tindakan Tabung Haji terutamanya dalam usaha menangani elemen-elemen fitnah kepada institusi Tabung Haji? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Yang Berhormat Kuala Selangor yang menimbulkan dan mencetuskan isu yang berkaitan dengan Tabung Haji ini yang hakikatnya inilah realiti apabila kita membiarkan wajah-wajah fitnah itu dicorakkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Sehingga kita lupa bahawa institusi Tabung Haji yang telah berperanan dan memainkan peranan yang cukup besar dalam menguruskan jemaah haji kita di Malaysia bahkan telah diiktiraf seantero dunia.

Hari ini seperti mana Yang Berhormat sebutkan ramai yang sebenarnya terpengaruh pada peringkat awal apabila dituduh bahawa Tabung Haji tidak ada duit untuk membayar balik wang pendeposit. Ramai yang mengeluarkan duit bahkan mengeluarkan duit sehingga melupakan giliran mereka. Ini kerana kena ingat ya saya ingin terangkan di sini. Semua pendeposit Tabung Haji boleh mengeluarkan duit pada bila-bila masa kecuali mereka yang berdaftar haji yang telah pun diberikan giliran mereka Tuan Yang di-Pertua.

Mereka perlu mengekalkan jumlah wang berada dalam deposit masing-masing atau akaun masing-masing sebanyak RM1,300. Kalau mereka ingin mengeluarkan duit ini mereka perlu pergi ke kaunter dan perlu membuat pengisytiharan dengan mengisi borang. Tabung Haji telah menggunakan sebaik mungkin kaedah secara hikmah menerangkan kepada mereka bahawa apakah dengan izin *consequences*, natijah sekiranya mereka mengeluarkan dan mengisytiharkan bahawa mereka akan keluar terus dengan RM1,300 ini iaitu akan menjejaskan giliran mereka.

Ternyata apabila mereka terpengaruh dengan berita yang dibawa oleh Yang Berhormat Pandan mengatakan bahawa Tabung Haji ini tidak ada duit, rugi hanya berasaskan dokumen yang separuh benar yang tidak difahami dalam konteks yang

benar. Inilah yang akhirnya apabila mereka ingin mendaftar balik setelah kehilangan giliran ini. Kalau berasaskan minggu lepas, kalau mereka mendaftar balik mereka akan mendapat giliran 83 tahun. Ini yang sepatutnya mereka ada yang boleh pergi tahun depan sahaja Tuan Yang di-Pertua, ada yang boleh pergi tahun depan, ada yang boleh pergi dua tahun depan.

Akan tetapi kerana terpengaruh dengan fitnah yang dimainkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Inilah yang disebutkan dengan izin dalam Surah Hujurat ayat ke-6 Allah SWT telah memberikan kita amaran keras. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Wahai orang beriman sekiranya datang kepada kamu seorang yang fasik membawa satu berita kamu kena check dahulu, kamu kena selidik dahulu".* Ini kerana apa? Ini kerana takut nanti berita tersebut akan memudaratkan kamu dan akhirnya kamu akan menyesal atas tindakan kamu.

Ini yang berlaku hari ini Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itulah bagi Tabung Haji kita telah melakukan sedaya mungkin untuk memujuk mereka tetapi ini bahaya fitnah yang dimainkan hingga mereka melupakan segala jasa, segala apa yang telah dilakukan oleh Tabung Haji. Seperti mana yang saya sebutkan tadi Tabung Hajilah yang telah menguruskan haji ini dengan baik sehinggakan kita masih lagi mencatat kos pengurusan haji yang paling rendah di rantau ini RM9,980 berbanding dengan negara-negara lain. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih.

*Pendekar Sabah memang boleh tahan,*

*Soalan tambahan.*

Habis lepas ini tidak kena panggil ke kamar kah? Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mengelakkan fitnah ini pintu-pintu fitnah jangan dibuka. *[Tepuk]* Kalau mengatakan dokumen yang keluar itu dokumen separuh betul ertinya yang separuh lagi itu betul, separuh tidak betul, mana datang dokumen ini. Jadi soalan tambahan saya bukan berkaitan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada kuota lebih kurang dalam 22,000 kurang daripada 0.1 peratus penduduk Malaysia kerana sedang berlaku renovasi yang besar-besaran di Tanah Suci. Soalan saya kalau kita menunggu giliran seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi 83 tahun kalau orang yang mendaftar pada hari ini hampir-hampir ramai yang tidak akan dapat menunaikan haji.

Jadi apakah kita tidak boleh menguruskan kuota ini secara *regional* kita? Kita ada ASEAN, Indonesia populasinya 250 juta, 0.1 peratus ertinya 250,000 kuota haji dia dan negara lain juga begitu. Thailand misalnya tentulah dia mengikut populasi bukan penduduk Islam. Kalau Thailand ada 50 juta tentulah dia boleh dapat 50,000. Adakah

seramai itu yang pergi? Apakah tidak boleh kita bercakap atas konteks ASEAN kita di mana kita *share* kuota kita supaya negara yang boleh menghantar lebih ramai menggunakan kuota negara-negara yang tidak menggunakan kuota sedemikian. Apakah ini boleh dipertimbangkan? Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kena jawab juga tadi kalau tidak dia mencetuskan spekulasi di luar sana. Apabila saya mengatakan bahawa separuh benar itu, apa yang berlaku ialah *diviralkan* dokumen daripada Bank Negara bertanya berkenaan dengan kedudukan pengurusan kecairan risiko Tabung Haji. Akan tetapi apabila Tabung Haji menjawab surat tersebut dan surat balas daripada Bank Negara mengatakan bahawa mereka berpuas hati dengan kedudukan kewangan pengurusan risiko Tabung Haji, yang ini tidak *diviralkan* bahkan ditutup. Ini yang saya maksudkan sebagai fitnah. Kalau bukan fitnah tidak ada masalah tetapi ini jelas fitnah yang memudaratkan orang lain. Tanggunglah dosa di akhirat kelak.

#### ■1050

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kuota tadi saya sebutkan, ini adalah persetujuan yang dibuat dalam Mesyuarat Pertubuhan dengan negara Islam yang mana diputuskan bahawa setiap negara mendapat 0.1% daripada jumlah penduduk sesebuah negara berasaskan prospek populasi dunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan ini adalah apa yang telah dipersetujui oleh semua negara. Saya kira apa yang kita di peringkat Tabung Haji yang boleh kita tangani, kita ada beberapa langkah yang boleh saya bagi maklumat di sini bagaimana kita hendak menangani tempoh menunggu lama ini.

Pertama, prinsip yang kita kena ingat bahawa kita mendaftar, orang yang hendak melaksanakan haji berasaskan *first come, first serve basis*, dengan izin. Maknanya mereka yang mendaftar dulu akan mendapat giliran terlebih dahulu. Tidak akan timbul sebarang isu soal akan mengambil hak mereka oleh pihak-pihak tertentu. Tidak akan timbul sama sekali. Yang kedua, pendaftaran semula haji hanya boleh dilakukan selama 5 tahun dari tarikh akhir menunaikan fardu haji. Maknanya kalau mereka telah menunaikan haji, mereka hanya boleh melakukannya ataupun mendaftar semula selepas 5 tahun. Yang kedua tidak menawarkan tempat untuk menunaikan fardu haji kepada kanak-kanak di bawah 15 tahun walaupun telah berdaftar.

Yang ketiga, pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada bakal-bakal haji yang berusia 75 tahun ke atas untuk ke tanah suci lebih awal daripada giliran. Namun keutamaan diberikan bakal jemaah yang belum menunaikan fardu haji serta telah lulus pemeriksaan kesihatan. Ini pun bergantung kepada apabila berlakunya penolakan giliran. Contohnya kalau saya mendapat giliran untuk pergi haji tahun ini dan saya buat



keputusan untuk tidak pergi, kuota saya itulah yang akan diambil oleh mereka yang diberi keutamaan ini dan yang keempat bakal haji untuk kali kedua seperti mahram, pembantu atau pengiring bakal haji yang terpilih tetapi dikenakan bayaran penuh tanpa ditanggung oleh Tabung Haji.

Inilah sebahagian daripada kaedah yang kita boleh lakukan dan untuk pengetahuan juga kita setiap tahun, kerajaan melalui hubungan yang baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan kerajaan Saudi, kita sentiasa merayu kepada kerajaan Saudi untuk menambahkan kuota dan alhamdulillah kita antara negara yang paling yang tidak banyak negara yang mendapat kuota tambahan.

Tahun lepas saja untuk pengetahuan kita mendapat 5 ribu kuota tambahan tetapi kerana faktor tempoh masa yang amat dekat, kita hanya boleh mengisi 2,875 kuota tambahan dan kita satu-satunya negara yang diberikan *landing right* oleh kerajaan Saudi. Walaupun lapangan terbang sudah ditutup, tetapi kerana hubungan akrab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan kerajaan Saudi, akhirnya 3 penerbangan kita dapat turun ke Lapangan Terbang daripada Tabung Haji. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat jangan buat begitu.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** *Assalamualaikum.*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, pohon soalan tambahan. Ini isu penting.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat, kalau saya bagi boleh, soal Tabung Haji, soal haji. Yang bertanya tadi haji, biar hajah sekarang pula kita dengar soalan. Ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas memberi izin. Saya membaca jawapan bertulis Yang Berhormat Menteri kepada Yang Berhormat Pandan sebab di dalam Dewan sewaktu penggulungan Yang Berhormat Menteri mengatakan akan memberikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Pandan. Pecahan kos sebenar RM18,890 yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ya, RM18,890, kos selama 45 hari, kos haji. Pecahan yang saya dapat Tuan Yang di-Pertua dalam jawapan kepada Yang Berhormat Pandan yang saya tengok sendiri, dia lebih kurang RM6 ribu lebih untuk penerbangan *chartered*. Penerbangan *chartered* RM6,300 lebih kurang.

Tempat tinggal untuk 45 hari yang selalunya berkongsi 6 orang ialah RM9 ribu lebih. Makan, minum, muassasah 2 kali sehari dan pengangkutan yang dari Mekah ke Madinah dan ke Mina, Arafah, RM2 ribu lebih ya dan untuk yang selebihnya RM100 lebih saya ingat untuk kelengkapan seperti bag dan sebagainya. Pohon Yang

Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan RM6 ribu lebih untuk *chartered flight it's a bit steep*, dengan izin dan RM9 ribu untuk bilik berenam lebih kurang dalam RM200 sehari, kongsi berenam *is very high*. RM18,890 disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan jawapan bertulis Yang Berhormat Menteri kepada Yang Berhormat Pandan. Sebab Yang Berhormat Pandan tidak ada hari ini, jadi saya bangkit menanyakan. Pohon penjelasan kenapa begitu tinggi ya yang dikatakan kos sebenar tadi? Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya buat perbandingan dengan negara serantau. Negara serantau kalau kita tengok tadi pun, Malaysia 46 hari maksimum, RM18,890 itu. Negara lain, Indonesia, 40 hari pun RM19,378, Filipina, 30 hingga 35 hari RM15,512, Thailand, 45 hari RM29,675, Singapura 30 hari saja RM52,770, Brunei 30 hari, RM54 ribu. Jadi, kita harus berlaku adil. Kalau saya hendak perincikan dalam Dewan ini boleh, tetapi soalnya sekarang ini apakah kita tidak mengambil kira, pertama perkhidmatan yang Tabung Haji...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, AirAsia boleh RM1 ribu lebih tambang pergi balik. Takkan lah RM6 ribu? *Chartered flight*.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Duduk dulu, Yang Berhormat.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat, AirAsia itu kalau satu-satu, Kalau beli *in bulk* tidak mungkin dapat RM1,800.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tapi *chartered should be cheaper*.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Kita kena lihat secara keseluruhan. Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat kita kena lihat secara holistik perkhidmatan yang disediakan oleh Tabung Haji. Ini saya tidak memperincikan. Saya bagi contoh ya, Indonesia yang sebanyak itu RM19,378, kebanyakan mereka masak sendiri. Kita ini makanan disediakan selama 46 hari itu, makan petang, malam, pagi semua disediakan.

Jadi saya hendak sebutkan dekat sini, kalau kita bandingkan dengan kos-kos serantau pun, kita jauh lebih rendah RM9,980. Kenapa kita tidak boleh menerima hakikat yang jelas ini? Kenapa masih lagi hendak bermain dengan wayang, hendak mencorakkan persepsi rakyat seolah-olah Tabung Haji ini melakukan kesalahan besar dalam menguruskan haji ini?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamd Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Harga tiket apa fasal mahal?

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Okey jadi saya rasa itu sajalah daripada saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum.*

**6. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan usaha kerajaan bagi meningkatkan kelajuan internet terutamanya di Sabah. Adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan lebih banyak syarikat komunikasi untuk bersaing dalam usaha untuk meningkatkan kelajuan internet dan menghapuskan monopoli oleh Telekom Berhad.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu yang menanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua persoalan yang ditimbulkan dalam soalan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu. Pertamanya mengenai kelajuan internet bagi negeri Sabah dan kedua isu monopoli oleh Telekom Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kadar penembusan jalur lebar di Sabah terkini adalah pada kadar 72.4% berbanding 47% pada tahun 2014.

Bagi meningkatkan lagi kelajuan kemudahan internet di negeri Sabah, hasil daripada pengumuman Pelan Jalur Lebar Kebangsaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sehingga bulan Mac tahun ini kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah membelanjakan sejumlah RM2.3 bilion untuk pelaksanaan pelbagai inisiatif.

Antaranya, Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 1 dan 2, Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar, Sistem Kabel Dasar Laut yang menghubungkan negeri Sabah dan juga Semenanjung Malaysia di mana kita meningkatkan jalur lebar daripada 400 *gigabits* kepada 4 *terabits per second* dengan izin. Yang keempat, projek menaik taraf liputan jalur lebar mudah alih 3G ke 477 lokasi di negeri Sabah dan penyediaan perkhidmatan Streamyx sehingga mencecah kelajuan 8 *megabits* serta UniFi sehingga 100 *megabits per second*.

Jadi di antara hasil pelaksanaan hasil inisiatif-inisiatif tersebut selain dapat merapatkan jurang digital di antara bandar dan juga luar bandar dalam kalangan masyarakat dan juga melahirkan generasi ICT celik, ia juga digunakan ketika berlakunya gempa bencana di Gunung Kinabalu pada tahun lalu. Kemudahan yang telah dibina seperti Pusat Internet 1Malaysia telah digunakan 24 jam sehari sebagai pusat media dan pusat penyelamat kerana kemudahan internet yang terus beroperasi membolehkan laporan dihantar terus kepada agensi penyelamat seperti Jabatan Bomba, JPAM, hospital dan lain-lain dengan segera.

Menara telekomunikasi yang berada di sekitar kawasan bencana juga telah digunakan oleh pengamal radio amatur untuk sistem radio mereka ketika sesi menyelamatkan.

■1100

Untuk persoalan kedua Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan persaingan, pihak kementerian telah mengambil tindakan mengawal selia perkhidmatan *internet* di peringkat pemborong *wholesale* supaya syarikat telekomunikasi yang lain turut boleh menggunakan rangkaian *high speed broadband*, dengan izin Telekom Malaysia Berhad iaitu projek usaha sama awam dan swasta iaitu *public private partnership* dengan izin dalam aspek penawaran perkhidmatan jalur lebar kelajuan tinggi berasaskan gentian optik.

Dalam pada itu, melalui dasar liberalisasi sektor perkhidmatan komunikasi, semua syarikat telekomunikasi yang memiliki lesen penyedia perkhidmatan rangkaian dengan izin *network service provided* boleh menyediakan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi. Oleh itu, tidak timbul hanya Telekom Malaysia sahaja yang memonopoli perkhidmatan *high speed broadband* tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengawal atau turunkan kos internet yang tinggi? Kedua, berapa peruntukan dan status untuk menyediakan WiFi percuma di Kota Kinabalu? Adakah? Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, apabila kita bercakap mengenai kadar *internet*, adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh ITU dalam laporannya dengan izin *Measuring the information society report* pada tahun yang lalu, Malaysia menduduki tangga yang ketiga di kalangan negara Asian bagi kategori harga dan kemampuan jalur lebar, talian tetap, *price and affordability*. Jadi, kalau kita lihat perbandingan antara Malaysia dan negara-negara lain di Asian terutamanya dari segi kos penyediaan infrastruktur adalah berbeza.

Untuk makluman, kos penyediaan infrastruktur di Malaysia adalah lebih tinggi mengambil kira keluasan Malaysia berbanding dengan Singapura. Begitu juga dengan Thailand di mana kadar penembusan jalur lebarnya adalah lebih rendah daripada negara ini. Jadi, kalau kita lihat di situ program yang telah diusahakan oleh pihak kementerian melalui SKMM adalah menjurus kepada semua tempat boleh mendapat internet. Ini adalah selaras dengan konsep yang atau pun perjanjian yang

ditandatangani pada September 2015 di United Nations, di mana 193 dengan izin *members state of United Nations* bersetuju menggunakan *tag line* seperti *everyone should have access to the internet*.

Jadi, dalam hal ini apabila pihak kementerian melaksanakan pelbagai program seperti yang saya maklumkan tadi sebenarnya kita dapati bahawa kadar kelajuan dan juga kadar *internet* yang disediakan adalah rendah dan ini juga disokong apabila laporan oleh *World Economic Forum* pada tahun 2015 di bawah *network readiness index* yang mengambil kira beberapa *indicator* seperti infrastruktur, kemampuan untuk melanggan dan juga impak ekonomi diambil kira sebagai salah satu *indicator* untuk setiap negara terutamanya dari segi kelajuan internet dan juga *indicator*.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di beberapa kawasan di Kota Kinabalu misalannya terdapat beberapa pemberi perkhidmatan yang menawarkan perkhidmatan antaranya Telekom Malaysia Berhad yang menyediakan perkhidmatan UniFi. Saya ada senarainya dan sekiranya Yang Berhormat ingin melihat bolehlah berhubung dengan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ucapkan terima kasih sekali lagi dahulu tahun yang lepas sudah sampai ke Bintulu beritahu macam mana mahu naik taraf perkhidmatan internet. Akan tetapi, sampai hari ini jalur lebar ini belum nampak lagi peningkatan atau pun naik taraf.

Rakyat di Bintulu memang sedih mengenai isu ini. Selalu kita janji untuk rakyat kita janji tidak serupa bikin. Banyak laporan diperoleh daripada Telekom memang cakap ini sudah buat, itu sudah buat. Akhir sekali, di bawah apa pun belum buat. Contoh macam hari itu kita soalkan *tower-tower* semua atas bukit ada *valley* itu semua. Satu di atas satu di bawah. Macam mana hendak tembak itu signal, tetapi sampai hari ini rakyat kata apa pun tidak buat lagi.

Contoh di kawasan Bintulu masih lagi di kawasan pekan. Apa pun tidak dapat. Masih lagi belum nampak lagi peningkatan 5 km daripada bandar tidak boleh terima. *Broadband* pun tidak ada. Inilah yang saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah betul-betul ada satu rancangan untuk menyelesaikan perkhidmatan internet atau pun WiFi, *broadband*, Streamyx. Tidak usah kata Streamyx lagi, *broadband* pun belum lagi tentu. Ada lalu goyang sini goyang sana tengok signal tidak boleh jalan walaupun *broadband*.

Inilah, bila kita betul-betul boleh dapat satu rancangan. Saya kemungkinan hari ini kita tidak dapat, tidak apa. Bagi saya satu jawapan bertulis tidak apa. Ini betul-betul

perkara serius pasal Bintulu sebagai *industrial township* tetapi internet *service* tidak ada dengan izin. Jadi, saya memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri atas ini boleh bagi satu jawapan yang jujur dan ikhlas. Sekian, terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu sahabat saya. Dua kali saya turun di Bintulu Tuan Yang di-Pertua untuk meninjau sendiri perkara tersebut. Jadi, seperti yang saya maklumkan bahawa dari segi strateginya untuk *digital nation*, dengan izin menjelang 2020 adalah berdasarkan kepada tiga strategi utama iaitu dari segi perluasan *coverage*. Kedua keupayaan dan juga kelajuan.

Dalam hal ini seperti yang telah diumumkan untuk kawasan bandar yang juga meliputi kawasan Bintulu dipersetujui bahawa beberapa penaiktarafan dari segi infrastruktur dan juga kelajuan sedang dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, saya akan mendapatkan secara terperinci dan saya akan berkongsi dengan Yang Berhormat sendiri. Terima kasih.

**7. Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah perkembangan rancangan pihak kementerian untuk menambahkan bilangan pakar di hospital-hospital besar di seluruh negeri Sarawak terutamanya kawasan Bintulu; dan
- (b) apakah kekangan yang dihadapi sekiranya masih dalam tahap perancangan dan apakah langkah penyelesaiannya.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Soalan ini berkenaan dengan Sarawak khususnya dan juga Bintulu. Saya akan menyebut tentang senario yang ada sekarang tentang perjawatan doktor-doktor di Sarawak dan pengisian mereka.

Ini untuk Sarawak Tuan Yang di-Pertua. Pegawai perubatan pakar, jumlah perjawatan ada 235 tetapi pengisian 249. Maknanya sudah terlebih 14 daripada jawatan. Pakar klinikal 204, yang diisi 213. Maknanya lebih sembilan. Kesihatan keluarga ada enam perjawatan tetapi telah diisi 14. Maknanya lebih lapan pakar. Kesihatan awam 25, yang diisi 22 maknanya ada kurang tiga. Pegawai perubatan bukan pakar perjawatan ada 1,253 tetapi yang mengisi 2,602 maknanya terlebih 1,349. Sebagai perubatan siswazah yang *houseman* perjawatan adalah 870, yang diisi 624, yang masih kosong 246. Ini perangkaan pada 1 Januari tahun ini Tuan Yang di-Pertua.

Bagi Hospital Bintulu, pegawai perubatan pakar ada sembilan perjawatan tetapi yang diisi ada 12. Maknanya terlebih tiga. Pegawai klinikal ada lapan jawatan, yang diisi 11. Maknanya terlebih tiga. Kesihatan awam satu, diisi penuh. Pegawai perubatan

bukan pakar ada 173 semua tetapi yang diisi 171. Maknanya kurang dua lah. Pegawai perubatan siswazah, ini *houseman* jawatan ada 60, yang diisi cuma enam. Jadi, yang ada kosong 54 lagi.

Tuan Yang di-Pertua, memang ini telah berlaku di Sarawak dan kita telah berusaha untuk mewujudkan jawatan-jawatan baru melalui perundingan dengan JPA. Tuan Yang di-Pertua, memang ramai juga pakar-pakar yang enggan pergi ke Sabah dan Sarawak. Sebab itu, dalam hal ini kementerian telah pun membuat satu dasar penempatan di Sarawak dan Sabah untuk tempoh minimum enam bulan dan pada masa ini pakar yang telah ditempatkan di Sarawak boleh memohon untuk kembali ke Semenanjung selepas satu tahun penempatan.

#### ■1110

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga telah pun memberikan elaun-elaun khas, elaun-elaun tambahan. Contohnya bayaran insentif pedalaman dan satu lagi elaun khas mengikut lokasi dan tahap kesusahan telah pun berjalan dan belum lagi *complete*, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, memberi merit yang lebih kepada pakar dari negeri Sarawak dalam urusan kenaikan pangkat dan juga yang ingin meneruskan pelajaran dalam bidang sub kepakaran Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah elaun-elaun tambahan selain daripada elaun-elaun yang telah pun kita beri kepada- ini untuk menyeluruh ya, selain daripada elaun yang pertama tadi, ada elaun lagi yang telah diberi kepada pakar-pakar perubatan.

Ini untuk menyeluruh Tuan Yang di-Pertua, iaitu:

- (i) Meningkatkan jumlah pembayaran, bayaran insentif perkhidmatan kritikal dari RM500 kepada RM750 sejak daripada Januari 2008 dahulu;
- (ii) Meningkatkan elaun *on call* pakar kepada RM230 bagi *on call* pada hari baru bekerja dan RM250 bagi *on call* pada hari cuti awam;
- (iii) Menambah baik skim pembayaran insentif pakar iaitu peningkatan sebanyak RM300 hingga RM700 mulai daripada Januari 2009;
- (iv) Membenarkan pakar yang berkhidmat di KKM membuat lokum di hospital swasta dengan syarat-syarat yang tertentu;
- (v) Pakar yang melakukan kes-kes pembedahan pada hari cuti umum untuk mengurangkan mangsa menunggu bagi kes-kes pembedahan elektif akan diberi elaun seperti pembayaran elaun bekerja *sensational* iaitu RM200 sejam. Perluasan skim pesakit

bayar penuh (*full paying patient*) ke hospital untuk KKM. Sekarang ini sudah ada 10 hospital di seluruh Malaysia yang mengamalkan *full paying patient*.

- (vi) Peluang latihan ke luar negara bagi kursus jangka pendek dan kenaikan pakar lebih cepat mengikut tempoh pakar tersebut berkhidmat di KKM, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas soalan yang diberi tadi. Yang Berhormat Menteri, mengenai isu soalan tadi, kita memang sudah bagi jawapan, banyak sudah pakar sudah diisi, contoh di Bintulu. Saya tak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah sampai ke Bintulu kah belum? Silalah mari Bintulu. Saya bawa kita ada sesi berdialog di Bintulu bersama kita masyarakat pun boleh. *Neuro specialist* ataupun pakar *neuro*, apa pun tiada? Selalu kalau ada *accident* berlaku, hendak telefon pergi Kuching, tanya macam mana hendak selesai? Macam mana hendak berubat?

Rakyat kata kalau sampai Kuching, Kuching pula balik '*puda, puda, puda*', hujung-hujung dia sudah jalan pakai troli keluarlah, masuk jadi mayat sudah.

Tadi kita ini perkara serius, bukan jawab atas kertas. Betul-betul bawa ada berapa pakar dari Bintulu. Jangan kata pakar semua isi. Ini satu contoh, lain-lain punya pakar pun sama, tiada. Ada punya pakar *on the rotate* daripada Miri, kadang-kadang daripada Sibul, kadang-kadang daripada Kuching. Seminggu mungkin sekali, dua kali. Itulah rakyat hendak tanya sama saya, *you* sudah jadi Ahli Parlimen sudah 16 tahun, 17 tahun. pa cerita sudah pakar tak boleh selesai sampai hari ini? Bintulu, kata kita Bintulu maju.

Sampai hari ini pakar tak ada. Tak usah kata peralatan lagi kekurangan, kita cerita pakar tiada. Selalu kita *transportation* ke Sibul kah, ke Miri kah, ke Kuching kah. Kadang-kadang kata Kuching kapal terbang tak mahu hantar Tuan Yang di-Pertua. Dia kata MASwings tidak boleh hantar, nak tunggu. Kadang-kadang tak boleh tunggu, pakai kereta. Sekali sekala kena *transport* pakai ambulans, tengah jalan *accident* diri sendiri. Macam mana?

So, bila saya mahu tanya, bilalah? Ini soalan, bila ini Kementerian Kesihatan ambil ini perkara yang serius? Jangan kita jawab tidak serupa bikin. Bawah sana bila dengar macam sekarang *you* jawab, satu Bintulu punya orang dengar. Nanti balik esok tanya sama saya, mana? Kita pun ada cerita kata jawab. Jawatan ini semua sudah isi, masih lagi berbincang sama JPM. Berapa lama berbincang? Ini perkara saya tahu ia berlaku. Ini kata, jawatan itu sudah penuh. Akan tetapi kita hari-hari bina hospital sini-sana. Janganlah jawatan tidak tambah.



Untuk Kementerian Kesihatan memang sudah kata sudah isi penuh tetapi *you* punya jawatan tidak cukup bagi-bagi hospital di seluruh Malaysia. Tak usah kata di Sarawak lagi. Ini isu satu. Isu kedua, walaupun guna elaun-elaun khas, contoh macam di Bintulu. Elaun khas tidak cukup dia orang sewa rumah di Bintulu. Pakar kata dia mari dia tak boleh *survive*. Saya pun sudah berbincang, kenapa kita tidak buat satu *housing* sana, minta orang PFI kah ataupun cakap siapa hendak *invest*, selepas itu sewa kepada ini kerajaan atas *special* punya atau pun itu sewa khas kepada ini pakar-pakar ataupun doktor-doktor ataupun jururawat. Sampai hari ini belum nampak lagi perkara ini yang serius.

Kita sudah itu hari, Menteri pun sudah turun, kita beritahu. Dia pun sendiri lihat pakar. Saya soal ini isu tetapi itu masa dia mengaku ada lagi kekurangan. Akan tetapi ini hari saya cukup sedih dengar cakap, semua sudah isi. Tak betul. Inilah jawapan, jangan pegawai bagi jawapan kongkalikung, Timbalan Menteri pun baca kongkalikung juga di Parlimen ini pasal rakyat dengar. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Timbalan Menteri jawab betul-betul. Kalau tak boleh jawab ini hari tak apa, ini hari saya bagi *you* balik buat betul-betul bagi saya jawapan bertulis. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Sebenarnya saya sudah melawat Bintulu tetapi masa itu Yang Berhormat Bintulu tak ada di kawasan. Sudah pergi, saya tengoklah, saya sudah tengok.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh datang ke kawasan melawat. Jangan esok sampai, ini hari bagi tahu, saya pun ada kerja. Timbalan Menteri mesti ada rancangan betul-betul.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, betul.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Macam itu hari Menteri datang, saya ada. Janganlah Timbalan Menteri mari, saya tiada.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, tiada. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu hari Timbalan Menteri mari, esok sampai, ini hari petang baru bagi tahu.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Begitulah, ini hendak melawat banyak tempat. Tuan Yang di-Pertua, semasa saya melawat Bintulu memang hospital saya nampak keadaan dia memang di belakang itu memang keadaan yang cukup curam. Akan tetapi di situ kita boleh rancang untuk hendak bina kuarters untuk tambahan. Memang kuarters ada di belakang sana tetapi sebelah ke depan sedikit itu tanah curam dan memang boleh dibina tambahan kuarters di sana. Memang saya tahu di Bintulu sewa rumah memang cukup mahal. Oleh sebab itu ramai doktor kita dan juga pakar tak mahu pergi

ke sana, kerana antaranya adalah sebab-sebab sewa rumah mahal dan kuarters tak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal kepakaran yang ada di Bintulu, sekarang ini cuma pakar rawatan kecemasan dan pesakit luar, pakar perubatan am, pakar bedah am, perbidanan dan sakit puan, pediatrik, ortopedik, anesthesiologi, radiologi dan juga psikiatrik dan kesihatan mental. Belum ada lagi pakar neurologi. Yang ini saya akan jawab secara bertulislah bila hendak hantar. Bila hendak hantar *neurologist* pergi ke Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya sudah sebut tadi bahawa badan ataupun doktor itu ada. Pakar-pakar ada, doktor ada untuk ini. Sudah isi tetapi cuma perjawatan tak ada lagi. Jadi kita isi dulu. Kita tambah dulu perjawatan dan kita sedang berunding dengan JPA untuk hendak tambah perjawatan. Akan tetapi *body* dia sudah ada. Jadi maknanya, kerja berjalanlah Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya harap, saya akan pergi melawat sekali lagi. Memang saya rancang hendak pergi melawat beberapa tempat di Sarawak. Saya akan bagi notis awal kepada Yang Berhormat Bintulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan saya nampak berkisar dengan masalah hospital dan pakar di Sarawak. Saya jemput Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apabila kita mengatakan hospital ini, keperluan dia memang banyak Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kerana telah meluluskan peruntukan RM350 juta dan penambahan 430 katil baru kepada Hospital Miri yang dia melawat Miri pada minggu yang lepas.

■1120

Apa yang perlu saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri di sini, apabila hospital ini di naik taraf nanti, dibesarkan, adakah penambahan doktor-doktor, *nurses* dan juga *technician-technician* yang menjaga *equipment* dalam hospital itu akan bertambah? Harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil tindakan dengan segera. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang rancangan sudah ada dan peruntukan sudah diumumkan dan memanglah kalau kita hendak bina, hendak tambah katil di mana-mana di negara ini, memang kita perlu juga selari dengan penambahan kakitangan termasuk semualah, doktor, MA, *nurses*, semua sekali. Memang kita kena sediakan kalau kita hendak tambah 350 katil lagi.

Bermakna kita kena tambah kadarnya lebih kurang kalau kita ambil kadar Hospital Kuala Lumpur contohnya, dia ada 2,200 katil dan kakitangannya hampir 11,000 kakitangan. Maknanya tiap-tiap katil mesti ada empat perjawatan untuk tampung satu katil. Maknanya kalau 350 kali empatlah. Tambah lagi. Itu baru dapat *figures*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang telah kita sediakan. Maknanya semua disiplin kena ada untuk kita tambah katil. Jadi kalau kita tambah bangunan, tidak ada perjawatan, memang tidak kenalah Tuan Yang di-Pertua.

Jangan bimbang. Yang ini kita buat selari dengan pertambahan kakitangan kita. Terima kasih.

*[Soalan No. 8 – YB. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Pasir Mas) tidak hadir]*

**9. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah status pelaksanaan projek Pusat Latihan KEMAS di Kota Samarahan; dan
- (b) apakah kelebihan dan bagaimana Tabika KEMAS melebarkan operasinya untuk terus relevan meskipun bersaing dengan banyak tabika swasta lain.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Samarahan atas soalan nombor sembilan. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum bahawasanya Pusat Latihan KEMAS di Kota Samarahan telah pun diluluskan oleh pihak kerajaan dan kerja-kerja awalan telah dijalankan. Walau bagaimanapun, kita telah dimaklumkan oleh pihak kerajaan negeri bahawasanya tapak tersebut akan diambil balik oleh pihak kerajaan negeri bagi tujuan pembangunan lain dan pihak kerajaan negeri telah berjanji akan mengenal pasti dan juga akan menggantikan tapak baru.

Sebenarnya kerja-kerja awalan yang dimaksudkan ialah termasuklah kerja-kerja tanah dan juga kerja-kerja pemagaran yang telah pun dibuat dan kita berharap kita akan dapat menyelesaikan perkara ini di dalam tempoh yang seberapa segera. Projek ini adalah dianggap sebagai satu projek keperluan yang mendesak oleh kerana di Sarawak belum ada lagi Pusat Latihan KEMAS sebagaimana yang kita maksudkan.

Berkenaan dengan ada soalan juga daripada Yang Berhormat yang kedua tentang kelebihan kita menghantar anak-anak kita di Tabika KEMAS ini. Pertama sekali kita menyediakan perkhidmatan percuma kepada anak-anak kita yang menghantar di Tabika KEMAS. Kita sedar percuma tidak cukup tetapi dari segi kualitinya amat penting.

Walaupun kita bagi *free*, kadang-kadang kalau perkara itu, benda itu tidak ada kualiti, orang tidak akan hantar juga anak kita ke Tabika KEMAS. Oleh sebab yang demikian, pihak kementerian telah pun melakukan beberapa anjakan dan juga transformasi untuk memastikan bahawasanya tenaga pengajar di Tabika KEMAS ini dapat kita tingkatkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, keseluruhan tenaga pengajar kita di seluruh negara adalah 11,009 orang yang mana untuk tujuan mengajar anak-anak di seluruh Tabika KEMAS yang berjumlah 220,114 orang. Untuk pengambilan-pengambilan baru yang akan kita lakukan pada tahun 2016 ini, seramai 423 orang dan antara syarat utama mereka mestilah sekurang-kurangnya memiliki diploma.

Keutamaan juga kita akan berikan kepada pemegang-pemegang diploma ini yang mempunyai kelulusan di dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak dan yang selebih lagi kita akan menghantar guru-guru Tabika KEMAS secara berperingkat untuk memastikan mereka semua akan mendapat Diploma Pendidikan Awal. Kursus-kursus ini juga akan kita sentiasa jalankan di pusat-pusat latihan yang kita akan wujudkan.

Sebab itulah saya sebut tadi bahawasanya di Sarawak, keperluan di Sarawak adalah amat penting dan kita sedar bahawasanya ia perlu disegerakan memandangkan kepada keperluan kursus-kursus yang akan kita adakan nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperti yang dimaklumkan tadi, Pusat Latihan KEMAS di Samarahan telah diluluskan tapak. Namun begitu terdapat pindaan dari sudut tapak. Namun begitu saya ingin menarik perhatian pihak kementerian sebab saya telah mendapat tahu bahawa kerajaan negeri telah pun memberi tapak baru dan mohon pihak kementerian mengambil tindakan segera terhadap Pusat Latihan KEMAS atas keperluan pusat berkenaan kepada negeri Sarawak khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pihak kementerian. Apakah bentuk transformasi yang dicadangkan oleh pihak KEMAS yang akan dilaksanakan di tabika-tabika KEMAS dan berapakah tabika-tabika KEMAS yang terlibat dalam transformasi ini dan adakah pihak

KEMAS telah mengubah silibus pembelajaran selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Memang seperti yang saya sebut pada awal tadi, kita faham tentang keperluan terutamanya di negeri Sarawak dan kita ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan negeri yang telah pun memberi tapak ganti untuk menggantikan tapak yang sedia ada itu yang telah diambil balik oleh kerajaan negeri bagi tujuan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam melalui Program Transformasi Luar Bandar yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah baru-baru ini, kita telah mengambil beberapa inisiatif memastikan bahawasanya tabika-tabika KEMAS ini akan menjadi salah satu daripada tempat masyarakat menghantar, rakyat menghantar anak-anak mereka untuk belajar di sana. Sudah tentulah bagi kita, walaupun di sekolah-sekolah sekarang ini pendidikan awal sudah pun diperkenalkan tetapi Tabika KEMAS ini kita harap ia akan menjadi keutamaan kepada masyarakat.

Antara transformasi yang kita buat ialah kita akan memperkenalkan ataupun memberi nilai tambah kepada silibus pembelajaran. Walau bagaimanapun, ia akan tertakluk kepada Kementerian Pendidikan sendiri yang mana antara silibus yang kita perkenalkan ialah Program Penghayatan Pendidikan Islam. Program ini akan kita libatkan ke seluruh Tabika KEMAS yang ada dalam negara ini. Satu lagi ialah kita akan memastikan bahawasanya seboleh mungkin tabika-tabika KEMAS yang sedang beroperasi ini tidak akan ditutup.

■1130

Kita ada suatu garis panduan Tuan Yang di-Pertua. Contohnya, kalau Tadika KEMAS ini mempunyai pelajar kurang daripada 10 orang, maka dengan erti kata lainnya ialah kita terpaksa menutup tabika KEMAS ini. Akan tetapi buat masa ini kita cuba bertahan kalaulah kurang daripada 10 orang pun masih lagi belum kita tutup. Bagi kawasan-kawasan pedalaman contohnya, bagi pelajar-pelajar di sesebuah Tabika KEMAS yang mempunyai bilangan pelajar antara lima hingga 10 orang pun kita tidak tutup. Kita terus buka ataupun kawasan-kawasan yang juga melibatkan Orang Asli.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, soal usaha yang seperti saya sebutkan pada awal tadi ialah kita akan percepatkan guru-guru yang akan kita hantar berkursus bagi membolehkan mereka mendapat penarafan sijil yang bertaraf diploma untuk- kita faham bahawasanya tabika-tabika swasta di luar sana mempunyai guru-guru yang berkelulusan buat masa ini lebih baik daripada guru-guru Tabika KEMAS. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan berakhir untuk pagi ini. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12 (1). Sila Yang Berhormat Pengerang.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## **USUL**

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.33 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan usul Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan seperti yang tertera di nombor satu dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**

Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya telah masukkan satu usul 18(1) berkenaan dengan untuk menambahbaikkan tempoh masa sidang Dewan Rakyat supaya Dewan ini, semua wakil rakyat boleh bekerja dengan lebih selesa. Tengok saya pun sudah jadi sakit kerana kita terpaksa kita tundakan dari pukul 5.30 petang sampai semalam 12.45 malam. Jadi, ini adalah isu yang kebanyakan Ahli Parlimen terpaksa hadapi. Jadi Tuan Yang di-Pertua- jadi minta supaya saya bacalah. Okey, usul saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya ada jawab kepada usul Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam jawapan saya, saya katakan bahawa saya tidak benarkan. Apabila saya tidak benarkan, maka tidak bolehlah dibangkitkan balik dalam Majlis seperti ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu. Tuan Yang di-Pertua, saya pun tahu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bayan Baru, saya sudah buat keputusan Yang Berhormat Bayan Baru, duduk.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf minta supaya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, semua usul di bawah 18(1) yang dihantar di meja saya, saya beri pertimbangan yang sewajarnya. Kalau saya fikir bahawa usul itu dalam ruang lingkup kehendak dan tujuan objektif 18(1), saya benarkan. Kalau ia perlu disegerakan, saya benarkan. Kalau tidak perlu disegerakan, saya tidak benarkan. Usul Yang Berhormat itu adalah mengenai dengan soal bukan untuk kepentingan orang ramai. Kepentingan Ahli Yang Berhormat sendiri. Perkara yang ditimbulkan ialah soal kalau Yang Berhormat bercakap 10 minit ada isi, boleh semua Yang Berhormat bercakap tetapi ada yang berhujah satu jam setengah tidak ada *substance, repetitive*. Jadi, saya sudah *study* Yang Berhormat. Maka itu saya tolak.

Sekarang lagi Yang Berhormat tahu bahawa peraturan mesyuarat mengatakan bahawa mana usul yang ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua dalam kamar tidak boleh dibangkitkan. Yang Berhormat bangkitkan menghabiskan masa lagi. Antara lain, jadi ambil iktibar daripada itu.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bertanya keputusan Tuan Yang di-Pertua ke atas apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani semalam, berkaitan dengan penahanan Yang Berhormat Pandan. Adakah Tuan Yang di-Pertua akan memberikan *ruling* dan pendirian di sidang ini atau pun tidak? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, ekoran daripada apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani, maka terpaksa saya memerah fikiran, membaca *precedent* yang tertentu supaya nanti petua saya kepada isu-isu yang ditimbulkan, saya buat dengan cara baik supaya menjadi contoh ataupun menjadi panduan kita kepada kita esok lusa. Jadi, sebentar tadi saya ada menandatangani petua

saya berhubung dengan perkara-perkara begitu dan saya telah arahkan kepada Setiausaha untuk mengedarkan dan sekarang ini sedang diedarkan. Sila teruskan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Boleh saya bangkitkan satu Peraturan Mesyuarat 77?

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 77?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini ialah berkaitan dengan Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, berkaitan dengan 1 Malaysia Development Berhad yang telah dibentangkan atas meja, *all laid on the table*. Saya ingin bangkitkan persoalan berkaitan dengan Laporan Ketua Audit Negara yang telah dibentangkan, fahaman sayalah, yang telah diberikan kepada jawatankuasa tersebut tetapi belum dibentang kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Jadi, saya ingin tahu apakah- bilakah kita akan dapat? Oleh sebab dokumen itu, setakat perjalanan jawatankuasa ini belum habis, dokumen itu kononnya telah dirahsiakan di bawah Akta Rahsia Rasmi oleh pihak kerajaan. Kerja jawatankuasa sudah habis, laporan mereka telah dibentangkan kepada Dewan ini dan sudah jadi satu dokumen awam dan boleh dibaca oleh seluruh Malaysia. Akan tetapi dokumen yang sangat penting berkaitan dengan kandungan ini belum diberi kepada kita. Kita sudah dapat semua Laporan Ketua Audit dahulu, dibentangkan, *laid on the table* macam ini tetapi dokumen ini masih belum diberi. Jadi, saya minta kalau Tuan Yang di-Pertua boleh memberi satu penjelasan kepada Dewan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat Subang dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, berhubung dengan isu apa yang telah dibangkitkan itu, saya diberitahu oleh *Auditor General* sendiri bahawa laporan yang disebut oleh Yang Berhormat Subang itu adalah laporan khas yang dibuat untuk *Public Accounts Committee* dalam soal penyiasatan hal 1MDB. Menurut beliau, dokumen itu telah diklasifikasikan sebagai dokumen rahsia. Sehingga setakat ini dokumen itu belum lagi, kalau saya boleh gunakan istilah 'dibuka', bahawa ia bukan rahsia lagi. Atas sebab yang sedemikian, maka apabila laporan daripada *Public Accounts Committee* dibentangkan, yang tidak mempunyai dokumen seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Subang tadi, maka saya tidak boleh benarkan perkara-perkara yang masih rahsia untuk dibentangkan dalam Dewan.

Oleh kerana apabila saya buat itu, saya sendiri melanggar Akta Rahsia Rasmi 1972 ataupun Akta 88. Itu sahaja yang saya boleh terangkan di sini kerana *Official Secret Act* belum lagi *declassify*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung sedikit sahaja? Bukan panjang. Saya ucap terima kasih atas penjelasan itu dan maksud Tuan



Yang di-Pertua itu jelas kenapa dokumen itu tidak boleh, setakat inilah, tidak boleh dibentangkan atas meja semua Ahli Parlimen. Jadi, boleh saya ambil kesempatan ini untuk tanya kepada pihak kerajaan, bilakah mereka, kenapakah dokumen itu tidak dibuka rahsia, ikut perkataan Tuan Yang di-Pertua tadi, kenapa tidak dibuka rahsia pada masa Laporan PAC sudah siap untuk bacaan semua rakyat Malaysia? Kenapa kerajaan belum sedia untuk diklasifikasikan dokumen itu dan beritahu kepada semua awam? Apakah kandungannya seperti mana semua Laporan Ketua Audit yang lain?

Oleh sebab itulah tugas Ketua Audit Negara, *the Auditor General*, dengan izin. *That is his job to report and to make it a public document.* Jadi, apakah sebab pihak kerajaan? Saya harap boleh dapat jawapan kalau bolehlah. Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh tanya siapa yang ada di sini, boleh beri satu *at least* penjelasan kepada Dewan kenapa tidak dibentangkan hari ini bersama dengan laporan ini?

■1140

Apakah halangannya yang masih jadi halangan kepada pembentangan dokumen itu? Itu sahaja soalan saya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tan Sri.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tan Sri.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah ini isu yang sama?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Ya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Isu yang sama tetapi lain persepsi.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Isu yang sama dan saya hanya hendak mendapat kepastian. Saya selama hidup dekat 70 tahun ini, inilah kali pertama saya, mungkin saya tersilap, mendengar bahawasanya Laporan Ketua Audit itu diklasifikasikan sebagai rahsia. Saya tidak pernah lagi dengar, kot-kot saya ini sudah nyanyuk. Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tan Sri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tan Sri. Saya lihat ada pertindihan daripada segi tujuan OSA ini. Ini kerana kalau kita lihat laporan PAC berkenaan dengan 1MDB ini, banyak rujukan kepada kandungan-kandungan yang dalam Laporan Ketua Audit itu. Jadi, di manakah kita boleh asingkan apa yang diklasifikasikan sebagai OSA dalam Laporan Ketua Audit Negara berkenaan dengan 1MDB dan apa yang disebut dalam laporan PAC. Satu *public document*, satu yang diklasifikasikan sebagai OSA. Jadi

dalam pertindihan ini, bagaimana kita hendak asingkan ini? Saya rasa ini ada satu *conflicting*, pendirian *conflicting* yang jelas. Mohon Tan Sri jelaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya tidak boleh perjelaskan lebih lanjut daripada apa yang saya perjelaskan. Kalau disebut sebagai *official document secret*, maka *secret*, rahsialah. Apa yang saya cuma katakan di sini ialah saya tidak boleh benarkan perkara yang belum *declassified* untuk dibentangkan dan bukan saya yang memberi penjelasan. Itu sebab saya beri peluang kepada Yang Berhormat untuk memberikan pendapat. Terpulang kepada kerajaan nanti untuk respons. Akan tetapi pada sekarang ini, dalam agenda mesyuarat kita ialah usul saya masukkan daripada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan. Sila, teruskan setiausaha.

## USUL

### PENYATA JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT

11.42 pg.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat yang dibentangkan di atas meja mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas Dewan Rakyat D.R. 2/2016 hendaklah diterima dan dipersetujukan.”

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman dewan yang mulia ini, Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Belas terdiri daripada:

- (i) Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia iaitu Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai Pengerusi;
- (ii) Yang Berhormat Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Ahli bagi kawasan Kuala Krau;
- (iii) Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Ahli bagi kawasan Padang Rengas;
- (iv) Yang Berhormat Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, Ahli bagi kawasan Ayer Hitam;
- (v) Yang Berhormat Datuk Saravanan a/l Murugan, Ahli bagi kawasan Tapah;

- (vi) Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran, Ahli bagi kawasan Ipoh Barat; dan
- (vii) Yang Berhormat Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan, Ahli bagi kawasan Padang Serai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa cadangan pindaan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat oleh Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada hari Rabu 20 Januari 2016 adalah seperti berikut:

- (a) Tempoh notis pertanyaan jawab lisan dipendekkan daripada 14 hari bekerja kepada 10 hari bekerja dan tiga pertanyaan-pertanyaan jawab lisan daripada sepuluh pertanyaan berkenaan dikemukakan semasa persidangan Dewan berlangsung;
- (b) Kamar Khas (*Special Chamber*) dengan izin, diwujudkan bagi urusan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17 iaitu Ucapan penangguhan dan Peraturan Mesyuarat 18, perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan; dan
- (c) Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri (*Minister's Question Time*) dengan izin, diadakan selama 30 minit iaitu bermula pada jam 10.00 pagi sehingga jam 10.30 pagi pada setiap hari Selasa dan Khamis sebelum sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan bagi memberi ruang kepada Ahli Parlimen mengemukakan pertanyaan berhubung isu-isu terkini.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Belas telah menyediakan Penyata D.R. 2/2016 yang telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat pada Rabu, 6 April 2016. Penyata Jawatankuasa ini mengandungi sembilan cadangan pindaan kepada peraturan mesyuarat iaitu pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 13, 14, 16, 17, 18, 22, 24, peraturan mesyuarat baharu 14A dan peraturan mesyuarat baharu 24A Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan **Peraturan Mesyuarat 13** - Peraturan Mesyuarat 13 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (1), perenggan yang berikut, iaitu (1A). Walau apa pun perenggan (1), cukup bilang bagi Kamar Khas hendaklah mengandungi tiga orang ahli dengan

termasuk Pengerusi yang disebut dalam Peraturan Mesyuarat 16. Dalam peraturan mesyuarat yang sama, pindaan juga dibuat dalam perenggan (3) dengan memasukkan selepas perkataan "*Majlis Mesyuarat*" perkataan "*atau Kamar Khas*". Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 13 ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi cukup bilang Kamar Khas.

**Pindaan Peraturan Mesyuarat 14** - Pindaan kedua adalah kepada Peraturan Mesyuarat 14(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat iaitu dengan memasukkan selepas subperenggan (f), subperenggan yang berikut iaitu (fa) – Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri. Dalam peraturan mesyuarat yang sama, subperenggan (h) juga dipinda dengan menggantikan perkataan "*permintaan hendak menanggungkan Majlis Mesyuarat kerana*" dengan perkataan "*usul bagi*".

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 14 ini bertujuan untuk memasukkan Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri ke dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

Peraturan mesyuarat baharu 14A - Majlis Jawatankuasa juga mencadangkan perwujudan peruntukan baharu dengan memasukkan selepas Peraturan Mesyuarat 14, peruntukan baharu iaitu Peraturan Mesyuarat 14A mengenai Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas seperti yang berikut, iaitu urusan-urusan bagi setiap persidangan Kamar Khas hendaklah mengikut aturan sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua. Peraturan baharu 14A ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi aturan urusan mesyuarat-mesyuarat Kamar Khas.

Tuan Yang di-Pertua, penggantian Peraturan Mesyuarat 16 - Pindaan keempat yang dicadangkan dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat adalah untuk menggantikan Peraturan Mesyuarat 16 dengan peraturan mesyuarat yang berikut:

Kamar Khas:

16(1) Hendaklah ada sebuah Kamar Khas yang ditubuhkan untuk menimbangkan perkara yang dirujukkan kepadanya seperti yang berikut:

- (a) ucapan berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang dalam tanggungan kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17; dan
  - (b) perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai di bawah Peraturan Mesyuarat 18;
- (2) Semua Ahli Majlis adalah ahli Kamar Khas;
- (3) Cukup bilang Kamar Khas hendaklah tiga orang ahli yang terdiri daripada:
- (a) Tuan Yang di-Pertua;
  - (b) seorang ahli yang mengeluarkan usul; dan
  - (c) seorang ahli kerajaan.

- (4) Kamar Khas boleh bermesyuarat pada bila-bila masa semasa persidangan Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.

■1150

- (5) Pada bila-bila masa Kamar Khas bersidang Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang Ahli mempengerusikan Kamar Khas buat sementara dengan tidak payah diberitahu Kamar Khas dengan secaranya dan Ahli yang mempengerusikan tetaplah terserah kepadanya semua kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua sehingga Tuan Yang di-Pertua balik semula mengetuakan Kamar Khas;
- (6) Tiap-tiap persidangan Kamar Khas hendaklah dimulakan pada pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang atau lebih awal lagi setelah selesai atau ditangguhkan urusan dan Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas;
- (7) Walau apa pun perenggan dalam (6) Tuan Yang di-Pertua pada bila-bila masa boleh menempohkan persidangan mesyuarat selama yang ditetapkan masanya;
- (8) Tuan Yang di-Pertua boleh melanjutkan masa mesyuarat selepas pukul 4.30 petang setakat yang tidak melebihi 15 minit untuk menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga; dan
- (9) Peruntukan di bawah peraturan-peraturan mesyuarat ini hendaklah terpakai bagi Kamar Khas.

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 16 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru bagi mewujudkan Kamar Khas untuk menimbang usul berkenaan perkara tadbir kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 dan usul perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan di bawah Peraturan Mesyuarat 18.

**Pindaan Peraturan Mesyuarat 17** - Seterusnya, penyata Jawatankuasa mencadangkan pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 17, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat iaitu dipinda dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "*Usul Menangguhkan Mesyuarat Akhir Persidangan*" dengan perkataan "*Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan*".

Pindaan juga dicadang dalam Peraturan Mesyuarat 17 seperti yang berikut:

- (a) menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut, iaitu:

perenggan “(1) *Siapa-siapa Ahli selain Menteri yang telah mendapat kebenaran hendak memberi ucapan bolehlah mengeluarkan ucapan kepada Kamar Khas berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang dalam tanggungan kerajaan dan Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara yang dikeluarkan itu bolehlah menjawabnya*”;

- (b) dalam perenggan (4) dengan mengganti perkataan “*ucapan penangguhan*” dengan perkataan “*ucapan*”; dan
- (c) dengan memotong perenggan (5).

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 17 adalah berbangkit daripada perwujudan Kamar Khas di bawah Peraturan Mesyuarat 16.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan **Peraturan Mesyuarat 18** - Pindaan keenam yang dicadangkan adalah merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 18, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Pindaan yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

- (a) dalam nota birai dengan menggantikan perkataan “*menangguhkan Mesyuarat - Perkara*” dengan perkataan “*Usul - Perkara*”;
- (b) dengan menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut iaitu; (1) “*Siapa-siapa Ahli selain Menteri bolehlah berdiri di tempatnya dan meminta kebenaran hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan dengan membaca teks usul yang diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua*”;
- (c) dalam perenggan (2) dengan memotong perkataan “yang hendak meminta izin mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan”;
- (d) dengan memotong perenggan (3);
- (e) dengan memotong perenggan (4); dan
- (f) dalam perenggan (5) dengan memotongkan perkataan “menangguhkan Mesyuarat”.

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 18 adalah berbangkit daripada perwujudan Kamar Khas di bawah Peraturan Mesyuarat 16.

**Pindaan Peraturan Mesyuarat 22** - Cadangan pindaan yang ketujuh seterusnya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 22, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan cadangan pindaan adalah seperti yang berikut:

- (a) dalam perenggan (2) dengan menggantikan perkataan “14 hari bekerja sebelum mesyuarat dimulakan” dengan perkataan “10 hari bekerja kecuali diperuntukkan selainnya dalam perenggan (5)”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (4), perenggan yang berikut, iaitu: “(5) bagi maksud pertanyaan bagi jawapan lisan dalam perenggan (4), 3 pertanyaan bolehlah diserahkan kepada Setiausaha semasa persidangan Majlis dan pemberitahu bertulis berkenaan dengan pertanyaan itu hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh seorang seseorang Ahli tidak lewat daripada 7 hari bekerja sebelum hari yang hendak dibawa pertanyaan-pertanyaan telah dikeluarkan pemberitahu itu.”.

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 22(2) bertujuan untuk memendekkan tempoh pemberitahu berkenaan dengan pertanyaan-pertanyaan untuk diserahkan kepada Setiausaha daripada tidak lewat daripada 14 hari bekerja yang sedia ada kepada tidak lewat daripada 10 hari bekerja sebelum Mesyuarat dimulakan.

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 22(5) bertujuan untuk membenarkan tiga pertanyaan bagi jawapan lisan diserahkan kepada Setiausaha secara bertulis melalui pemberitahu tidak lewat daripada 7 hari bekerja semasa persidangan Majlis.

**Pindaan Peraturan Mesyuarat 24** - Pindaan yang selanjutnya iaitu pindaan yang kelapan adalah merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 24. Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (5) perenggan yang berikut iaitu; “(5A) walau apa pun perenggan (5) apa-apa pertanyaan yang berhubungan dengan Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri hendaklah mengambil masa 30 minit pada setiap hari Selasa dan Khamis sebelum permulaan waktu pertanyaan-pertanyaan.”.

Peraturan Mesyuarat 24(5A) adalah berbangkit daripada Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat baru 24A.

**Peraturan Mesyuarat baru 24A** - Dalam Penyata Jawatankuasa dengan cadangan pindaan yang terakhir adalah untuk mewujudkan peruntukan baru dengan memasukkan selepas Peraturan Mesyuarat 24, peraturan mesyuarat yang berikut:

(24A) Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri.

- (1) sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tidak dikeluarkan pemberitahu bertulis satu hari terlebih dahulu kepada

Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh seseorang Ahli sebelum Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri dimulakan;

- (2) seorang Ahli boleh mengarahkan pertanyaan kepada Menteri berhubung dengan perkara dasar yang dalam tanggungan Menteri itu;
- (3) Tuan Yang di-Pertua hendaklah memanggil ahli yang bertulis namanya pada pertanyaan itu;
- (4) ahli yang dipanggil itu hendaklah berdiri pada tempatnya dan mengeluarkan pertanyaan itu;
- (5) tempoh masa untuk setiap pertanyaan dan jawapan oleh Menteri yang berhubung dengan perkara yang dibangkitkan tersebut dihadkan kepada 10 minit;
- (6) pertanyaan tidak boleh dibahaskan;
- (7) pertanyaan tambahan dibenarkan dalam tempoh yang telah diberikan;
- (8) Peraturan Mesyuarat 23 hendaklah terpakai bagi peraturan mesyuarat ini.

Peraturan Mesyuarat baru 24A bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri untuk membenarkan seorang Ahli menanyakan apa-apa pertanyaan yang berhubung dengan isu-isu terkini.

Berdasarkan huraian di atas saya mohon mencadangkan supaya Penyata Jawatankuasa ini diterima dan dipersetujui. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Ahli-ahli yang menyokong?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Jadi, dalam soal ini saya telah memikirkan adalah elok bagi kita semua kalau tidak ramai yang berbahas dan berbahas itu pun secara kualiti berbahas kerana ini mengenai dengan peraturan mesyuarat dan penambahbaikan Parlimen. Jadi saya benarkan empat orang daripada pembangkang dan 10 minit seorang dan saya benarkan tiga orang daripada penyokong kerajaan, satu Ahli daripada Semenanjung, satu dari Sarawak dan satu dari Sabah sebelum Menteri menjawab.

■1200

Jadi saya mulakan daripada pembahas daripada pembangkang, Yang Berhormat Kluang sila, 10 minit.



**12.00 tgh.**

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan dengan kata *credit must be given where it's still*, apa yang patut dipuji kita puji. Pindaan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat yang dikemukakan hari ini adalah langkah-langkah yang baik, langkah-langkah menuju ke arah yang betul. Walaupun langkah-langkah ini saya kira *baby step*, langkah-langkah permulaan kami rasa tidak mencukupi tetapi *it is the right direction*.

Pindaan-pindaan ini adalah pertama sekali dalam puluhan tahun di mana pindaan *standing order* ini memberi ruang yang lebih besar atau masa yang lebih banyak untuk Ahli-ahli Ahli Parlimen untuk membahaskan dan bersuara untuk rakyat. Ini saya rasa adalah kita hendak memberikan pujian ataupun pengenalan. Sebenarnya pindaan ini melibatkan dua bidang *question time* dan Kamar Khas dan bidang ketiga iaitu sistem jawatankuasa tidak dimasukkan dalam kali ini. Untuk *question time* untuk masa pertanyaan saya hendak mula dengan pertanyaan teknikal. Pertanyaan-pertanyaan Menteri atau *Ministerial Question Time* ini adakah kita hantar notis satu hari sebelum itu dan notis itu siapa yang akan pilih, soalan apa dan siapa yang akan memutus kementerian yang mana akan datang dan adakah dalam setengah jam itu kita ada tiga Menteri ataupun seorang Menteri untuk setengah jam itu?

Kedua, dalam pindaan ini dikatakan pertanyaan-pertanyaan Menteri adalah bermula pada pukul 10.00 sampai 10.30. Adakah pada hari Selasa dan hari Khamis kita selepas pertanyaan-pertanyaan Menteri kita sambung dengan *question time* yang biasa sampai 11.30 atau sampai pukul 12.00, ini satu jam lagi ataupun kita sambung dengan satu jam setengah? Saya rasa untuk *question time* ini, ini permulaan yang baik tetapi saya harap pihak eksekutif, pihak kerajaan menganggap ini sebagai satu uji kaji atau eksperimen. Guna kami sebagai satu eksperimen dan bersedia kalau eksperimen ini baik, berhasil untuk semua, bersedia untuk tambah untuk membaiki ataupun menambahbaikkan *question time* secara besar-besaran.

Di UK, *House of Commons* biasanya untuk soalan-soalan notis hanya diperlukan dua hari atau tiga hari sebelum soalan dikemukakan dan untuk hal-hal Scotland, hal Wales atau Northern Ireland, lima atau enam hari diperlukan. So, adakah kita bersedia menuju kepada arah di mana notis yang lebih dengan tempoh masa yang lebih singkat, pendek dilaksanakan? Saya harap ini boleh dipertimbangkan walaupun penambahbaikan kali ini juga baik kerana kita pernah mengalami pada tahun 2008 di mana notis soalan kena dihantar sebelum bulan Julai apabila harga minyak itu USD 120 per tong, soalan dijawab pada bulan Disember 2008 di mana harga minyak USD 60 per tong sahaja. So, saya rasa ini kita boleh menambah baik.

Di Australia, soalan tanpa notis semua soalan dalam Parlimen itu pukul 2.00 sampai pukul 4.00 *question time* notis tidak diperlukan, notis langsung tidak diperlukan. Saya rasa ini kita kena fikir adakah kita bersedia untuk menuju ke arah di mana soalan atau pertanyaan dalam Parlimen diberikan lebih banyak peluang dan juga dengan notis yang lebih singkat? *Ministerial Question Time* ini boleh mungkin lain kali kita boleh fikir bahawa kita boleh pakai sistem UK di mana setiap Menteri kena datang ke Parlimen, Menteri sendiri jangan hantar Timbalan Menteri dan juga setiap Menteri perlu datang ke Parlimen mungkin tiap-tiap dua, tiga minggu kalau tiap-tiap dua minggu seorang Menteri datang dia diberikan setengah jam dia ditanya semua soalan di bawah bidang dia ini mungkin akan tambah akauntabiliti yang lebih baik.

Bidang penambah baik kedua ialah Kamar Khas ataupun *Second Chamber*. Saya rasa ini kita kena berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga pihak kerajaan kerana untuk terima idea-idea yang dicadangkan. Saya pernah cadang idea-idea ini sejak tahun 2008 dan sebenarnya Kamar Kedua ini inovasi baru di Australia, inovasi baru di United Kingdom. Di Australia dia hanya bermula pada tahun 1994 *about 20 years ago* dan saya rasa ini adalah cadangan yang boleh memberikan ruang yang lebih besar untuk ahli-ahli.

Di Australia sekarang, dipanggil sebagai The Federation Chamber dulunya Main Committee dan UK sekarang dipanggil Westminster Hall Debate. Saya harap kita boleh fikir selepas uji kaji, selepas eksperimen dalam bulan Mei mungkin jawatankuasa *standing order* boleh fikir bagaimana untuk meluaskan liputan Kamar Khas. Saya cadang Kamar Khas tidak perlu dihadkan kepada dua jam. Sekarang ini dihadkan kepada pukul 2.30 sampai pukul 4.30 tetapi pandangan saya *the more the merrier* kalau kita ada dua usul 18(1), kalau ada dua usul peraturan 18(1) pada hari itu kerana ia diadakan di Kamar Kedua kita boleh ada dua usul dibahaskan pada hari itu.

So, untuk hari tersebut kita ada dua jam untuk usul-usul peraturan 18 dan satu jam untuk ucapan penanguhan. Kita boleh cuba tanpa hadkan kepada dua jam. So, itu melibatkan 16(7), 16(8). Kita cuba mungkin tidak perlu hadkan kepada usul 18. Kita boleh gunakan *Second Chamber* ini, Kamar Khas ini untuk perbahasan seperti kalau ada satu usul untuk membahaskan laporan SUHAKAM. Usul untuk membahaskan insiden atau kejadian keganasan di Paris ataupun di Brussels ataupun di Lahore [*Disampuk*] ataupun di Semporna. Kita boleh bahas di sana untuk bukan sahaja untuk usul tergepar tetapi usul-usul lain yang kita boleh beri ruang untuk dibahaskan di sana di mana sini dirasakan oleh Tuan Yang di-Pertua kalau tidak sesuai ataupun tidak mencukupi masa usul-usul tersebut boleh dibawa ke Kamar Kedua dan diberikan peluang untuk mereka ingin membahaskan isu-isu ini.

Soalan teknikal saya minta Menteri untuk mengenalpastikan adakah kita akan ada empat ucapan penangguhan dalam sehari kerana tiap-tiap ucapan penangguhan ialah untuk 15 minit, tujuh minit setengah untuk pembentang dan tujuh minit setengah untuk jawapan daripada kerajaan. Saya minta untuk pengenalpastian sekurang-kurangnya setiap hari dalam sidang Kamar Kedua, Kamar Khas ini kita sekurang-kurangnya ada empat ucapan penangguhan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seminit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh tambah bagi sedikit masa untuk isu sistem jawatankuasa.

■1210

Saya hanya hendak ingatkan Menteri daripada Yang Berhormat Rengas, apabila Yang Berhormat Menteri jadi Menteri bertanggungjawab kepada Parlimen pada 2004, Yang Berhormat Gelang Patah masa itu Yang Berhormat Ipoh Timur mengadakan satu sidang tentang *first flow* Parlimen di mana Yang Berhormat Menteri adalah *guest of honor*. Saya masih ingat, saya belum jadi Ahli Parlimen masa itu, tetapi saya ingat Menteri kata, "*under my watch there will be no parachute bill*". *That was 12 years ago*

Akan tetapi saya rasa kita belum lagi sampai tahap itu, kita masih ada *parachuted bill*, kita masih ada *bill* yang rang undang-undang yang tidak diberikan masa yang mencukupi untuk membahaskan. Saya harap kerajaan, pihak kerajaan, pihak eksekutif jangan tutup pintu dan saya rasa memang dalam laporan prosiding yang saya baca ini, Yang Berhormat Menteri dari Pengerang kata, "*the conclusion for the forth item which is community system is not finally conclusive*."

Kerajaan bersedia untuk dengar, kerajaan bersedia untuk bincang walaupun buat masa sekarang ini kerajaan tidak bersedia. Saya harap kita boleh adakan sistem jawatankuasa dan adakan sistem jawatankuasa ini secepat mungkin, kerana sistem jawatankuasa ini bukan sahaja akan memberi ruang kepada pembangkang, walaupun dari segi kerajaan, kerajaan mungkin rasa ini untuk pembangkang sahaja, bukan. Saya rasa sistem komuniti, sistem jawatankuasa yang baik adalah untuk kebaikan semua dalam Parlimen.

Kenapa untuk semua kita dalam Parlimen, kerana di dalam jawatankuasa kita boleh mengembang atau membangun satu budaya yang lebih *collegial* di mana-mana *chamber* di US, di UK dan di Australia. *Chamber plenary* ini adalah *theater*. *Plenary are usually theater*, di mana Ahli Parlimen menonjol atau menunjukkan diri mereka. Tetapi dalam jawatankuasa biasanya budaya jawatankuasa lebih *collegial* dan kita boleh ada *bipartisanship* dalam banyak hal. Dalam banyak hal, itu *person of human affairs are commonsensical*.

Kita dalam jawatankuasa, kita mungkin boleh bersetuju tentang 80 peratus dan yang tidak setuju ini, kerajaan masih ada majoriti, kerajaan ada majoriti dalam jawatankuasa, kerajaan ada majoriti dalam Parlimen dan saya rasa kerajaan tidak perlu takut di mana jawatankuasa ini hanya untuk pembangkang sahaja dan juga saya rasa satu sikap baru kita mesti ada satu sikap baru di mana kita mesti ada sikap *open government*. Di mana kerajaan mesti berfikir bahawa *the days of government is know best is over*.

Kerajaan, Ahli-ahli kerajaan di sebelah sana tidak mungkin tahu apa pegawai kementerian mereka buat. So kalau dalam sistem jawatankuasa yang lebih baik, kita dalam Parlimen *backbencher* dengan pembangkang boleh bantu kerajaan supaya buat *check and balance* terhadap bukan Menteri sahaja, tetapi kepada sistem kerajaan yang kita ada dan kita sebenarnya boleh bantu Menteri kalau dari segi *budgeting* dari segi isu-isu kita boleh bantu kerajaan.

Akhirnya, saya rasa kita perlukan sistem ini kerana kita tidak boleh gantung kepada AGC sahaja. AG's *Chamber* walaupun dia boleh buat undang-undang, dia boleh gubal undang-undang, tetapi AGC bukan ahli politik, AGC tidak faham apa yang di *on the ground*.

Kita perlukan ahli politik dari dua belah terutamanya *backbencher* juga, kerana satu hari nanti *backbencher* kena jadi Menteri dan *backbencher* perlu faham sistem kerajaan. *Backbencher* tidak boleh jadi pembangkang sahaja, *but* sistem sekarang ini tidak memberikan peluang kepada *backbencher*, tidak memberikan peluang kepada pembangkang untuk memahami sistem kerajaan.

Saya rasa saya sudah ambil terlalu banyak masa, saya hanya hendak harap selain daripada sistem jawatankuasa, kita boleh tambah hari sidang di Parlimen, kita mungkin boleh fikirkan mungkin boleh pindahkan *Senate* ke Istana Negara lama ataupun ke pejabat-pejabat tempat lain supaya kita boleh gunakan Dewan ini sepanjang masa dan saya rasa ini juga hasrat Tuan Yang di-Pertua di mana *Parliamentary Service Act* boleh dibawa balik secepat mungkin.

Saya harap nanti bila Menteri jawab, berikan satu *time frame* sekurang-kurangnya tentang kajian terhadap sistem jawatankuasa, berikan satu *time frame* supaya Parlimen dimaklum bahawa apa yang akan berlaku selepas pindaan ini. Saya harap ini *babies step* ini pindaan permulaan ataupun penambah baik permulaan ini, langkah-langkah permulaan ini tidak berhenti di sini, dan saya harap Parlimen ini masih ada mungkin tidak sampai dua tahun, dalam dua tahun ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Rengas dan semua di pihak sini, kita boleh cuba jadikan *legacy* sesi

Parlimen ini supaya generasi yang akan datang dapat satu Parlimen yang moden, satu Parlimen yang bertaraf dunia, satu Parlimen yang kita semua banggakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat daripada sebelah kanan saya, tiada? Okey. Kalau begitu tadi DAP, sekarang ini daripada AMANAH. Sila Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Menteri atas pembentangan Penyata Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat yang telah melaksanakan tugasnya, berapa tahun Tuan Yang di-Pertua? Berapa tahun bincang ini, lama juga ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baru juga.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Baru juga. [*Ketawa*] Pertama, kita mengucapkan syabas dan saya sendiri, baik rakan-rakan AMANAH berasa bertuah kerana berada dalam sesi Parlimen kali ini untuk melihat satu perubahan kepada peraturan mesyuarat kita, dan mudah-mudahan ia akan dapat di dimanfaatkan oleh kita pada sesi ini dan juga pada masa-masa yang akan datang.

Akan tetapi, secara ikhlas saya berasa ada sedikit dengan izin *disappointment* kerana apa yg kita harapkan mungkin seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kluang lebih daripada ini, *but it always good to have something* daripada tiada. Malah apa yang dicadangkan ini memang penting, memang bagus. Apa yang saya hendak sebutkan ialah kita mengharapkan daripada awal lagi supaya jawatankuasa pilihan ini yang ditangguhkan oleh pihak kabinet itu, itu yang menjadi *wish* kita sebelum daripada ini, kerana apabila kita melihat rakan-rakan pembuat dasar di negara yang lain, termasuk di Kongres Amerika, di Parlimen Indonesia sendiri yang menjadi *pride* mereka Tuan Yang di-Pertua ialah mereka berada dalam fraksi ke ataupun komisi-komisi.

Mereka lebih banyak menyatakan dengan bangganya bahawa saya berada dalam komisi pertahanan, komisi keselamatan dan sebagainya. Jadi menggambarkan bahawa mereka ada fungsi-fungsi tertentu yang menyebabkan mereka perlu mahir dalam isu-isu sedemikian. Saya mengandaikan kalau ini berlaku, maka kita akan menaikkan taraf pengetahuan dan perbincangan Ahli-ahli kita di Dewan ini, dengan lebih baik mengikut jawatankuasa yang kita cadangkan tersebut.

Saya pun tidak pasti kenapa ia ditolak, katanya untuk dibuat kajian yang lebih terperinci, bagi saya jawatankuasa yang dicadangkan bukanlah jawatankuasa yang sangat kritikal, jawatankuasa pengangkutan dan bandar misalnya, ia bukan sesuatu yang melibatkan keselamatan negara kerana dalam ini jawatankuasa keselamatan tidak ada, jawatankuasa ketenteraan tidak ada. Semuanya yang berbentuk perkara-perkara

sosioekonomi. Saya rasa tidak perlulah ditangguhkan, malah kita mula dengan sesuatu yang agak lebih ringan sebegini.

Akan tetapi nampaknya kita terpaksa menunggu suatu masa yang lain apabila kerajaan bersetuju untuk melakukan pindaan.

■1220

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Bangun]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Soalan saya, agak-agaknya bilakah kita akan meneliti cadangan pembentukan jawatankuasa ini dan kalau boleh disegerakan. Ya, sila.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya sangat bersetuju dengan apa yang diperkatakan mengenai jawatankuasa.

Baru-baru ini saya dapat peluang bersama di dalam mesyuarat CPA di UK dan saya sangat gembira bila melihat semua parti yang ada dalam isu-isu tertentu terutamanya dalam isu hak kemanusiaan dan wanita. Mereka ada kokus peringkat jawatankuasa itu dan akhirnya apa yang dibawa ke Parlimen itu boleh dikatakan yang telah dipersetujui bersama. Jadi, di dalam Parlimen itu sendiri dengan mudah maknanya perkara itu diluluskan dan keputusan yang diambil itu adalah memang untuk kepentingan negara, kepentingan komuniti tertentu dan sebagainya.

Jadi, amat penting saya rasa kalau kita hendak *progress* ataupun maju ke hadapan lagi, kita perlu menyegerakan jawatankuasa ini. Saya cuma hendak masukkan ke dalam ucapan. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih. Saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Kota Raja. Sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya pun merasai seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Kota Raja bahawa persoalan jawatankuasa ini adalah amat penting dan akan menambahkan keberkesanan Parlimen ini dan peranan khususnya peranan kami di pihak pembangkang dan juga keberkesanan peranan pihak kerajaan sendiri.

Ini kerana apa yang ingin dibawa perlu dibahaskan dan dikaji dari semua sudut sebelum ia dibawa ke Parlimen ataupun ia dilaksanakan. Hanya saya ingin bertanya ialah bahawa ia ditangguhkan untuk sementara waktu bagi membolehkan kajian yang lebih terperinci dilaksanakan dan memperhalus pelaksanaan sistem yang bersesuaian diguna pakai di negara ini. Maknanya daripada kata-kata itu, saya memahami bahawa

persoalan ini telah pun dibincangkan. Ia cadangan yang telah pun dipertimbangkan tetapi mungkin ada isu-isu khusus yang ingin dikaji, yang ingin diperhalusi.

Saya harap bahawa pihak Menteri boleh mengemukakan apakah kekhawatiran-kekhawatiran yang menyebabkan pelaksanaannya ditangguhkan? Sedangkan seperti mana yang kita dengar, kita semua bersetuju dan hakikat bahawa kerajaan juga ingin memperhalus dan mengkaji dengan lebih terperinci pun maknanya pada dasarnya kerajaan pun setuju, lalu apakah isu yang menjadi halangan utama. Mungkin kita boleh cadangkan jalan keluar supaya persoalan jawatankuasa ini, pembentukannya dan pelaksanaannya dapat dipercepatkan. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya yakin Menteri selaku Yang Berhormat Padang Rengas mendengar dengan teliti harapan daripada kita di sebelah sini. [*Merujuk kepada blok pembangkang*]

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengharapkan dalam kaedah kita membahaskan dan meluluskan rang undang-undang, kita masih mengikut cara yang lama iaitu peringkat Majlis dan peringkat jawatankuasa. Seandainya sesuatu rang undang-undang itu disediakan atau dirancang dengan baik, ia tidak perlu tergesa-gesa diluluskan.

Dengan maksud, kalau boleh kita perhalusi perbahasan di peringkat jawatankuasa, peringkat dasar, peringkat majlis, tetapi di peringkat jawatankuasa seperti yang diamalkan di sesetengah tempat apabila rang undang-undang itu dibentangkan baik oleh kerajaan ataupun dibawa oleh Ahi-ahli yang lain, *Private Member's Bill*, ia—saya mengharapkan dari dahulu lagi kalau boleh ia dibawa ke satu peringkat jawatankuasa yang benar-benar jawatankuasa.

Bukan hanya sekadar kita menurunkan cokmar kita ke bawah *and then we are in the committee stage, same people, same Chairman*, dengan izin tetapi dibawa ke suatu Jawatankuasa. Mungkin di tempat yang lain daripada segi fizikalnya, premisnya dan disertai oleh pelbagai pihak yang ada *stake* di dalam menangani rang undang-undang. Itu harapan saya dan mungkin suatu masa kita akan boleh berbuat demikian.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan jawatankuasa menimbang rang undang-undang ini, alasan yang diberikan mengenai mengapa ia ditolak. Bagi saya ia merupakan satu alasan yang tidak begitu wajar kerana apa yang disebutkan ialah terdapat kemungkinan akan ada

kelewatan, *delay* dalam proses penggubalan rang undang-undang ini daripada segi logistik sebelum dapat dibawa ke Mesyuarat Dewan Rakyat.

Saya rasa bagi rang undang-undang yang begitu mendesak yang memerlukan ia dibentangkan dengan segera atas sebab-sebab yang tertentu, ia mungkin kita boleh adakan peruntukan untuk membenarkan dalam keadaan-keadaan yang tertentu supaya tidak melalui jawatankuasa ini. Akan tetapi secara kebiasaan, adanya jawatankuasa rang undang-undang itu untuk membahaskan supaya apabila sesuatu rang undang-undang itu dibawa untuk diluluskan oleh Dewan ini, ia telah pun dikaji dengan teliti, dengan lebih menyeluruh daripada segala sudut dan sebagainya. Saya rasa itu merupakan satu perkara yang cukup baik.

Maka saya merasakan bahawa alasan penolakan itu adalah tidak begitu mantap dan saya memohon supaya ia dikaji ataupun keputusan itu dikaji kembali yang mana secara biasanya, melalui jawatankuasa rang undang-undang. Akan tetapi, atas keadaan-keadaan yang tertentu mungkin maka ia boleh di *bypass* dengan diberikan sebab dan alasan kerana kita hendak membudayakan persoalan pembentukan jawatankuasa dan perbahasan di peringkat jawatankuasa. Bagaimanakah pandangan Yang Berhormat Kuala Krai?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, seperti juga hujah-hujah tadi, saya rasa pandangan kita sama. Oleh yang demikian, saya memohon sekali lagi hasrat kami ini diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak Menteri.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Kalau dibenarkan, ringkas sahaja. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Akan tetapi yang saya faham juga dan kalau kita ikut peraturan mesyuarat yang sedia ada, sebagaimana Yang Berhormat Kuala Krai sebutkan tadi, sudah ada dalam peraturan mesyuarat kita prosedur yang mana selepas dibahaskan di peringkat majlis pada Bacaan Kali Kedua, ada dalam peraturan mesyuarat sedia ada peluang dan prosedur yang mana ia boleh dibawa kepada suatu peringkat jawatankuasa yang benar-benar bukan jawatankuasa sesebuah Dewan. Jadi masalahnya, amalkan itu sahaja. Tidak perlu kelulusan daripada Kabinet ataupun pindaan kepada peraturan mesyuarat. Jika itu yang kita amalkan, itu satu permulaan yang baik. Setujukah Yang Berhormat Kuala Krai?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, adakah isu ini persoalan *interpretation* kita di Dewan ini ataupun itu adalah rohnyanya dari dahulu yang mungkin kita kena kaji semula



pandangan Yang Berhormat Tumpat itu dan kita buat interpretasi yang lain yang tidak melanggar keseluruhan *statement* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi, isu mengenai tempoh menyerahkan soalan-soalan yang dipendekkan daripada dua minggu kepada sepuluh hari dan dalam masa yang sama, kita boleh menyerahkan kepada pihak Parlimen untuk jawapan Menteri dalam tempoh satu hari walaupun ia dihadkan kepada perkara-perkara dasar yang mana kita yakin Menteri-menteri ini agak *familiar* dengan tugas mereka. Jadi satu hari itu mencukupi.

Saya juga berkeyakinan, tempoh sepuluh hari itu boleh juga kita pendekkan. Kalaupun tidak satu hari, kepada tiga hari misalnya kerana ini lebih *current* kepada suasana yang kita hendak bangkitkan kerana sepuluh hari ataupun dua minggu itu memang terlalu lama. Kadang-kadang, "*water under the bridge*" by the time kita duduk bersidang. Jadi, saya minta dikaji semula. Kalau boleh dipendekkan lagi.

■1230

Seterusnya yang ringkas juga mengenai 18(1). Saya ingin mencadangkan, ini perkara kecil Tuan Yang di-Pertua, semantik sahaja ya. Dalam *statement* tersebut, teks yang dicadangkan di penghujungnya, "*Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan itu kecuali jika dia berpuas hati satu perkara itu ialah perkara tertentu berkehendakkan disegerakan dan berkenaan kepentingan orang ramai*". Jadi default nya Tuan Yang di-Pertua, ditolak dahulu. Saya hendak mencadangkan supaya kita lebih positif, Speaker menerima melainkan ia tidak begitu ya, jadi saya rasa kalau asalnya pun sudah memang ditolak jadi munasabahlah kalau banyak 18(1) kita ditolak, sebab itu *premise* kita yang awal.

Akhir sekali saya ingin bertanya kepada Majlis ini, secara fizikalnya di mana agaknya lokasi Kamar Khas kita dalam keadaan yang ada ini, kerana saya berkeyakinan kalau kita meluluskan perkara ini, sidang Mei ini kita sudah boleh mula bersidang di Kamar Khas. Saya mungkin *missed* Menteri tadi, kalau boleh diulang balik untuk mengetahui di mana tempatnya.

Soalan pengakhirnya untuk memanaskan suasana, apabila Speaker melantik seorang pengerusi sementara untuk mengendalikan Kamar Khas ini daripada kalangan Ahli-ahli Majlis, ada elaun kah? Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Bayan Baru.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Pihak di sebelah sini pula?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bayan Baru selepas itu Yang Berhormat.

### 12.31 tgh.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang membentangkan usul yang sungguh bersejarah. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua daripada pihak kami kerana ini adalah satu laporan yang ditunggu-tunggu kerana kita tahu bahawa selama ini, saya sendiri tahu bahawa di bawah kepimpinan Tuan Yang di-Pertua memang telah melaksanakan banyak perubahan, bermula dengan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji penambahbaikan sejak tahun 2011 lagi yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Petra Jaya di mana pada masa itu dia Timbalan Speaker, saya rasa itu telah menunjukkan keikhlasan Tuan Yang di-Pertua untuk membuat perubahan dan penambahbaikan kepada Parlimen. Tahniah sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa isu yang kita bincangkan di sini ia bukan sahaja menukar prosiding peraturan mesyuarat sahaja tetapi adalah untuk menaikkan martabat dan juga kedaulatan Parlimen. Ini adalah isu yang paling utama kerana kita tahu bahawa Parlimen ini adalah tunjang utama kepada sebuah kerajaan. Jadi kita ada Parlimen, kita ada eksekutif dan juga kita ada *judiciary*. Jadi Parlimen ini harus sentiasa—sekarang sudah sangat tinggi martabatnya tetapi kita hendak menaikkannya lagi dan kita masih seperti yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terdahulu, *it's a baby step, it's a right direction but it's not died yet*, ada banyak yang perlu kita tingkatkan. Contohnya adalah—saya rasa Parlimen ada *the rights to manage themselves, own affairs*. Jadi, adalah penting bahawa Parlimen diberikan kuasa untuk *manage our own affairs*.

Jadi saya hendak mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri supaya kita mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen [Akta 394] supaya Parlimen mempunyai kuasa. Ini kerana pada masa sekarang, kakitangan daripada Parlimen perlu di *subcontractor* dari tempat-tempat lain. Kadangkala setiausaha Parlimen pun pening kerana ada isu dan terpaksa diselesaikan. Jadi kalau kita ada kuasa perkhidmatan Parlimen, maka Speaker dan juga setiausaha Parlimen boleh menguruskan segala *Parliament affairs* dengan sendiri.

Kedua, adalah peruntukan kepada Parlimen. Saya rasa pada masa ini tidak cukup dan selalunya kena melalui Menteri Kewangan dan melalui *submit to* kerajaan. Akan tetapi kalau kita diberikan bajet yang tertentu kepada Parlimen supaya Parlimen boleh menguruskan kewangan tersebut secara sendiri melalui jawatankuasa khas yang

menguruskan kewangan seperti di Parlimen-parlimen lain di luar negara seperti di UK dan sebagainya, mereka diberikan peruntukan yang tetap dan mereka mempunyai kuasa antara Ahli-ahli Parlimen untuk membincangkan bagaimana menguruskan kewangan mereka. Jadi itu lebih elok untuk kita.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Pencelahan, boleh sedikit? Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Bayan Baru kerana Yang Berhormat Bayan Baru bercakap tentang kedaulatan Parlimen ataupun menjaga kewibawaan institusi Parlimen.

Saya hendak mulakan dengan merekodkan dalam Dewan ini, tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah pun membuat satu *ruling* yang saya percaya baik untuk dikongsi berkaitan dengan penahanan Yang Berhormat Pandan di mana Tuan Yang di-Pertua telah menyatakan dalam kertas yang baru saya baca bahawa sebarang penahanan selepas ini sewajarnya dimaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebelum sesuatu tahanan itu dibuat. Saya percaya ini juga satu ingatan kepada Ketua Polis Negara tentang perkara ini. Ia juga berkaitan dengan kedaulatan Parlimen.

Kedua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Bayan Baru dalam proses kita membuat reformasi terutamanya pindaan peraturan mesyuarat ini, kita baca beberapa laporan berita mengatakan bahawa untuk mendapatkan ataupun memastikan pindaan ini berjalan, perlu pula dirujuk kepada pihak eksekutif.

Kalau kita tengok di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 44 itu menyatakan dengan cukup jelas bahawa apabila sahaja hal yang berkaitan dengan Parlimen, ia hanya ada Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis. Sepatutnya tidak perlulah dalam konteks kita hendak bergerak ke hadapan ini melakukan reformasi, mendaulatkan institusi Parlimen ini maka peraturan kita sendiri perlu juga mendapat rujukan daripada pihak eksekutif.

Ketiganya, saya hendak tanya Yang Berhormat Bayan Baru antara isi ataupun inti yang penting dalam pindaan ini adalah soal *Minister's Question Time*. Di dalam negara-negara maju yang berkembang, kita lihat ditonjolkan itu adalah *Prime Minister's Question Time*. Jadi saya pun hairan dan saya hendak tanya Yang Berhormat Bayan Baru, boleh kita meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Walaupun kita tahu ada pelbagai Menteri tetapi yang kita berminat, ingin tanya secara langsung ini adalah *Prime Minister*, Perdana Menteri.

Kalau konteks misalnya UK, Perdana Menteri dia datang, katalah sibuk macam mana sekalipun tetapi dia hadir satu hari mungkin dalam masa 30 minit, biarlah dia bersedia untuk berhadapan dengan 222 orang Ahli Parlimen dan itulah yang disebutkan sebagai kedaulatan Parlimen itu sendiri, boleh bertanya dengan pihak Eksekutif yang dipimpin oleh *Prime Minister*, di mana kita tahu bahawa *the Prime Minister* di mana istilah yang kita tahu '*primus inter pares*' iaitu *first among equals*. Jadi yang ini saya percaya antara perkara-perkara saya minta Yang Berhormat Bayan Baru, pandangan ataupun boleh kita kemukakan soalan kepada pihak Eksekutif, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Itu adalah persoalan-persoalan yang saya rasa Yang Berhormat Menteri perlu jawab dan saya masukkan ucapan Yang Berhormat Bukit Katil ke dalam ucapan saya.

Saya hendak meneruskan dengan isu yang kedua iaitu tentang usaha-usaha seperti jawatankuasa menimbang rang undang-undang. Saya mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua supaya kita mewujudkan sebuah jawatankuasa menimbang rang undang-undang. Ada banyak rang undang-undang yang masuk tetapi ia seperti *parachute into the* Parlimen dan ia menimbulkan reaksi yang cukup negatif daripada pihak pembangkang contohnya Majlis Keselamatan Negara, POTA, POCA dan sebagainya.

Kalau kita mewujudkan satu *bipartisan* jawatankuasa, kita *thrash it out* dalam jawatankuasa tersebut dan kita boleh menimbang. *I mean the country come first* sebagai ahli pembangkang. Kita boleh menimbang atas keselamatan negara, *we can do concession* cuma kita perlu berbincang jangan *push the whole thing through our throat*. Itu adalah maksud saya. Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru memberi ruang. Saya ingin menyebut *premise*, soalan saya sebelum tanya soalan itu. *Premise* adalah berkaitan dengan fungsi Parlimen secara umum, satu fungsi yang kita nampak ialah penggubalan undang-undang di mana dasar-dasar kerajaan masa ini akan diterjemahkan kepada undang-undang.

■1240

Akan tetapi fungsi yang sangat penting juga ialah sebagai satu mekanisme pemantauan kepada pengurusan kerajaan, *that means*, dengan izin Tan Sri, *an oversight mechanism on the functioning of government*. Itu yang saya rasa adalah fungsi yang sangat penting. Berkaitan dengan itu, soal masa soalan atau *question time* dan perjalanan Jawatankuasa adalah sangat penting untuk fungsi ini. Sebab itu saya pun kecewa bila saya nampak cadangan daripada Tan Sri dan Jawatankuasa pada awalnya

tentang penubuhan tentang Jawatankuasa ini sekarang telah ditangguhkan. Pada masa kita nampak di seluruh dunia, hampir semua Parlimen yang moden mengamalkan sistem Jawatankuasa ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bayan Baru, saya juga nampak satu aspek lagi berkaitan dengan perjalanan Jawatankuasa ini iaitu berkaitan dengan Peraturan Mesyuarat 85. Di hampir seluruh dunia Tan Sri, perjalanan Jawatankuasa pun dibuat secara terbuka macam Dewan yang utama. Malangnya saya nampak ini dibawa dalam laporan minoriti yang dilampirkan dalam satu prosiding Mesyuarat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Serai.

Akan tetapi malangnya ditolak. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Bayan Baru, mungkin boleh dikemukakan kepada Menteri, pertamanya kenapa cadangan Jawatankuasa ini ditangguhkan? Bila kita boleh sambung perbincangan ini? Satu ialah berkaitan dengan itu, kenapa kita tidak boleh ada prosiding Jawatankuasa dijalankan secara terbuka macam PAC di negara-negara lain? Satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Serai ialah ini untuk menjadikan perjalanan Parlimen lebih demokratik iaitu masa yang khusus ataupun *opposition time*, dengan izin, diperuntukkan kepada pembangkang untuk membangkitkan isu-isu mereka. Minta komen daripada Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih. Saya masukkan ucapan Yang Berhormat Subang ke dalam ucapan saya dan minta Menteri memberikan penjelasan. Jadi, saya setuju bahawa ada Tuan Yang di-Pertua, demokrasi *is a messy affairs*. Kita selalu ada banyak suara, *a lot of noises* tetapi *at the end of the day*, kita mahukan satu negara yang lebih maju, negara yang lebih baik. Jadi, haruslah kita beri ruang kepada pembangkang-pembangkang untuk menyuarakan.

Jadi, cadangan Yang Berhormat Subang bahawa *opposition day* itu adalah penting supaya kita biarkan ada ruang untuk kita suarakan. Selama ini usul-usul yang dimasukkan ke dalam Parlimen tidak- *never sees the light of the day*. Apa yang usul yang dibangkitkan selalunya di belakang sahaja, tak pernah dibahaskan. Jadi, ini tidak memberi ruang untuk kita bahaskan isu-isu yang penting. Kita juga minta supaya Tuan Yang di-Pertua dan juga kerajaan menimbang masa bagi rang undang-undang yang dibawa oleh ahli-ahli yang bukan ahli kerajaan, *private member's bill*.

Kita minta supaya proses perundangan ini diambil daripada kedua-dua pihak, bukan sahaja daripada kerajaan, *backbenchers* pun boleh ada ruang untuk membawa *private member's bill*. Oleh kerana kita datang dengan satu- *we have certain convictions* atau *certain issue* yang kita hendak bawa, contohnya kalau akta kanak-kanak ke, akta

*kindergarten* ke dan sebagainya. Ini adalah sesuatu yang rasanya penting untuk dibawa.

Kita juga cadangkan supaya Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri (PAC) supaya dipengerusikan oleh pembangkang. Oleh kerana ini selaras dengan *the worlds tradition. I mean practice*, amalan di negara-negara luar, di mana biasanya pembangkang menjadi pengerusi kepada PAC. Di Selangor, kita sudah cadangkan supaya Pengerusi PAC dipengerusikan oleh pembangkang iaitu daripada UMNO. Di Selangor pun kita tubuhkan *self-cap* supaya *greater check and balance*. Ini adalah usaha-usaha penambahbaikan kepada sistem Parlimen. Di Pulau Pinang pun kita telah memberi peruntukan kepada ahli-ahli pembangkang, peruntukan daripada kerajaan. Akan tetapi kita nampak di Parlimen, benda ini tidak dijalankan. Peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen tidak diberikan tetapi diberikan kepada ahli-ahli daripada kerajaan sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bayan Baru tentang perkara yang dibangkitkan sebentar tadi. Adakah Yang Berhormat Bayan Baru sedia maklum bahawa di Selangor, kita telah menawarkan jawatan Pengerusi PAC kepada UMNO tetapi mereka tidak menerima jawatan tersebut. Kita beri jawatan ketua pembangkang, malahan kita iktiraf peranan ketua pembangkang sebagai satu daripada sistem dalam demokrasi, itu pun mereka tidak terima.

Kita beri peruntukan sebanyak RM200 ribu kepada setiap Ahli Dewan Negeri UMNO seramai 12 orang, itu pun ditolak. Asalnya diterima, kereta diambil tetapi peruntukan dia tidak mahu. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Bayan Baru apabila ada sebuah negeri yang ingin menyuburkan demokrasi dalam Dewan tetapi tidak diterima oleh UMNO. Alasannya kerana mereka tidak mahu sekiranya UMNO terima di negeri, maka mereka terpaksa buat di Dewan Rakyat ini. Apa pandangan Yang Berhormat Bayan Baru?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Gombak. Saya nampak bahawa UMNO ini, pemikiran itu masih belum mencapai demokratik lagilah. Jadi, itu sebab saya hendak ucapkan tahniah kepada Menteri Besar Selangor kerana memberi ruang yang begitu besar. *I'm quite shocking* kerana kita bagi begitu banyak perubahan, penambahbaikan di DUN tetapi pembangkang tidak mahu dan *haven't caught up to the time* lah, okey. Jadi, saya nampak bahawa yang ke depan itu adalah *reforms* yang berlaku di negeri Selangor dan Pulau Pinang tetapi saya rasa ada banyak yang kita boleh sama-sama kongsi di antara DUN-DUN dan juga di Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada kebajikan Ahli-ahli Parlimen.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Bangun]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya hendak ucapkan tahniah kepada Tan Sri kerana kita...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sedikit Yang Berhormat Bayan Baru, sebelum kepada kebajikan kalau boleh.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, boleh.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Saya hendak kembali kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bayan Baru tadi berkait dengan hari pembangkang, *the opposition day*, dengan izin. Oleh kerana bila masa bercakap tentang rang undang-undang persendirian, saya sendiri bawakan hampir lima rang undang-undang persendirian tetapi semua ditolak. Apa yang penting di sini adalah untuk menyatakan kadangkala bila bercakap tentang rang undang-undang persendirian, menyentuh juga apa yang kerajaan dokong.

Saya beri contoh, semasa saya bawa rang undang-undang persendirian untuk memansuhkan Akta Darurat (Kuasa-kuasa Khas). Bila saya bawakan walaupun ditolak oleh Speaker kerana alasannya hanya pihak Eksekutif boleh membawa rang undang-undang sedemikian, saya akur. Akan tetapi enam bulan selepasnya, Perdana Menteri telah membawa rang undang-undang yang sama yang sampai ke tahap Akta Keselamatan Darurat atau ISA dimansuhkan.

Jadi, pendapat Yang Berhormat, dalam kita mengatakan perlu ada hari pembangkang, tak bermaksud hari tersebut tidak dapat digunakan sebagai hari yang membawa isu nasional, isu yang bukan sahaja partisan tetapi membawa kepentingan bagi kedua-dua belah pihak. Saya mohon pendapat Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bayan Baru. Saya ingin menyatakan sokongan kepada saranan Yang Berhormat Bayan Baru supaya PAC dipengerusikan oleh wakil rakyat daripada pembangkang. Cuma saya rasa tentulah pihak kerajaan selepas ini akan menjawab kerajaan telah memberi *post* Timbalan Pengerusi atau Naib Pengerusi PAC kepada pembangkang.

Adakah Yang Berhormat Bayan Baru boleh bersetuju dengan saya bahawa walaupun Naib Pengerusi atau Timbalan Pengerusi PAC ini disandang oleh pembangkang tetapi nampaknya sebagaimana orang panggil '*melepaskan batok di tangga*'. Oleh kerana apabila Pengerusi PAC berhalangan, sebagai contoh baru-baru ini pengerusi dilantik menjadi Timbalan Menteri, tidak ada pengerusi, menyebabkan PAC tidak boleh bergerak. Ini menunjukkan seolah-olah jawatan Naib Pengerusi PAC yang

diberikan kepada pembangkang itu seolah-olah macam tidak berfungsi, tidak difungsikan dengan sebaiknya. Apa pandangan Yang Berhormat Bayan Baru?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih. Saya setuju dan saya masukkan ucapan Yang Berhormat Lembah Pantai dan juga Yang Berhormat Kota Bharu ke dalam ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada kebajikan Ahli-ahli Parlimen.

■1250

Saya ucapkan tahniah kepada Parlimen dan juga kerajaan ada naiklah sikit elaun kepada Ahli Parlimen. Namun kita harus mewujudkan satu Parlimen yang efektif bukan sekadar memberi elaun tetapi membantu Ahli-ahli Parlimen menjalankan tugas secara efektif. Efektif maksudnya kita boleh ada, diharapkanlah boleh diberikan *research officer* kepada setiap Ahli-ahli Parlimen. Saya tahu bahawa Parlimen menyediakan tujuh orang *research officer* tetapi itu memang tidak mencukupi kerana kita ada 222 orang Ahli Parlimen. Kalau diperuntukkan kepada setiap seorang Ahli Parlimen, seorang *research officer* maka lebih baik.

Saya difahamkan di Korea Selatan, kerajaan atau Parlimen membekalkan 12 orang *research officer* dan staf untuk membantu Ahli-ahli Parlimen, setiap Ahli Parlimen 12 orang. Ini adalah, *that's why* mereka boleh mencapai *world class Parliament* dan kita masih *struggling*. Setiap daripada kita selepas sesi Parlimen, balik kena buat *research* sendiri sampai 2.00 hingga 3.00 pagi. Ya, Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Berkenaan dengan kebajikan Ahli Parlimen termasuk kemudahan-kemudahan penyelidikan dan sebagainya. Setujukah Yang Berhormat Bayan Baru, cadangan supaya peruntukan kewangan untuk Parlimen itu sepatutnya diletakkan di bawah kawalan Jawatankuasa Dewan yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini sebab kekangan daripada segi kewangan itu amat berat sebab segala peruntukan, segala perbelanjaan yang melibatkan Parlimen ini daripada segi peruntukan kewangannya bukannya di bawah kawalan Jawatankuasa Dewan dan juga di bawah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kalau ada kuasa untuk memberikan peruntukan kewangan ini, maka kemudahan-kemudahan kebajikan dan sebagainya termasuk kebajikan Tuan Yang di-Pertua dan juga kemudahan daripada segi penyelidikan itu. Kita boleh menyelaraskan lagi dengan lebih efisien dan lebih baik di bawah Jawatankuasa Dewan. Setujukah bahawa kewangan itu diletakkan di bawah Jawatankuasa Dewan?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Setuju Yang Berhormat Seremban dan saya telah bangkitkan isu ini pada awal permulaan itu iaitu meningkatkan martabat Parlimen.



Kewangan itu harus diuruskan oleh Tuan Yang di-Pertua, harus diuruskan oleh Jawatankuasa Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat Bayan Baru, masa.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Dua minit lagi ya Tuan Yang di-Pertua. Saya juga minta supaya menjaga kesihatan Ahli-ahli Parlimen supaya kita pendekkan masa, jangan kita *extend* sampai malam-malam, tiap-tiap hari 10 pagi sampai 5.30 petang sudah cukup. Sekarang masalahnya ialah kita tidak cukup hari. Kalau dulu 2010, kita bersidang 81 hari. 2015 tahun lepas, bersidang 63 hari tetapi tahun ini 53 hari sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Ringkas sahaja Yang Berhormat. Bukan sahaja kesihatan Ahli Parlimen sahaja Tuan Yang di-Pertua, kesihatan pegawai-pegawai yang berkhidmat untuk Parlimen pun, termasuk Tuan Yang di-Pertua sekali.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua sekali, Tuan Yang di-Pertua pun rasa stres juga kerana kita semua kena terpaksa malam-malam untuk sesi ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ubat saya Yang Berhormat senang saja, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ikut peraturan mesyuarat, saya sihat. *Insyaa-Allah. [Ketawa]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bersidang sampai lewat malam, semalam sehingga 12.45 pagi. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah isu yang perlu kita bawa. Kita boleh tambahkan hari *no problem* kerana kita ada 365 hari. Kenapa hanya bersidang 53 hari sahaja. Di UK, 150 hari. Di Australia *everyday*, jika hanya *holiday* sahaja mereka tidak bersidang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini adalah isu yang kita harus buat *certain reform*, minta penjelasan daripada Menteri juga.

Peranan Ahli Parlimen juga, saya tahu Tuan Yang di-Pertua pun mahu *reform* daripada kami. Ini adalah Parlimen *reform, we have to reform together*. Bukan sahaja daripada pihak kerajaan, daripada pihak pembangkang pun kita harus ada perubahan, *it's accepted*. Jadi saya rasa kita pun boleh berbincang sesama kita, meningkatkan mutu perbahasan, *keep it short and sweet* dan jangan ulang-ulang. Itu adalah yang antara kita boleh buat.

Akhir sekali saya hendak minta penjelasan daripada Menteri adalah saranan Tuan Yang di-Pertua bahawa penambahbaikan atau Parlimen *reform* ini, ia ada tiga peringkat. Ini adalah peringkat pertama. Saya hendak minta Menteri jawab peringkat kedua apa, peringkat ketiga apa sebab saya baca daripada *news sport* Tuan Yang di-Pertua ada kata tiga peringkat. Jadi *timeline* itu apa. Bila boleh menjalankan tiga peringkat supaya kita boleh laksanakan. Saya rasa tiga peringkat itu pun belum

mencukupi kerana ini adalah *long process* dan kita telah bangkitkan banyak cadangan. Ada yang bernas, ada yang boleh dipakai, tolong Menteri *consider* supaya menjadikan kita ini betul-betul *world class* Parlimen. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Seorang Ahli:** Jelebu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelebu, nama itu hampir serupa dengan jerebu so, tak nampak. Sila Yang Berhormat Jelebu.

**12.55 tgh.**

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak apa dulu tak nampak, sekarang sudah nampak.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam masa yang ringkas ini berkaitan dengan reformasi ataupun penambahbaikan Peraturan-peraturan Mesyuarat majlis mesyuarat Dewan kita ini. Pertama-tama tentu saya ingin rakamkan tahniah dan syabas kepada kerajaan khususnya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana Tuan Yang di-Pertua lama dah memperjuangkan penambahbaikan Dewan dan hari ini kita membincangkannya.

Cuma saya- perkara yang menarik di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah ingatan kita kepada Ahli Majlis. Walau bagaimana cantik, walau berapa kali kita meminda Peraturan-peraturan Mesyuarat yang kononnya untuk menambah baik sistem atau perjalanan Majlis Mesyuarat kita tetapi kalau sikap, sifat, perangai, *attitude* Ahli-ahli masih tidak mematuhi peraturan itu, ia tidak akan membuahkan kejayaan Tuan Yang di-Pertua.  
[Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, skrip itu patut saya yang baca. [Ketawa]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Skrip bocor ya.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Berapa banyak masa diperuntukkan pun untuk kita berbahas, ia tidak mungkin cukup Tuan Yang di-Pertua kerana perkara yang dibangkitkan perkara yang sama, perkara yang berulang-ulang. Apa lagi kalau dijadikan Dewan yang mulia ini, Majlis yang mulia ini tempat kita membuat video klip untuk tujuan-tujuan politik tertentu, bukan untuk tujuan membela rakyat atau membentuk dasar dan mencari sesuatu yang terbaik untuk negara.

Kalau itu yang kita cari, saya fikir masa yang ada sudah mencukupi Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi apa yang berlaku ialah kita mengambil kesempatan di sini untuk membina *political mileage* dan kepentingan-kepentingan politik kita. Itu yang saya perhatikan dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini. Kita bercakap kadang-kadang perkara yang tidak berkaitan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Contohnya kita boleh berhujah soal pindaan-pindaan rang undang-undang di peringkat Jawatankuasa tetapi di peringkat Jawatankuasa yang begitu spesifik pun kita masih lagi melencong jauh daripada tajuk yang sebenarnya. Jadi sampai bila hendak cukup Tuan Yang di-Pertua? Akan tetapi walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua sudah mengambil inisiatif yang cukup bagus, tahniah dan syabas kerana kita sudah ada *Second Chamber* dan memberi lebih banyak peluang kepada semua pihak bagi membawakan usul-usul yang tidak dapat dibawa dalam majlis yang ada ini. Jadi kawan-kawan minta Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Mencilah, seminit saja.

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana satu, yang sebelah kanan atau Yang Berhormat Kuala Selangor?

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Saya pun rasa terpanggil mengucapkan terima kasih dan tahniah atas inisiatif yang dilakukan oleh Tuan Yang di-Pertua terutama sekali bagi melakukan transformasi Parlimen khususnya mewujudkan Kamar Kedua. Cuma Yang Berhormat Jelebu, tadi saya tertarik dengan apa Yang Berhormat Jelebu sebutkan tadi.

Pihak sebelah sana seakan-akan tidak bersyukur tentang apa yang telah dibentangkan pada pagi ini tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Jelebu, kalau kita bandingkan Parlimen yang seperti mana disebut oleh pihak pembangkang sebentar tadi iaitu di Australia dan negara-negara lain, mereka mewujudkan kabinet bayangan.

Saya nak tanya Yang Berhormat Jelebu, adakah dengan adanya usul hari ini, mereka juga akan mengumumkan kabinet bayangan mereka supaya akhirnya nanti sebagaimana yang disebut oleh usul Yang Berhormat Menteri tadi, ia akan menunjukkan lagi keterbukaan Parlimen kita pada kali ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Jelebu, sini. Saya nak tambah sedikit sahaja.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, soal nak menubuhkan kabinet bayangan ataupun tidak tadi itu terpulanglah kepada pilihan masing-masing. Mana yang sesuai, mana yang patut. Saya cuma fokus kepada

reformasi yang dibawa oleh Parlimen, oleh kerajaan dalam menambah baik peraturan-peraturan sidang kita supaya ia lebih efektif, lebih bermakna dan bermanfaat. *Cost effective, time effective* dan rakyat mendapat manfaat daripadanya.

Bukannya kita memanjangkan masa untuk kita mendengar lamintasi masing-masing di dalam Dewan ini, berulang-ulang yang kadang-kadang menyakitkan hati, kadang-kadang terlalu emosional sehinggakan Tuan Yang di-Pertua terpaksa mengingatkan kita jangan emosi. Sampai ke tahap itu Tuan Yang di-Pertua terpaksa jaga. Itu peraturan jelas mengatakan apabila Tuan Yang di-Pertua telah membuat keputusan atau *ruling*, ia muktamad tetapi masih dipersoal sehingga membawa diri daripada Dewan. Ini menunjukkan satu mentaliti kita. Ini bukan soal peraturan yang banyak salah tetapi yang banyak salahnya ialah kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang banyak perangnya ialah kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Lamintasi, ini lamintasi Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi?

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Oleh sebab kekangan masa, kalau masa nak dipanjangkan boleh, kalau nak selebar alam boleh tetapi kalau hendak dikecilkan sekecil kuku pun boleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Okey. Oleh sebab kita mesti berubah sikap, berubah cara, anjakan paradigma. Apabila nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua kata pendekkan masa, gulung, jadi saya tamatkan penyampaian saya dengan mengatakan kalau kita *transform* dan *reform* kita punya peraturan, *transform* dan *reform* juga minda dan pemikiran kita. *[Tepuk]* Berjuang untuk rakyat, bukan menjana kepentingan politik kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih dan saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada sebelah tengah hari nanti satu lagi penghujah daripada PAS, sepuluh minit. Selepas itu 2.40 petang Menteri tolong jawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]***

■1430

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat.*]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Wakil PAS sekarang, wakil PAS siapa?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena, wakil PAS?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey.

**2.32 ptg.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang untuk saya juga terlibat dalam perbincangan untuk *reform* ataupun pindaan kepada Peraturan Mesyuarat ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini bagi pihak rakan-rakan saya untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang mengambil inisiatif yang sangat tinggi untuk melakukan sesuatu yang terbaik untuk hari ini dan juga masa hadapan Parlimen.

Saya percaya bahawa ia akan tercatat dalam satu sejarah tentang peranan Tuan Yang di-Pertua sampai ke pada peringkat kalau saya hendak mengimbuai balik sampai ke peringkat Tuan Yang di-Pertua dalam konteks untuk melakukan perubahan ini, menghantar surat untuk meletakkan jawatan selaku Speaker. Maknanya itu satu yang menunjukkan bagaimana pengorbanan yang besar yang ada pada Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Akan tetapi Yang Berhormat Pokok Sena tidak setuju Tuan Yang di-Pertua letak jawatan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, ya. Akan tetapi saya hendak sebutnya ialah pengorbanan yang sangat tinggi yang menunjukkan kejujuran dan keikhlasan Tuan Yang di-Pertua sanggup hilang, melepaskan jawatan demi melihat perjuangan kepada melakukan reformasi terhadap Parlimen ini, tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak ambil kesempatan juga untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang membentangkan ini daripada Padang Rengas walaupun Menteri Pelancongan. Saya pun terkejut juga tetapi ini satu yg sangat baik dan ini mengimbuai kepada kisah lama tentang bagaimana Yang Berhormat Menteri yang membentangkan ini ialah Yang Berhormat Menteri yang pernah menjaga hal ehwal Parlimen. Akan tetapi saya boleh mencadangkan kepada pihak kerajaan kerana di negara-negara luar pun boleh mencantumkan

apa-apa kementerian dengan hal ehwal Parlimen macam di Romania, Menteri Pelancongan dan Hal Ehwal Parlimen.

Jadi ini pun satu yang sangat baik. Maknanya dia boleh bawa ahli-ahli Parlimen dalam aktiviti-aktiviti pelancongan untuk menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita. Saya fikir mungkin pihak kerajaan boleh mempertimbangkan untuk rombak Kabinet ini kepada satu *post* baru iaitu mencantumkan antara Pelancongan dengan Hal Ehwal Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, itu tidak termasuk dalam penambahbaikan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak fokus tentang sebarang bentuk pindaan *reform* kepada Parlimen iaitu bermula dengan pindaan kepada Peraturan Mesyuarat ini. Penting untuk dilihat di sini ialah bagaimana kebebasan yang harus diberikan kepada institusi Parlimen ini sendiri. Ini yang harus dilihat. Kalau semua perkara yang perlu dirujuk kepada pihak eksekutif, pihak kerajaan untuk kita hendak buat perubahan, saya fikir satu yang tidak kena seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan tadi.

Oleh sebab itu bagi saya bahawa yang penting kita harus kembalikan institusi Parlimen ini sebagai institusi yang cukup bebas. Yang Berhormat Menteri yang jaga Parlimen hanyalah sekadar untuk perantara, perhubungan bukannya sehingga hendak mencampuri hal-hal yang berkaitan dengan urusan pentadbiran Parlimen sehingga kadang-kadang mengatasi Tuan Yang di-Pertua. Ini yang satu sangat tidak baik macam mana kes semalam sebelum Tuan Yang di-Pertua buat *ruling* Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Parlimen sudah pun membuat satu *judgment* untuk mengatakan bahawa tindakan polis itu betul. Sedangkan apa yang dilakukan oleh pihak Tuan Yang di-Pertua sangat mempunyai berhemah tinggi untuk menunjukkan bagaimana integriti Parlimen ini harus dipertahankan. Oleh sebab itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Senang kerja Tuan Yang di-Pertua kalau macam ini Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya melihat bahawa dalam muka surat tiga dan empat ini, saya hairan bagaimana cadangan-cadangan daripada pihak Parlimen, daripada pihak Jawatankuasa Aturan Mesyuarat ini sendiri yang sepatutnya daripada awal mencadangkan 9 atau 10 buah Jawatankuasa, 12, 13 Jawatankuasa tetapi tidak dapat hendak dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Ada ditangguh untuk hendak membuat satu kajian umpamanya, sembilan buah Jawatankuasa ini ditangguhkan untuk membuat kajian yang terperinci.

Saya fikir bahawa Jawatankuasa Dewan dan juga Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat ini sudah pun membuat kajian dan pihak Parlimen sendiri pun sudah membuat penelitian dan pengkajian penghalusan terhadap cadangan-cadangan ini yang sepatutnya tidak perlu ditangguhkan untuk pelaksanaannya untuk memastikan supaya *efficiency* ahli-ahli Parlimen dan pengurusan negara itu sendiri dalam hal yang berkaitan semak imbang yang lebih memberikan satu perjalanan pengurusan yang lebih berintegriti dan yang lebih telus.

Malangnya saya sebut ialah Yang Berhormat Menteri apabila cadangan daripada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dan juga Jawatankuasa Dewan sebelum ini iaitu Jawatankuasa Menimbang Rang Undang-undang di sini ditolak oleh Jawatankuasa Kabinet. Ini yang saya persoalkan. Macam mana hendak menggambarkan bahawa Parlimen tidak mempunyai kebebasan? Jadi kalau Kabinet tidak bersetuju maka kita tidak boleh lakukan. Sepatutnya bahawa apa yang kita fikirkan Parlimen sudah memikirkan melalui satu Jawatankuasa Dewan dan Jawatankuasa Peraturan ini tentang kebaikan-kebaikan.

Kalau kita lihat bahawa *argument*, hujah yang diberikan oleh Jawatankuasa Kabinet ini takut berlaku kemungkinan ada kelewatan, *delay* dalam proses penggubalan rang undang-undang. Saya fikir bahawa kalau kita buat secara lebih baik dengan membuat persiapan dan persediaan yang lebih awal, saya tidak fikir bahawa ia akan melambatkan proses penggubalan rang undang-undang tersebut.

Kalau sebelum ini kita lihat umpamanya ada rang undang-undang yang ditarik balik, ada pindaan rang undang-undang ataupun undang-undang itu ditarik balik dalam kes kalau tidak silap saya kes ketum satu ketika dahulu pun ditarik balik umpamanya. Ini menunjukkan bawah tidak berlaku satu persediaan.

Begitu juga hal yang berkaitan dengan MKN yang kita luluskan, dibentangkan. Akan tetapi akhirnya timbul pertikaian sehingga Majlis Raja-Raja minta supaya diperhalusi. Ini menunjukkan bahawa ada perkara yang dibuat tanpa dipertimbangkan oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri satu Jawatankuasa Rang Undang-undang Parlimen ini terdiri daripada pelbagai pihak ini, daripada pakar-pakar perundangan ini yang menyebabkan kerajaan sendiri pun berlaku macam mana saya katakan tadi. Macam semalam ataupun dua hari sudah kita terpaksa menanggung mesyuarat, 15 minit untuk membuat pindaan segera, kerana ada beberapa perkara yang tidak diteliti, tidak diperhalusi.

■1440

Oleh sebab itu saya katakan bahawa jika jawatankuasa menimbang rang undang-undang ini diwujudkan diberikan, maka saya fikir bahawa perkara-perkara yang berlaku sebelum ini mungkinlah dapat dikurangkan ataupun dielak daripada berlaku keadaan yang sangat memalukan kerajaan, terpaksa tarik balik rang undang-undang. Jadi sebab itu saya minta sungguh-sungguh supaya Jawatankuasa Rang Undang-undang ini dapat dipertimbangkan semula. Hujah ini saya tidak boleh terima dan saya minta bahawa Parlimen perlu diberikan kebebasan. Jadi, Kabinet janganlah sampai hendak halang. Sedangkan Parlimen ini hendak memudahkan kerajaan, hendak memastikan supaya semak imbang itu berlaku secara yang lebih baik.

Begitu juga dengan Jawatankuasa Peruntukan Perbelanjaan yang ditolak dan dicadang fungsi Jawatankuasa Peruntukan Perbelanjaan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Dewan yang sedia ada. Sedangkan kita melihat bahawa inilah satu yang lebih baik untuk memberikan satu kebebasan kepada Parlimen untuk melihat kepada perbelanjaannya yang lebih teratur bila ada satu Jawatankuasa Peruntukan Perbelanjaan. Jadi ini harus dilihat sebab tanpa perbelanjaan

yang cukup kepada Parlimen maka sudah tentu Ahli-ahli Parlimen juga tidak dapat berfungsi secara yang sebaik-baiknya.

Begitu juga perkara seterusnya berkaitan dengan masa perbahasan. Saya mengharapkan dengan wujudnya *Second Chamber* dan sebagainya selepas ini tidak lagi berlaku macam sekatan perbahasan tempoh masa yang menyebabkan kadang-kadang sampai lima minit. Tidak wajarlah. Paling tidak bagi saya bahawa 15 minit untuk setiap perbahasan itu satu yang boleh untuk, macam bajet dan sebagainya. Kalau ini untuk 10 minit okeylah yang ini. Akan tetapi untuk bajet dan benda-benda pentinglah bagi saya bahawa sekurang-kurangnya 15 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada seminar-seminar antarabangsa lima minit tahu?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, apa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lima minit sahaja. Ada seminar-seminar antarabangsa, dia bagi lima minit sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya ya faham. Seminar antarabangsa saya fahamlah tetapi ini kita seminar perbahasan di dalam Parlimen di negara kita. Jadi ini yang saya harapkan bahawa pihak kerajaan harus memberikan, pihak Parlimen dapat memberikan masa yang cukup dan juga membekalkan dokumen-dokumen yang lebih mencukupi. Kadang-kadang dokumen itu terlalu lewat. Umpamanya hari ini macam dokumen PAC ini berkaitan PAC di bawah Parlimen. PAC di bawah Peraturan Mesyuarat Parlimen juga dibentangkan pada hari yang kita sudah pun hendak berakhir sebentar lagi.

Laporan Ketua Audit yang berkaitan dengan perkara yang sama dengan Laporan PAC sampai sekarang tidak dibentangkan. Bagi saya bahawa ini tidak wajar. Sepatutnya di awal persidangan itu kita sudah pun mendapat maklumat yang sebegini. Jadi begitu juga saya fikir yang kita terlepas pandang ialah berkaitan dengan soalan jawab, bukan jawab lisan soalan bertulis. Hari *last* sidang baru kita dapat, hari *last* sidang baru kita dapat. Sedangkan sebahagian besar soalan-soalan bertulis ini kita minta kerajaan untuk berikan fakta angka dan sebagainya. Untuk membolehkan dia dijadikan bahan perbahasan kita dalam perbahasan-perbahasan dalam sama ada belanjawan tambahan ataupun apa-apa tetapi kita dapat pada hari akhir.

Jadi saya fikir selepas ini perlu ada kepada satu pindaan saya hendak cadangkan bahawa hari pertama sidang itu soalan bertulis ini semua sudah pun diberikan kepada Ahli-ahli Dewan. Hari pertama sidang, sebab soalan ini sudah pun kita kemukakan lebih awal kepada pihak kerajaan, hari pertama. Ataupun setidaknya setiap hari dimasukkan di dalam kertas aturan mesyuarat itu bukan sahaja soalan jawab lisan tetapi Soalan Jawab Bertulis yang bukan lisan maknanya diberi pada hari itu. Kalaupun tidak semua, lima, kalau setiap orang itu dapat satu ataupun tiga hari satukah, beri kepada kami pada setiap hari. Jadi ini akan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya masa habis, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akan lebih baik. Tidak apa masa Menteri bagi pada saya masa dia, masa saya gulung sebahagian. *Insyaa-Allah*. Jadi saya



mengharapkan ini yang terbaik yang harus kita lakukan. Kemudian juga saya mengharapkan bahawa kita kembali kepada saya hendak kembali kepada *Select Committee* tadi jawatankuasa-jawatankuasa yang kita wujudkan. Saya percaya bahawa Yang Berhormat Menteri boleh bersetuju dengan saya, saya pun sangat *salute* kepada dia sewaktu dia menjaga hal ehwal Parlimen ini. Pernah diwujudkan satu, cuma tidak berjalan, *Select Committee* berkaitan dengan hak asasi manusia. Yang Berhormat sendiri yang cadangkan tetapi akhirnya mungkin berlaku perubahan dan sebagainya tidak berlangsung dan tidak berjalan.

Jadi saya hendak katakan bahawa soal *Select Committee* ini sangat penting bukan sahaja atas topik-topik tertentu. Begitu juga dengan mengambil peranan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk memberikan peranan yang lebih baik untuk bersama-sama dalam apa-apa *Committee*. Akhir sekali saya harap diberikan satu pengiktirafan kepada Ketua Pembangkang bagi saya. Ini bukan soal kerana hari ini kami pembangkang. Mungkin satu hari sebelah sana bertukar menjadi pembangkang bagi saya bahawa pengiktirafan kepada pembangkang.

Saya tidak minta pengiktirafan pembangkang itu dalam konteks status Menteri macam mana Menteri yang ada. Akan tetapi kemudahan-kemudahan sistem sokongan saya katakan seperti setiausaha politik, *researcher* dan sebagainya. Ini seharusnya diberikan supaya kita dapat melihat Ketua Pembangkang itu lebih berfungsi. Pada hal dalam konteks Parlimen ini tiga ataupun empat unsur iaitu Tuanku Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua dan juga Ketua Pembangkang. Jadi ini maknanya kita berikan pengiktirafan ini seharusnya kita berikanlah juga ruang untuk sistem sokongan kepada Ketua Pembangkang. Kalau nanti di sebelah sana jadi Ketua Pembangkang pun mereka akan terus dapat.

Jadi, saya mengharapkan bahawa pihak Parlimen akan dapat memberikan jawatankuasa-jawatankuasa ini untuk selepas ini Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, Jawatankuasa Dewan ini akan lebih banyak menyemak untuk memperkasakan selain daripada kita hendak memantau pelaksanaan pindaan yang kita buat pada hari ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**2.46 ptg.**

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan mengenai penambahbaikan Parlimen. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan yang membuat satu transformasi untuk menambah baik Parlimen. Saya berada dalam Parlimen ini sudah 21 tahun. Selama 21 tahun saya lihat inilah langkah yang terbaik ialah hari yang bersejarah kepada kita di mana satu penambahbaikan telah pun dibuat. Namun demikian daripada pengalaman sayalah dalam Parlimen ini apa pun transformasi yang kerajaan buat ia tidak akan memberikan kesan hendak meletakkan Parlimen ini sebagai institusi yang berdaulat, yang dihormati. Kalau kita sendiri sebagai Ahli-ahli Parlimen tidak *transform* diri kita sendiri.

Contoh paling mudah Hari Pembukaan Parlimen oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalau kita menuruti Parlimen, kita pakailah *Number One Dress*. Dibagi peruntukan bagi kelim tetapi tidak ada, ramai juga yang tidak pakai. Kedua, Ahli Parlimen kena faham konsep kebebasan bersuara ini. Tidak ada kebebasan yang mutlak. Tadi Yang Berhormat Pokok Sena pun cakap soal kebebasan. Kita tidak boleh sewenang-wenangnya bercakap walaupun kita ini ada imuniti. Apa juga kita cakap kita tidak boleh disaman di luar sana. Namun demikian kita jangan lupa kita ada peraturan mesyuarat. Jadi yang menjadi kelam kabut dan kecoh dan yang memalukan kita sebagai Ahli Parlimen apabila ada Ahli-ahli Parlimen yang tidak mahu menghormati peraturan mesyuarat. Lebih mendukacitakan saya, boleh *argue* dengan Tuan Yang di-Pertua, tidak menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita tidak menghormati Tuan Yang di-Pertua bagaimana dialog ini boleh berjalan dengan baik? Ini saya dengar tadi ucapan daripada Yang Berhormat Bayan Baru disampuk oleh Yang Berhormat Gombak yang mengatakan seolah-olah pemimpin UMNO ini macam tidak ada pembaharuan, ikut jalan belakang. Dia ada ambil contoh tadi saya dengar Yang Berhormat Bayan Baru berucap dicelah oleh Yang Berhormat Gombak. Dia ambil contoh Selangor, oh bangga. Dia kata Selangor telah buat satu pembaharuan diberikan jawatan Pengerusi PAC kepada UMNO Barisan Nasional di negeri Selangor tetapi UMNO tolak jawatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ini kenyataan yang tidak telus. Bagaimanakah sebagai seorang Menteri Besar dan Ahli Parlimen yang membuat peraturan di Dewan tidak memahami peraturan Dewan itu sendiri? Bagaimanakah jawatan Ketua Pembangkang itu boleh dilantik menjadi Pengerusi PAC sedangkan dalam peraturan Dewan Undangan Negeri Selangor tidak ada jawatan Ketua Pembangkang?

Berbeza kita di Parlimen. Di Parlimen Peraturan 4A ada disebut ada seorang Ketua Pembangkang. Dalam Peraturan Dewan Negeri Selangor tidak ada jawatan Ketua Pembangkang tiba-tiba wujud jawatan Ketua Pembangkang ini di dalam sebagai Pengerusi PAC. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri Selangor hendak membuat undang-undang, membuat peraturan, mereka sendiri tidak memahami peraturan Dewan.

■1450

Kemudian pergi heboh kepada luar, bangga dan mengatakan beri peluang keadilan kepada Barisan Nasional sebagai pembangkang. Mengata kita ini menolak kerana dia takut jadi Ketua Pembangkang. Kita tolak jawatan Pengerusi PAC kerana jawatan itu jawatan Ketua Pembangkang. Tidak ada wujud dalam Peraturan Dewan Negeri Selangor. Kalau hendak wujudkan juga jawatan Pengerusi PAC daripada Ketua Pembangkang, Peraturan Undang-undang Dewan Negeri Selangor kena pindaan dahulu, wujudkan jawatan Ketua Pembangkang. Hari ini, saya hairan jawatan Timbalan Pengerusi PAC tidak ada.

Bila jawatan Pengerusi PAC Negeri Selangor tidak ada sebab ditolak. Tiba-tiba lantik pula ADUN yang lain boleh menjalankan fungsi sebagai Pengerusi PAC. Daripada mana peraturan ini datang? Contoh yang cukup jelas sebagai Ahli Dewan mereka sendiri tidak memahami peraturan Dewan itu sendiri. Begitu juga hendak menunjukkan keadilan, Oh! Dia kata

Selangor berikan peruntukan kepada ADUN-ADUN dan pembangkang yang terdiri daripada Barisan Nasional. Malu kata dia. Bagaimanakah ADUN-ADUN Barisan Nasional boleh menolak peruntukan tersebut?

Tadi disebut hendak tunjukkan Kerajaan Negeri Selangor ini adil, pembangkang pun dapat. Saya hendak bagi tahu Dewan yang mulia ini sebab Menteri Besar pun sudah tidak ada. Kalau dia ada, dia boleh jawab. Peruntukan ini kena faham, peruntukan Dewan Undangan Negeri yang diberikan kepada tiap-tiap DUN Negeri Selangor sebanyak RM700,000 setiap ADUN. Akan tetapi, di mana-mana ADUN daripada Barisan Nasional ADUN yang merupakan pembangkang kawasan ADUN itu juga dapat RM700,000. Daripada RM700,000 ini, ADUN Barisan Nasional hanya dapat RM200,000. Sebanyak RM500,000 lagi bagi kepada penyelaras DUN. Siapakah penyelaras DUN ini? ADUN kalau betul-betul menghormati demokrasi. Ini wakil rakyat tidak kiralah pembangkang kah ataupun kerajaan tetapi ADUN ini dipilih oleh rakyat, menghormati keputusan rakyat. Kami Barisan Nasional bukan macam pembangkang hendak digula-gulakan. Tidak perlu.

Bagi orang yang tidak dipilih dalam pilihan raya yang dilantik oleh kerajaan negeri...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Tanjong Karang boleh tanya sedikit?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sekejap saya hendak habiskan ini. Saya bagi, saya bagi. Saya habiskan ayat ini dahulu. Bagaimana seorang yang tidak dipilih oleh rakyat mendapat peruntukan yang lebih RM500,000. Wakil rakyat walaupun kami pembangkang di negeri Selangor hanya dapat RM200,000. Ini yang menunjukkan bahawa gula-gula yang hendak dibagi kepada Barisan Nasional. Oleh sebab itu kita ada pendirian, kita ada maruah, kita tolak RM200,000. Kalau hendak bagi, bagi adil. Bagi juga Barisan Nasional RM700,000 barulah kata adil. Ini cakap soal keadilan dari segi pelaksanaan tidak ada keadilan. Sila Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang berkenaan Ahli Parlimen pembangkang yang langsung tidak mendapat apa-apa. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang, itu lagi tidak adil.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sedikit Yang Berhormat sedikit sambungan ya terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambut baik sekurang-sekurangnya Yang Berhormat Tanjong Karang menyebut ya bahawa pemberian RM200,000 ini diberikan bagi Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional di negeri Selangor dimenangi oleh pembangkang. Saya hendak katakan di sini Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bagi Selangor belanjawan tahunan itu tidak sampai RM3 bilion. Ini berbanding dengan belanjawan kita di peringkat persekutuan yang jauh beratus, dua ratus bilion lebih. Akan tetapi, dalam ketika begitu besar jumlahnya tidak ada satu sen pun yang diberikan oleh Kerajaan Pusat

dan jawapan yang diberikan ketika itu bila kita pinta wang daripada *Implementation Coordination Unit* (ICU).

Yang Berhormat Padang Rengas ketika itu Menteri, dia kata ini duit ahli wakil rakyat dari Pekan, jadi beliau yang putuskan bagaimana hendak belanjakan. Saya hendak ingatkan peringkat *point* yang terakhir Ahli Parlimen Sungai Siput sampai ke tahap bawa ke mahkamah untuk memastikan Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat dapat memberi pilihan tentang sekolah-sekolah mana, rumah-rumah kebajikan mana yang dapat menikmati dana daripada ICU. Jadi saya pohon, adakah ini bermaksud Yang Berhormat bersetuju secara prinsip bahawa dana peruntukan untuk kegunaan kawasan Parlimen ini wajib diberikan kepada Ahli Parlimen yang dipilih di kawasan tersebut.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita berpegang kepada prinsip keadilan. Kalau hendak bagi, bagi sama adil. Macam kita, kita tidak bagi kita tidak bagi langsung. Ini dia... hendak cuba... *[Disampuk] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak cakap mana mana? Oleh sebab itu, Barisan Nasional kita bukan wakil rakyat digula-gulakan. Kita wakil rakyat ambil RM200,000 yang bukan wakil rakyat dia kata ambil RM500,000. Ini apa maknanya?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kedua, terima kasihlah Yang Berhormat Lembah Pantai membangkitkan mengenai kes yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Akan tetapi Yang Berhormat cakap tidak habis, apakah keputusan mahkamah? Apakah keputusan mahkamah? Mahkamah telah memutuskan apa yang kita buat ini betul. Jadi ini masalah pembangkang dia cakap tidak habis ayat. Jadi ini, Yang Berhormat Sungai Siput boleh akui diputuskan oleh mahkamah. Kemudian hendak kata kebebasan sebagai SELCAT. Saya hendak nyatakan juga tadi disebut Selangor ada SELCAT Apa guna SELCAT? Baru-baru ini SELCAT yang bersidang isu denggi. Ada satu mesyuarat SELCAT tidak tahulah apa dia buat, dia buat satu rumusan bawa kepada Dewan Undangan Negeri. Tiba-tiba Menteri Besar kata, Menteri Besar tidak bersetuju dengan laporan yang dibuat oleh SELCAT. Lagi sekali dia gula-gulakan rakyat kononnya tunjuk adil, tubuh SELCAT sedangkan SELCAT ini sebagai mahkamah Kanggaro sahaja untuk menunjukkan kepada rakyat konon mereka ini telus dan juga adil.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat sedikit, sedikit. Fasal peruntukan. Saya ucap terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang yang memberikan penjelasan bahawa daripada bagi sedikit-sedikit, separuh-separuh ini baik tidak bagi terus, adil. Itulah yang dimarah oleh Pemuda UMNO Selangor ini. Depa kata kami hendak buat kerja lagu mana? Maknanya bos UMNO Selangor tidak bagi apa langsung. Jadi, Yang Berhormat pun guna hujah yang sama dengan UMNOlah?

**Tuan Manivannan AL Gowindasamy [Kapar]:** Saya sambung sedikit, saya sambung sedikit. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya ini mengamalkan, tidak hendak tolak rezeki Tuan Yang di-Pertua. Kalau *federal* hendak bagi sedikit pun saya ambil.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak sebut di sini itulah sebabnya Parlimen kita perlu mengusulkan supaya kita *create a level playing ground* yang saya tahu orang ada kuasa dia susah hendak lepaskan kuasa. Jadi, kalau kita hendak negara kita *to go forward we have to change this*— peliklah sistem yang kita ada sekarang. Saya bersetuju *part of*, sebahagian daripada bantahan dan hujah Yang Berhormat saya boleh terima tetapi dalam keadaan yang tidak *playing ground* yang tidak rata. Bukankah kita patut mengusahakan ke arah itu supaya tidak ada lagi tidak timbul ketidakadilan ini sebab kita semua Ahli Parlimen. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya ambil ayat yang akhir Yang Berhormat ketidakadilan. Ada keadilan macam mana? Orang yang bertanding dipilih oleh rakyat dapat RM200,000. Orang yang tidak ada bertanding hanya dilantik kerana tujuan politik dapat...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Dipilih tidak dapat langsung apa hal.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa..?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Wakil rakyat, Ahli Parlimen yang dipilih tidak dapat langsung apa hal?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sebab itu jangan berpolitik soal kita hendak bagi, jangan hendak merendahkan martabat kita. Oleh sebab itu kita ada pendirian, kita tolak. Barisan Nasional kita tolak peruntukan tersebut sebab kita ada prinsip kita. Untuk, mereka seolah-olah menghina pelantikan yang dibuat oleh rakyat. Kalau hendak bagi, bagi betul-betul, bagi kita lebih. Ini tidak, tidak menghormati keputusan pilihan raya, ini maksud saya. Mesti ada prinsip jangan seperti pembangkang tidak ada prinsip. Apabila satu isu kena batang hidung dia mereka akan cuba menafikan. Akan tetapi, apabila kena kepada pemimpin kita *wah* bukan main hebat lagi dia. Hari itu Yang Berhormat Bagan bila kena, ramai-ramai keluar. Saya bagi contoh.

Juga saya hendak nyatakan lagi bahawa kata *Select Committee* betulkah berfungsi? Saya ambil contoh TPPA. Saya ingat pertama kalinya dalam sejarah kita apabila kita hendak buat satu perkara hendak bentang dalam Dewan kita tubuh *caucus*. Dalam TPPA ini tidak silap saya ada lima orang daripada pembangkang, sudah ada dah. Tidak cukup kerajaan buat TPPA kita buat pula *retreat* dua hari tidak silap saya. Dua hari kita buat *retreat* berapa ramai pembangkang datang? Berapa ramai pembangkang datang? Terima kasihlah Yang Berhormat Kepong datang, Yang Berhormat Klang saya rasa datang. Yang lain tidak datang. Akan tetapi, bila kita bagi ruang untuk kita bagi ruang kita adakan *Caucus* kita adakan *retreat* lagi. *Retreat* ini pertama

kali saya hadirlah bukannya Menteri yang jawab. *Retreat* dijawab oleh semua pegawai-pegawai kerajaan.

■1500

Manakah pergi pembangkang? Ini bila kita bagi ruang, bila tidak bagi ruang, wah menyalak. Ini tidak betul, tidak ada demokrasi, tidak ada keadilan, apakah ini? Inilah yang saya kata buatlah apa juga transformasi, selagi perangai pembangkang tidak tahu menghormati peraturan mesyuarat, kita tidak akan ada kejayaan. Yang akhir, ini yang akhir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kenyataan daripada Yang Berhormat Segambut. Saya sudah baca. Ini jawapan yang...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sebab apa, sebab pergi Jakel?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya sudah baca, baca semua. Ajak dia. Sehubungan itu Lim Lip Eng berkata, "Tan Sri Pandikar perlu menunjukkan kepada Najib yang beliau benar-benar serius mahu melaksanakan pembaharuan Parlimen melalui pemotongan gaji sebanyak 35%. Bagi saya beliau..", ini ayat dia, "bagi saya beliau iaitu Tan Sri Pandikar sekadar Speaker cari makan, cium tangan Najib dan kata, "*Thank you.*" Kemudian lagi beliau kata, akan letak jawatan jika tidak ada pembaharuan pada sesi pertama tahun ini." Menghina, kalau kita sudah menghina Speaker kita, bagaimanakah orang lain mahu menghormati kita? Speaker ini lambang kita.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini satu kenyataan yang cukup...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, yang cukup tidak sepatutnya. Kalau tidak puas hati cakap dalam Dewan. Mengapa pergi menyalak dekat luar, buat PC dekat luar, menghina kita. Ini tidak cukupkah hendak menghina kami Ahli-ahli Parlimen sehingga Speaker juga dihina. Oleh itu kita BN, saya minta BNBBC kita mesti tulis surat secara rasmi, kita kena ambil tindakan gantung kepada perangai Yang Berhormat Segambut yang saya tahu ini perangai, hendak kata kurang ajar, takut *unparliamentary* tetapi itulah ayatnya. Menghina.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, sikit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang tadi, kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Segambut, keluar dalam *FMT News*, kenyataan yang menghina institusi Speaker. Ini kenyataan yang tidak boleh dimaafkan. Dia merupakan Ahli Parlimen yang tidak bertanggungjawab. Kalau dia tidak bersetuju atau ada cadangan cara baru, datanglah ke Dewan

ini untuk memberi cadangan kerana inilah sepatutnya dilaksanakan oleh seorang Ahli Dewan Rakyat.

Akan tetapi tindakan beliau di luar sangat tidak wajar. Oleh sebab itu saya sokong apa juga tindakan dan memang patut BNBBC keluarkan surat untuk tindakan diambil kerana apa, saya tunggu tadi Yang Berhormat Jelebu bercakap, apa guna kalau kita buat peraturan, apa guna kalau kita buat pembaharuan hendak pergi *world class Parliament* tapi kalau ia tidak diikuti. Kalau ia tidak dituruti, kalau perangnya masih sama. Oleh sebab itu saya bersetuju ubah juga pemikiran, cara, perangai kerana ia juga menyumbang kepada pembaharuan Parlimen ini kerana pembaharuan bukan hanya pada undang-undang, tapi sikap, perangai. Akan tetapi kalau sikap tidak berubah, tahap itulah juga. Apakah pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, terima kasih. Masuk dalam *Hansard*. Ini yang saya kata tadi. Mereka bercakap tidak ikut peraturan. Kalau kita ambil tindakanlah kepada Yang Berhormat Segambut, percayalah, mesti akan kata, tengok, kami dalam Dewan, dalam Parlimen dinafikan hak bersuara. Kami dalam Parlimen ditekan. Bagaimana kita hendak ubah diri kita sendiri, kata hendak jadi *world class*. Ini kalau standard pemikiran macam *third class, third class* lah kita punya Parlimen. Kita juga tidak nafikan merungut masyarakat kata masih tidak cukup. Betul, ini yang kata kita ada hak, betul. Hak pembangkang, hak mana-mana ahli kita boleh membuat undi belah bagi, betul, hak dia.

Ini memang hak diberi. Akan tetapi apa logiknya apabila sesuatu perkara, dia sudah tahu, dia sudah kalah undi sudah. Sudah tengok kami penuh di sini, hendak juga kira belah bagi. Bukan kah ini membuang masa Parlimen? Tadi bercakap kasihan, kasihan kepada pegawai. Ini yang kata diberikan undang-undang, diberikan hak tetapi menyalahgunakan hak. Saya pun hairan. Saya hendak ulang lagi saya juga dalam transformasi ini. Pertama kalilah dalam sejarah kita lepas PRU yang ketiga belas ini, pertama kali jawatan Speaker ditandingi. Dulu, kita kata Speaker, kita lantik seorang tapi kita ingat baru-baru ini bila Parlimen ini sesi pertama buka, bila sudah lantik Speaker Dewan, pembangkang pula boleh calon orang lain. Bekas hakim lagi. Eh, tak akan tidak fikir, kami ini ramai. Kenapakah memalukan bekas hakim? Ini sebagai contoh.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa tidak payah bahas, ini kenyataan.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *This is the* masalah. Ini masalah apabila kita, saya bercakap perkara yang benar, mereka tidak boleh terima. Ini kita kata transformasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Shah Alam, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Kalau kita hendak ikut logik yang dibawa oleh

Yang Berhormat Tanjong Karang, maknanya pembangkang tidak payahlah bawa apa-apa fasal sudah memang daripada awal kita sudah tahu sudah Barisan Nasional ramai. Apakah punya logik macam ini? Sedangkan memanglah tugas kita, kita bawalah cadangan yang lain. Soal menang, kalah itu kita serahlah. Saya hairanlah, macam Yang Berhormat Tanjong Karang ini dia hendak tentukan peraturan yang baru pula. Itu hak kitalah. Peraturan membenarkan kita, lalu hormatlah peraturan itu.

Yang Berhormat Tanjong Karang sendiri cakap tentang soal hendak hormat peraturan. Hormat peraturan. Apa yang kita buat tidak bercanggah dengan peraturan, apakah masalahnya? *We want to make our point. We want to have our opinion heard.*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apakah masalahnya?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya faham. Saya pun ada cakap tadi. Ini memang hak semua Ahli Parlimen. Memang dibenarkan di dalam Dewan, di dalam Peraturan Dewan. Akan tetapi pada hari ini apabila mereka berbahas, mereka mungukit soal masa. Ini soalnya. Soal masa. Jadi maksud saya ialah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun lagi Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Maksud saya ada peraturan tetapi kita kalau - kita ikut peraturan kita, betul. Saya kata, saya tidak nafikan, ini hak. Akan tetapi apabila berbahas, seolah-olah macam masa yang kita bagi ini begitu terhad, seolah-olah dibayangkan ahli pembangkang ini macam dihalang bercakap. Ini yang saya cuba bangkitkan.

Saya tidak kata tindakan itu tidak betul tetapi tindakan itu macam budak-budak sekolah. Perangai budak-budak sekolah kira kepada undi sudah tentu kalah. Ini yang saya kata ada peraturan tetapi menyalahgunakan peraturan untuk mendapatkan gimik politik semata-mata. Lepas itu masuk TV, masuk dia punya laman web, oh tengok kami tidak bersetuju, kami lawan, itu tujuan.

Kalau hendak politik, jumpa dekat luarlah. Jangan berani cakap benda-benda yang fakta sahaja. Janganlah hendak buat, hendak ambil, betul kita ahli-ahli politik tetapi jangan ambil politik yang murahan perkara seperti ini. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, bagi. Ada masa lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sikit masa lagi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sikit saja.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, saya rasa apa yang disebutkan tentang waktu, masa dan sebagainya. Ini antara perkara-perkara yang kita timbulkan, dalam soal hendak menguruskan masa dalam Dewan, itu kerja Speaker. Jadi kalau hendak kompelin, Yang Berhormat Tanjong Karang sedang kompelin tentang Speaker. Dia sedang menguruskan, dia membenarkan perbahasan itu berlaku dan bagi kita, kita telah mencadangkan dan *alhamdulillah*



Tan Sri Pandikar tidak berfikir sempit seperti mana Yang Berhormat Tanjong Karang. Tan Sri Pandikar terima cadangan-cadangan sebahagian daripadanya untuk membawa proses perbahasan Parlimen ini selari dan selaras dengan perkembangan mutakhir di dalam Parlimen-parlimen seluruh dunia.

Soal adanya *Minister* punya *question time*, soalnya ada *separate chamber* dan sebagainya, ini semua memang perkembangan-perkembangan mutakhir. Saya tahu bahawa Yang Berhormat Tanjong Karang ...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hormat masa, saya faham, saya faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Sudah 21 tahun. Kadangkala orang yang sudah 21 tahun dengan cara lama, dia berkarat dengan cara lama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak ada hendak ubah-ubah. Selalu kalau orang hendak bawa perubahan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam baru saja, Yang Berhormat Shah Alam baru.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Walaupun dengan cara yang baik, ia diterima oleh Tuan Yang di-Pertua, tiba-tiba hendak buat bising kenapa? Ini yang dikatakan melamintasi. Yang Berhormat Jelebu kata apa, melamintasi. Tidak payahlah lamintasi- lamintasi itu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudah, sudah. Okey.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *We straight to the point*, apa pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang tentang pindaan-pindaan yang telah dikemukakan?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, cukuplah. Ini sebagai contoh. Yang dia tidak pandai tapi dia hendak memandai-mandai. Dia tidak tahu membezakan antara mencelah dengan berhujah. Dua perkara, *very simple*. Mencelah bagaimana, berhujah macam mana? Kalau ini pun tidak boleh hendak beza, bagaimanakah hendak jadi Ahli Parlimen yang *world class* ini? Oleh sebab itu saya hendak tanya Yang Berhormat Shah Alam,...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nanti, tunggu dulu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia hendak tanya, saya hendak jawablah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tunggu dulu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia hendak tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, itu ayat hendak tanya sensitif dengan Yang Berhormat Shah Alam Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya bersedia untuk hendak jawab. Tuan Yang di-Pertua, saya bersedia untuk hendak jawab.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini hendak tanya...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini lah perangai Yang Berhormat Shah Alam. Tanya terlanjur.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Siapakah yang tidak tahu peraturan?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *World class* konon.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apakah ini?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini bukan *world class*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Orang tanya Yang Berhormat Menteri lah, hendak tanya saya buat apa.

#### ■1510

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukup lah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini pun satu hal Yang Berhormat Shah Alam ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini kadang-kadang gangguan kita orang perangai macam Yang Berhormat Shah Alam yang tidak ada adat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya tetapi Yang Berhormat Tanjong Karang...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, saya hendak habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak, sekejap Yang Berhormat sekejap.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Berkenaan hendak tanya Yang Berhormat Shah Alam itu sensitif. Bila dia sebut rakyat itu dia bangun Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, baik. Tadi Yang Berhormat Shah Alam- terima kasihlah Yang Berhormat Shah Alam memberikan pujian kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya kata okey. Adakah pihak sebelah sana bersetuju kah dengan *statement* yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Segambut yang mengatakan bahawa bagi saya beliau Tuan Yang di-Pertua cari makan cium tangan Najib dan kata *thank you*. Setujukah macam ini? Inilah yang saya kata.

Ada yang puji, ada yang menghina. Di manakah pendirian kita?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia tanya tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada. Dia tidak tanya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tidak setuju dengan kenyataan yang sebegitu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, tidak setuju kira *settle* lah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tidak setuju tetapi saya rasa lebih sesuai kalau Yang Berhormat Tanjong Karang hendak bawa isu ini tanyalah bila dia ada. Dia tidak ada, dia hendak jawab betul tidak betul, apa yang dilaporkan tepat atau tidak kita tidak tahu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, okey, *last*. Okey, tutup saya faham okey.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, Yang Berhormat tanya saya jawab.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sekali lagi Yang Berhormat Shah Alam tidak faham peraturan. Mana ada dalam peraturan ini mengatakan kalau mana-mana Ahli Parlimen yang tidak ada kita tidak boleh sentuh. Tolong beritahu saya. Ini dia tidak ada apa-apa. Sudahlah duduklah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tidak kata tidak boleh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tidak ada masalah, ini buang masa.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya kata sebaiknya-baiknya. Inilah masalah putar belit. Laporan dalam surat khabar itu pun mungkin putar belit juga. Saya kata sebaiknya-baiknya. Saya jawab sebaik-baiknya. Janganlah putar belit.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, ini pergaduhan di antara seorang *lawyer* dan 'loyar buruk'.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tidak kata tidak boleh.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Belum dijemput sudah bercakap Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi, kita tahu hendak pakai lawyer kah hendak pakai 'loyar buruk.'

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini melanggar peraturan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Tanjong Karang boleh habiskan Yang Berhormat ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nasib baiklah sebelah pembangkang sebelah sana ada Yang Berhormat Shah Alam seorang sahaja. Kalau ada ramai macam itu lagi jatuhlah maruah kita.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sudah jatuh dah BN. Dia sudah jatuh maruah, sudah jatuh BN. Kalau ada lebih... [*Ketawa*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi akhirnya, dengan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya boleh habiskan Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Perangai macam inilah yang menjatuhkan Senate Dewan kita ini sebenarnya. Kita kena jaga. Sebab itu kita mesti ada pendirian. Pendirian kita mesti kekal. Kalau kita sudah setuju dengan parti kita, kita jangan lari. Ini tidak, bertanding PAS lari masuk PAN. Mana...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Titisan darah terakhir. Malu dekat UMNO.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada salah kah? Ada salah kah?... [*Dewan riuh*]

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi, kalau malu pi lari ke... [*Dewan riuh*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini tidak ada kena mengena dengan peraturan Dewan, tidak ada kena mengena.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Menang tiket PAS, lepas itu lompat masuk PAN.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang dah mula merapulah Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apakah merapu?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lari daripada tajuk, lari mana tidak tahu.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini isu pendirian.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Balik-balik berlelenggang atas ini. Balik-balik berlelenggang lagi baiklah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini isu pendirian. Mana buat salah. Isu pendirian. Kalau duduk PAS, duduklah PAS sampai akhir. Lari masuk PAN buat apa... [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, okey. Kita ini bercakap soal penambahbaikan Parlimen. Kalau kita sebagai Ahli Parlimen pun tidak ada pendirian dalam perjuangan, apa guna jadi Ahli Parlimen. Ini betul salah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita tidak lari. Kita masih dengan pembangkang. Kita bukannya macam dahulu yang lompat lepas itu pergi duduk dekat BN.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau saya, saya letak jawatan. Saya letak cucu dalam parti. Ini tidak, ...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita bukan macam Ibrahim Ali, kita bukan macam Tun Nordin. Itulah lompat keluar duduk dengan BN. Itu lain.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Lompat katak, memalukan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak malu pun, tidak malu pun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Melawan Majlis Tertinggi, lawan Jawatankuasa Pusat PAS kalah, kalau lari masuk PAN.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia yang lari malu yang tidur bersama BN dalam...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak payahlah Yang Berhormat Tanjong Karang malu pula. Kita pun...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bertenang. Sudahlah, seorang sudah masuk hospital.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Cukuplah, hendak malu apa. Kenapa Yang Berhormat Tanjong Karang malu pula... [Dewan riuh] Kita tidak mahu lagi berguru... [Dewan riuh]

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tidak apalah- balik. [Dewan riuh]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudah cukup.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sebab itu kasihan- masuk hospital tidak mahu... [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat, habiskan... [Dewan riuh]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Krai pun sama. Saya tidak tahu, saya hendak ulang lagi. Saya dengar dalam ceramah PAS mengatakan siapa lompat parti depa masuk PAS jatuh talak tiga. Saya tidak tahu betul tidak betul. Ini antara ahli PAS dengan PAS. Kemudian dapat gaji pun gaji haram... [Dewan riuh]

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sudah tahu betul tidak betul tidak payah hendak *comment* lah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri pun tidak boleh jawab ini, Yang Berhormat Menteri pun tidak boleh jawab.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sebab itu makan gaji haram sahaja... [Dewan riuh]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak ada standard langsung.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dia makan benda haram.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila habiskan Yang Berhormat ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, kalau hendak bermain politik dengan saya, saya boleh berpolitik. Saya bercakap benda yang betul. Sebab itu bila kita bercakap kita mesti tengok diri kita sendiri. Pembangkang ini tunjuk satu, tiga salah diri sendiri.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Yang Berhormat Tanjong Karang...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi, oleh itu saya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lindung diri sendiri.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** [Menyampuk] [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ditolak oleh rakyat Selangor. Sudah tidak ada harapan hendak kembali ke Selangor... [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** [Menyampuk]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak ada lagi harapan untuk dapatkan Selangor. Ada ketua macam Yang Berhormat Tanjong Karang lagilah tidak ada harapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam duduklah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lagilah tidak ada harapan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Tanjong Karang-minta sedikit Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Bijaksana, budiman, simpanlah ini tidak boleh pakai.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya tidak yakin yang pihak barisan PAN mematuhi peraturan sebab baiah sendiri pun dia langgar.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Betul, betul, betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### 3.15 ptg.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih lah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam usul yang telah dibentangkan oleh saya sebentar tadi.

Yang Berhormat Kluang ada di sini yang telah bertanya berkenaan dengan notis bagi pertanyaan Menteri. Notisnya Yang Berhormat satu hari yang hendaklah dikemukakan kepada setiausaha. Seperti biasalah ia akan diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk menentukan soalan dan kementerian yang akan menjawab bagi soalan yang diajukan.

Walau bagaimanapun, kalau macam Yang Berhormat merasakan bahawa memang isu itu berbangkit di bawah satu kementerian, Yang Berhormat sebutlah. Minta Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk menjawab. Walau bagaimanapun, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua akan putuskan.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Berapa soalan dalam 30 minit, dan melibatkan berapa kementerian dalam 30 minit itu?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Baik. Waktu-waktu Pertanyaan Menteri ini dia akan bermula pada jam 10 pagi hari Selasa dengan hari Khamis dan ia akan berlangsung selama setengah jam. Kita izinkan pada setiap- satu hari Selasa dan Khamis- tiga kementerian. Bermakna 10 minit satu kementerian. Sesi Pertanyaan Bagi Jawab Lisan yang seperti biasa akan bermula pada jam 10.30 pagi hingga pukul 12 tengah hari. Maknanya tidak hilanglah. Satu jam setengah tetap ada seperti mana yang dinyatakan di bawah 24(5) mengikut Peraturan Mesyuarat Majlis.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, untuk tujuan rekod sahajalah. Saya berharap selepas ini Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat boleh fikir mungkin 30

minit untuk satu kementerian atau pun dua sahaja kerana 10 minit ini terlalu kurang. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya pun kira ini satu perkara yang boleh diputuskan oleh kita. Jadi, kalau permintaan itu sebagai contohlah kalau pada hari yang berkenaan cuma ada satu sahaja kementerian, satu soalan kepada satu orang Menteri, kita gunalah juga sepenuhnya setengah jam ini. Ini saya rasa kita boleh putuskan sesama kita selepas ini.

Keperluan memendekkan masa notis setakat ini tempoh masa notis yang dipinda menjadi 10 hari bekerja telah mengambil kira semua aspek khususnya dalam pelaksanaan pengurusan soalan oleh pihak Parlimen dan kita mengambil kira tempoh untuk pihak kementerian memberikan jawapan. Notis ini penting Yang Berhormat sebab kita hendakkan kepada jawapan yang tepat yang mempunyai isi yang sebenarnya. Kalau kita pendekkan notis itu, ini akan sukar kepada pegawai kerajaan untuk menyediakan jawapan bagi pihak kementerian.

Walau bagaimanapun kita sudah ambil kira yang mungkin Yang Berhormat menyebutkan tadilah, yang harga tong minyak Julai berapa Ringgit? Kemudian, bila soalan itu sudah dihantar kemudian jatuh. Sebab itulah kita benarkan tiga soalan *reserve* yang boleh ditanya sewaktu kita bersidang. Jadi pada waktu kita bersidang itu tiba-tiba harga minyak sudah jatuh. Masa itu Yang Berhormat boleh kemukakan soalan baru mengambil kira keadaan yang berlaku pada ketika kita bersidang itu. Sebab itu kita *reserve* tiga.

Jadi Yang Berhormat gunakanlah tujuh. Hendak *reserve* tiga boleh, hendak *reserve* satu boleh. Kot-kot keadaan memerlukan kita membuat pertanyaan yang baru.

■1520

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, saya rasa itu baik untuk ke arah yang betul. Akan tetapi, saya hendak bawa soalan lain yang saya tak bawa tadi iaitu biasanya dalam Sesi Soal Soalan Jawab Lisan ini, jawapan daripada Menteri agak panjang. Kalau Yang Berhormat Menteri pergi ke Parlimen lain, biasanya satu soalan mungkin dihadkan tiga minit dan Menteri perlu jawab dalam tiga minit. Selepas itu soalan tambahan dalam satu minit, jawab dalam tiga minit. Mungkin kementerian ataupun Menteri boleh fikir bagaimana kita hadkan masa jawapan supaya lebih banyak soalan boleh dijawab secara lisan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita kena bagi sikit ruang sebab kalau jawapan itu dikenakan untuk dijawab dalam masa tiga minit, mungkin jawapan itu tidak tepat. Kadangkala soalan itu merupakan soalan yang agak meluas. Ahli Parlimen kita ini kreatif. Walaupun dikatakan dibenarkan hanya satu soalan tetapi cara dia membuat soalan itu sebenarnya kita kena menjawab empat, lima isu. Jadi biarlah saya ingat kita serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memutuskan sama ada perlu jawab panjang ataupun pendek.

Tempoh masa bagi Kamar Khas. Yang Berhormat kata tidak perlu dihadkan selama dua jam. Buat masa ini, tempoh yang ditetapkan ialah Kamar Khas akan bersidang setiap hari sekiranya usul yang dikemukakan dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Kemudian, usul di

bawah P.M.17 tidak lagi terhad dibentangkan pada mesyuarat kedua. Dalam erti kata lain, ia boleh dibentangkan pada setiap Mesyuarat.

Pada masa akan datang, tempoh masa bersidang boleh dipertimbangkan untuk dilanjutkan dengan mengambil kira semua aspek khususnya logistik. Ini Yang Berhormat kata boleh tak kita panjangkan. Saya ingat sebenarnya hari ini kita tak boleh panjangkan sebab kita kongsi Dewan ini. Tetapi, saya kira ini boleh kita bincangkan.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Saya rasa ada dua isu. Kalau kongsi Dewan ini untuk *Senate* dan kalau pemindahan *Senate* ke tempat lain, maka kita boleh bersidang sepanjang tahun. Akan tetapi isu tadi ialah isu Kamar Khas ini, bolehkah kita mungkin kalau ada usul yang lebih banyak, kita benarkan dua usul iaitu dua jam, selepas itu empat ucapan penangguhan, jadikan tiga jam? Tak perlu kita hadkan dua jam tetapi kita fleksibel, kita membenarkan dua, tiga jam bergantung pada berapa usul ada. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya lah, mengikut kita punya peraturan mesyuarat, kita cuma membenarkan, di bawah usul P.M.17, hanya berkehendakkan dua orang ahli untuk mengeluarkan perkara di bawah P.M.17 ini dan bagi P.M.18, tidak lebih daripada satu usul boleh dibawa pada satu hari persidangan mesyuarat. Jadi kita masih kekal. Akan tetapi saya rasa kalau sudah ada dua *chamber*, kita bincang tengok selepas ini.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, itu bermakna hanya dua ucapan penangguhan boleh dibenarkan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, ya, masih dikekalkan sekarang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Okey, tetapi saya minta kalau selepas sesi bulan Mei, cuba tambah sampai empat supaya sekurang-kurangnya...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ini permintaan barulah.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Ya, okey.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Sebab, pertama, kita bercakap tentang Kamar Khas. Kita tak bercakap tentang hendak pinda P.M.17 atau pun P.M.18. Jadi selepas ini kalau kemukakan pertanyaan itu, kita boleh pertimbangkan.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Ya, kerana kita ada dua jam di Kamar Khas. Satu jam untuk usul, satu jam untuk ucapan penangguhan. Itu bermakna kita boleh buat empat ucapan penangguhan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Okey, kita boleh bincanglah ya. Yang Berhormat juga bertanya sama ada Kamar Khas boleh diluaskan kepada usul-usul lain selain P.M.17 dan P.M.18. Kita kaji dengan lebih mendalam dan seperti mana saya sebutkan tadi, di peringkat pertama ini, transformasi ini, usul di bawah P.M.17 dan P.M.18 memadai pada masa inilah dengan mengambil kira sumber tenaga manusia di Parlimen dan pengurusan Parlimen itu sendiri dalam melaksanakan Kamar Khas. Jadi kita boleh bincanglah. Kalau tambah duit, banyakkannya lagi pegawai, senanglah ya. Sebab, kalau dia berjalan *parallel*, kita punya pegawai kena pergi ke sana juga. Jadi kalau saya hendak belah dia orang dua pun susah, bukan? Jadi...



**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Untuk tujuan rekod, saya setuju untuk tambah kewangan untuk Parlimen.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Okey, terima kasih, terima kasih. Saya harap akan dicatat dalam kita punya ini.

Baik, saya ingat itulah sahaja yang Yang Berhormat Kluang bangkit. Yang Berhormat Kluang pun ada bangkit berkenaan dengan jawatankuasa yang lain-lain itu dan saya akan jawab sekali gus sebentar nanti.

Yang Berhormat Bayan Baru bertanya mengapa pindaan kepada peraturan mesyuarat perlu mendapat persetujuan Kabinet. Kebebasan Parlimen, jadi mengapa perlu Kabinet memutuskan. Ini tidak menampakkan Parlimen itu bebas.

Ada dua sebab, Yang Berhormat ya. Pertama sekali, banyak daripada perkara yang dibangkitkan sebagai reformasi yang dituntut oleh Parlimen kita, ia menjejaskan kepada kuasa kerajaan. Jadi, sudah tentulah kalau kita hendak buat sesuatu yang akan ada kaitan dengan kuasa kerajaan, mestilah dapat kelulusan Kabinet. Kita tidak boleh lulus kalau hendak sentuh hak kita. Macam Yang Berhormat Shah Alam kata, ini hak Parlimen. Saya juga nak kata, ini hak kerajaan. Jadi kita kena hormatilah hak kita. Oleh sebab itu, apa juga perkara yang hendak dibangkitkan sebagai reformasi yang menyentuh hak kerajaan, mesti dirujuk kepada kerajaan dan kerajaan berhak menerusi Kabinet membuat keputusan sama ada setuju ataupun tidak kerana ini kuasa kerajaan. Itu pertama.

Keduanya, apabila mari mengundi nanti, Yang Berhormat tahulah, bukan? Maknanya, guna *whip*, sudah tentu akan kalah kalau kerajaan tak setuju. Oleh sebab itulah runding dengan kerajaan dulu. Kalau kerajaan setuju, senang buat kerja. Ya? Itu sahaja jawapan saya kepada Yang Berhormat tentang mengapa perlu mendapat persetujuan Kabinet.

Kemudian, Yang Berhormat juga bertanya berkenaan dengan Pegawai Penyelidik kepada setiap Ahli Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat, Parlimen Malaysia telah menyediakan seramai 14 orang Pegawai Penyelidik yang terdiri daripada empat seksyen iaitu Seksyen Ekonomi; Sosial; Sains, Tenaga dan Teknologi; dan Seksyen Antarabangsa dan Keselamatan. Pegawai-pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia sentiasa bersedia untuk membantu Ahli-ahli Yang Berhormat dalam kajian berhubung sesuatu isu yang ingin diketengahkan.

Tak kiralah, kalau Ahli Yang Berhormat yang minta tolong itu daripada pembangkang, daripada kerajaankah, mereka ini profesional, dia akan beri layanan yang sama. Kalau mereka tidak memberi layanan yang sama kepada pihak pembangkang, sila maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Sudah tentu dia akan menasihatkan 14 orang Pegawai Penyelidik ini untuk bersikap profesional.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sikit ya, Yang Berhormat Menteri. Poin yang saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, 14 orang itu memang tidak cukup kerana kita ada 222 Ahli

Parlimen. Semuanya hebat-hebat. Semua mahu perdebatan yang lebih baik. Jadi tengoklah, 14 orang itu memang tak cukup. Kita tengok di luar-luar negara dan Menteri selalu dulu pun pergi ke seluruh dunia, tahu bahawa Ahli-ahli Parlimen yang *first world, first world Parliament* di tempat-tempat negara *first world* itu memang semua Ahli Parlimen dibekalkan dengan pegawai penyelidik dan juga staf-staf yang mencukupi.

Contohnya tadi saya bangkitkan di Korea, diberi 12 orang staf dan juga Pegawai Penyelidik setiap Ahli Parlimen. Jadi, *this is* yang kita bangkitkan supaya diperbanyakkan lagi peruntukan kepada Parlimen, kepada Tuan Yang di-Pertua, kepada Jawatankuasa Dewan supaya Jawatankuasa Dewan itu boleh menguruskan duit, wang itu disalurkan kepada setiap Ahli Parlimen secara adil.

■1530

Itulah yang kita cadangkan. Yang Berhormat Menteri, *I think* Yang Berhormat Menteri pun lebih banyak staf juga. Jadi saya pun cadangkan supaya kita boleh sama-sama dapatkan, tingkatkan. Semua Ahli Parlimen di sini pun kekurangan staf. Minta Yang Berhormat Menteri pertimbangkan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Duit untuk kerja-kerja Ahli Parlimen sewaktu sidang Majlis. Akan tetapi saya kira tidak semua Ahli-ahli Parlimen yang memerlukan kepada pegawai penyelidik untuk membantu mereka membuat ucapan. Saya tengok ucapan yang dibuat oleh Ahli Parlimen semua *off the cuff*. Mereka memang cerdik. Jadi saya rasa tidak semua yang akan menggunakan pegawai penyelidik. Masing-masing menggunakan kepakaran, kepintaran semula jadi yang ada untuk berhujah selain daripada mereka membaca di luar dari waktu bersidang.

Walau bagaimanapun, kalau 12 tidak cukup, Yang Berhormat boleh cadang bagi duit lebih kepada Parlimenlah. Jadi tadi Yang Berhormat Kluang kata bagi lebih duit. Ini pun saya kira Yang Berhormat pun sokong untuk bagi lebih duit kepada Parlimen. Sudah ada dua orang Tuan Yang di-Pertua ya yang setuju untuk bagi wang lebih. Saya okey, *no problem* saya sokong. Tidak ada masalah. Apa juga yang bagi duit untuk Parlimen saya sokong.

Penambahbaikan Dewan Rakyat terbahagi kepada tiga fasa. Tadi Yang Berhormat bertanya apa fasa ini.

Fasa pertama penambahbaikan yang melibatkan peraturan mesyuarat di bawah bidang kuasa Parlimen Malaysia dan tidak melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Fasa kedua penambahbaikan yang melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Itu akan berlaku juga. Mungkin di fasa kedua.

Fasa ketiga, mendapatkan input-input daripada pakar-pakar luar bagi memperkemaskan lagi penambahbaikan yang dicadangkan. Itu fasa ketiga.

Inilah tiga fasa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua yang Yang Berhormat hendak tahu. Habis sudah, Yang Berhormat Bayan Baru? Tidak ada ya.

Soal berkenaan dengan Jawatankuasa, saya rangkum semua sekali.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, saya juga tanya tentang *shorter time* tetapi *more days*. Parlimen hadkan ke 5.30 petang supaya semua staf, para media, Speaker boleh relaks, balik *on time* jumpa anak-anakkah, makan- *dinner* dengan *family*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jaga anak Yang Berhormat itu. Balik awal jaga anak, dia kata.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada Yang Berhormat berkenaan dengan kita hendak memanjangkan lagi waktu kita bersidang, pendekkan masa bersidang setiap hari tetapi banyakan hari bersidang.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah bincang tentang perkara ini banyak kali. Kita kena ingat bahawa walaupun kita menjadi Ahli Parlimen tetapi kita tidak bergantung kepada Elaun Ahli Parlimen untuk membiayai kehidupan kita. Hendak menjaga keluarga kita dan macam-macam lain... [Disampuk] Bukan, nanti saya hendak sebut. Kita masing-masing ada profesion kita. Ada yang menjadi peguam, ada yang menjadi doktor, ada juga yang buat *business* kerana Ahli-ahli Parlimen dia tidak dihalang daripada mempunyai perniagaan dia sendiri.

Jadi kalau kita banyak sidang, saya rasa dalam Dewan ini pun banyak juga peguam. Tidaklah manis kalau sekiranya hari bersidang panjang dan mereka peguam dan bila ada kes yang mereka terpaksa jalankan, saya rasa tidak eloklah kalau tiap-tiap kali meminta supaya kes ditangguhkan kerana hendak hadir Parlimen.

Jadi sebab itu kita kena ambil kira. Selain daripada kita menjadi Ahli Parlimen, kita juga mempunyai profesion kita yang lain yang membiayai kehidupan kita dan keluarga kita. Itu maksud saya. Jangan salah faham ya. Jangan salah faham. Jadi kita kena imbangkan. Kalau sampai di Australia tiap-tiap hari, tiap-tiap hari diadakan dan kita Ahli Parlimen tidak hidup atas elaun yang diberikan kepada kita.

Jadi kalau sudah kita hari-hari bersidang, kalau bersidang kena datang. Kalau tidak datang nanti kerana kita peguam, kita doktor, kita hendak mengendalikan kita punya klinik, kita tidak datang pun tidak elok. Ini kerana kita punya macam-macam internet, orang boleh dapat tahu yang kita tidak hadir dan sebagainya. Mungkin orang kata kalau sudah hendak jadi peguam, tidak payah jadi Ahli Parlimen. Jadi kita kena imbang. Kita kena imbang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** [Bangun]

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Sebab itu saya rasakan kita kena imbang, masa juga kena diberikan kepada Ahli Parlimen yang sebenarnya mempunyai kerja-kerja yang lain yang harus dilakukan mereka yang merupakan profesion mereka.

Yang Berhormat Batu duduk dulu. Biar Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kita Ahli-ahli Parlimen memikul tanggungjawab dan amanah membawa isu rakyat kepada Parlimen. Saya cukup berterima kasih Yang Berhormat Menteri kerana *you* hendak berbesar hati menjaga orang yang *lawyer*kah, doktor jangan mereka terlalu sibuk supaya mereka boleh menjaga klinik mereka. *That is not the*

*question. The question is how do we make Members of Parliament effective* membawa isu rakyat kerana isu rakyat ini hari-hari. Kalau satu tahun 365 hari, hanya jumpa 50 hari, hanya 50 hari sahaja wakil rakyat boleh bawa isu ke Parlimen untuk perhatian Menteri atau kerajaan.

Ini tidak cukup kerana negara besar, rakyat ramai, ada banyak isu. *That's why* kita perlu ada lebih banyak hari untuk Parlimen bersidang. Yang *lawyer-lawyer* itu mereka kalau mereka hendak masuk Parlimen, mereka kena jalankan tugas Parlimen. Mereka kena jalankan tugas dan beramanah sebagai wakil rakyat. Mereka kena letak *low priority*, keutamaan itu Parlimen kerana ini adalah amanah daripada rakyat.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** *Saya back to deferlah. Back to defer* sebab saya rasa *there is a question* sebab kita bukan orang kata tidak dibenarkan untuk menjalankan tugas kita sebagai seorang profesional. Kita kena imbangkan iaitu antara pekerjaan kita sebagai seorang profesional ataupun bukan profesional *business* apalah yang dibenarkan kepada wakil rakyat untuk berniaga. Jadi kita kena bagi masa. Saya tidak fikir datang Parlimen hari-hari sampai 200 hari itu efektif ataupun efisien. *I don't think so.*

*Efficient is* macam mana kita menggunakan masa. Tidak buang masa dengan membangkitkan perkara yang tidak mendatangkan apa-apa manfaat. Itu lebih efisien. Jadi kepada saya, saya rasa kita boleh atau sekarang ini disabitkan oleh sebab kita terpaksa kongsi Dewan, kita pendekkan. Saya rasa kita boleh. *Insyallah* di masa akan datang kita bincang, kita panjangkan balik seperti mana kita pernah bersidang pada masa yang lepas.

Akan tetapi kalau hendak bersidang macam Australia itu, saya hendak mengatakan saya tidak bersetuju sebab di dalam Dewan... *[Disampuk]* Hendak bercakap minta jalan. Saya akan bagi. Tidak apa. Jadi saya punya pandangan, kerajaan punya pandangan pada ketika ini, kita juga kena benarkan sebab tanggungjawab Ahli Parlimen di Malaysia bukan sahaja di Dewan Rakyat tetapi kita juga bertanggungjawab kepada pengundi kita di kawasan yang memerlukan kita untuk melawat kawasan kita dan menjaga pengundi-pengundi kita. Ya sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, macam semalam kita bersidang sampai pukul 12.35 pagi, saya rasa kalau kita bersidang macam itu- ini bukan kali pertama. Sudah banyak kali kita bersidang sampai pukul tiga, empat pagi pun kita sudah bersidang. Saya rasa kalau kita bersidang macam itu, Dewan ini menjadi tidak aktif. Ramai di antara Ahli-ahli Parlimen tidak ada tenaga, *mood* untuk berbahas. Jadi saya nampak. Macam semalam saya ada di sini, saya nampak tidak ada siapa hendak bahas. Semua *bill-bill* dia jalan macam itu sahaja.

Saya rasa perkara ini perlu dielakkan sebab itu mungkin apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru itu kita jangan panjangkan masa kita bersidang tetapi kita tambahkan hari. Itu mungkin cadangannya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1540

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Point* saya lebih kurang.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat Batu Gajah, kita tidak dipaksakan kalau kita bersidang daripada pukul 10 sampai 5.30 petang. Kita tidak dipaksakan masuk pukul 10 pagi dan kita keluar pukul 5.30 petang. Kita boleh pilih yang mana rang undang-undang yang kita berminat untuk berbahas, kita pilih masa. Kita akan tahu jadual akan keluar iaitu sekian-sekian rang undang-undang akan dibahaskan pada hari ini dan kita boleh *monitor*.

Kalau kita tidak perlu ada di Dewan, tidak perlu ada. Kadang-kadang kita tengok di *United Kingdom* pun, di dalam Dewan dia ada Tuan Yang di-Pertua, ada seorang dengan *mic*, dia seorang sahaja bercakap. Dahulu saya tidak faham masa saya muda dulu, saya tengok ini macam orang gila sebab dia bercakap seorang.

Akan tetapi dia bercakap kerana apa, dia tahu waktu bila rang undang-undang itu hendak dibahaskan. Lain yang dia tidak minat tidak payah datang. Mereka yang minat datang untuk bahas. Kita hanya datang kalau kita hendak mengundi. Itu sahaja. Jadi, saya fikir iaitu kita boleh memastikan iaitu kita hanya hadir pada waktu dan ketika rang undang-undang yang kita hendak bahas itu berbangkit. Jadi, pada masa lain itu kita pergilah duduk dekat mana-mana, rehat kah apa.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidaklah kita susah macam mana kita rasa sampai bersidang tengah malam. Jadi, kita kena tahu bagaimana kita hendak *phase* kita punya penglibatan dalam perbahasan. Ya, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya setuju dalam konteks Menteri sebut, kita bukan dianggap sebagai *full time Parliamentarian*. Beza dengan sesetengah Parlimen yang menganggap Ahli Parlimen harus *full time* berada di Parlimen. Saya juga setuju dalam kita imbangkan karier kita sendiri dengan Ahli Parlimen. Cuma apa yang diperlukan ialah bagi ruang yang lebih. Oleh sebab kita belum sampai *reform* yang membolehkan kita buat *Committee*. Di *United Kingdom*, dia berucap seorang itu sebab sebenarnya apa yang telah diputuskan dalam *Committee* sudah, komanya, titiknya, ayatnya, *grammarnya* sudah diubah dalam *Committee stage*. Apabila sampai ke *preliminary* dengan Majlis, itu hanya sebagai nyata pendirian sahaja.

Jadi, *you* datang untuk *register your position*. Itu sebenarnya bukan perbahasan lagi. Akan tetapi dalam keadaan kita, Jawatankuasa itu ada dalam satu Dewan yang penuh. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru tidak sesampai kita menggunakan 2/3 daripada setahun itu untuk bersidang. Akan tetapi lebih daripada yang ada supaya bila kita telitikan undang-undang, kita diberi masa yang lebih. Ada kala undang-undang dibentangkan dalam dua tiga hari.

*It is unfair* untuk kita yang perlukan meneliti dan berbahas. Bukan sahaja berbahas tetapi *study* dengan betul-betul sebelum kita sampai sini, *so that we don't talk nonsense*, Yang Berhormat Menteri pun setuju. Akan tetapi isunya perlu diberi lebih banyak masa lagi supaya kita boleh kaji betul-betul sebelum kita datang berucap. Itulah sebab ada keperluan tambah sedikit

masa supaya kita tidak *bulldoze* rang undang-undang ini sebagai orang yang sudah letih. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya tidak bersetuju, kalau sekarang 55 hari dahulu ada 80 hari. Saya merasakan itu, ya, kita perlu kata jangan kurangkan daripada apa yang pernah kita lakukan. Oleh sebab kalau dahulu Ahli Parlimennya sedikit, boleh katalah sampai 100 hari, sekarang Ahli Parlimen sudah ramai, sudah tentu makan masa lebih, sebab banyak yang hendak bercakap. Itu saya setuju. Akan tetapi hendak sampai kata setiap hari itu tidak usahlah. Oleh sebab disebut...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, saya tidak cakap hari-hari. Saya kata 100 hari, itu sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tambah?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tambah kepada 100 hari.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Itu tidak ada masalah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Very good.* Boleh kita kembalikan...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, saya akan bawa untuk di...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, tadi saya pergi minum dekat luar, media pun kata, "*Tolonglah beritahu kepada Menteri, panjangkan*". Mereka pun tidak boleh tahan sebab dia kata pukul 9, semuanya sudah tidak boleh buat kerja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat agak kalau kita buat dalam 100 hari tidak ada bersidang malam, rasa-rasa?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, *hopefully* tidak adalah. Pukul 5.30 petang semua sudah boleh balik. Kita kurangkanlah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak apalah. Takut nanti 100 hari pun kita bersidang malam, alamak mati kita, saya kata.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Itu sebab kerajaan hendak *bulldoze*...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jangan *bulldoze* bil, kita ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *No guarantee.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Sebenarnya, tidak ada jaminan sebenarnya...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...kata kalau jaminannya iaitu kalau kita bersidang 100 hari, jadi tidaklah kita akan sakit kepala kah, itu tidak menjaminkan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi 100 hari lebih bagus daripada 50 hari, setuju?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, tidak bermakna bahawa cadangan Yang Berhormat itu tidak boleh dipertimbangkan, ya. Cuma kita tidak boleh beri jaminan iaitu bahawa kalau hari itu panjang, bermakna bahawa kita setiap hari akan bersidang 5.30 petang. Saya ingat

ia tidak akan berlaku. Asalkan kita tahu bahawa ini tidak akan mengatasi masalah kita bersidang malam, saya rasa kita boleh pertimbangkan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** 100 hari okeylah Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Nanti dahululah. Saya akan pertimbangkanlah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya isunya bukan jumlah hari sama ada 50 atau 60, 70. Itu persoalan kedua. Apa yang terpenting ialah supaya kita berbahas pada waktu yang munasabah iaitu mungkin paling tinggi dan paling lama pun mungkin sampai pukul 7 malam. Akan tetapi tidak payahlah sampai pukul 12 malam ataupun pukul 4 pagi dan sebagainya. Oleh sebab kita hendak tentukan bahawa sesuatu keputusan itu yang dibuat itu hasil daripada satu perbahasan yang baiklah, bukan dalam keadaan yang letih dan sebagainya.

So, apa yang hendak dicapai ini memang ada melalui transformasi yang hendak dilakukan dengan adanya *Special Chamber*, adanya *Minister's Question Time*. Semua benda ini, selepas itu pembentukan Jawatankuasa dan sebagainya. Lalu saya rasa itu yang menjadi isunya iaitu dengan cuba sebaik yang mungkin untuk mengelak daripada berlakunya *extension* melebihi waktu yang waras dan wajarlah. Saya rasa kita boleh buat kalau kita bawa pindaan yang seperti mana yang dicadangkan. Saya rasa itu isunya. Bukan soal Ahli Parlimen ada kerja lain. Kita pun kasihan juga kalau setiap hari hendak datang. Ahli Parlimen bukan semuanya daripada Shah Alam. Kalau daripada Shah Alam, bolehlah balik malam, tidur dengan bini, main dengan anak dan sebagainya. Akan tetapi Ahli Yang Berhormat datang dari Sabah, dari Sarawak. Kalau satu tahun, kalau setiap hari hendak bersidang pun masalah juga bagi mereka selain daripada profesion mereka.

*So, what is the most important, dengan izin, is to ensure* waktu perbahasan itu waktu yang munasabah. Kalau ada banyak undang-undang, banyak perkara yang hendak dibahas, harinya boleh ditambah. Kalau katakanlah macam bulan Mei ini, kita hanya bersidang dua minggu. Mungkin oleh sebab hendak dua minggu itu, maka kita terpaksa- sedangkan kita tengok dari segi agenda apa yang hendak dibahas, semua rang undang-undang yang hendak dibincangkan kali ini sudah ditolak pada sesi yang kedua. Lalu disitulah kita cuba *adjust, insya-Allah*. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, kita akan cuba di masa yang akan datang bagaimana ini, terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua. Mereka menguruskan Parlimen ini supaya dapat kita habiskan sekurang-kurangnya paling lewat pun 7.30 malam. Kita cuba.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Ampang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang ya.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak menyentuh tentang masa. Saya bukan harap minta hari-hari tetapi hari yang *reasonable* yang boleh mencukupkan kita untuk berbahas. Oleh sebab walaupun Menteri sebut tadi kita pilih isu-isu. Akan tetapi ada isu-isu yang tertentu yang mana kita pilih hendak berbahas tetapi oleh sebab ramai hendak berbahas sampai kita *dilimitkan* masa selama lima minit, membuatkan hujah-hujah kita tidak berkualiti dan kita harus terburu-buru menyampaikan maksud dan hujah-hujah kita.

Jadi, saya amat berharap agar dipertimbangkan *a reasonable days* yang boleh dikaji semula hari-hari yang kita kena sampai tiga empat pagi itu, *we can average it*, dengan izin, *in the past three years, probably there are number of days* yang harus kita tambahkan untuk membuat Parlimen ini lebih berkualiti daripada segi hujah-hujahnya. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, saya ambil maklum pandangan itu. Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya macam disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi, isu pokoknya kena elak bersidang sehingga larut malam.

#### ■1550

Maknanya, saya ingat kena ada satu peraturan dalam mesyuarat ini, sidang kita setakat 5.30 petang ataupun setakat pukul 7 malam. Maknanya tidak boleh melangkaui selebih daripada itu. Jadi, jaminanlah itu. Macam Yang Berhormat kata tadi tidak ada jaminan. Kalau 100 hari sidang pun tidak ada jaminan yang kita tidak boleh bersidang sampai malam.

Akan tetapi kalau kita letakkan dalam satu peraturan bahawa mesyuarat kita ini, sidang kita ini tidak boleh lebih daripada pukul 7 malam. Jadi, kita akan berhentilah di situ. Jadi tidak timbul isu, bagi saya tidak timbul isu yang orang-orang yang peguam tidak boleh datang sedangkan Yang Berhormat sendiri dalam hujah Yang Berhormat kata, kita pukul 10 pagi, tidak semestinya kita duduk pukul 10 pagi sampai 5.30 petang. Jadi, dia bolehlah pergi ke mahkamah. Macam Yang Berhormat Bagan Serai hendak balik bersunat musim cuti sekolah bukan, lepas lima orang dia bersunat, dia naik kereta dia 'mai' pula. Dia dapat sudah beberapa ratus ringgit, dia boleh 'mai'lah. Dia tidak ada masalah, dia boleh pergi. Dia hendak bersunat siapakah, budak atau orang tua, dia boleh pergi sunatlah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** [Bangun.]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi, tidak ada masalah bagi saya dengan hujah Yang Berhormat itu bahawa sesiapa yang ada profesion yang khusus itu, dia boleh buat kerja kerana dia tidak semestinya dia berada di sini sepanjang masa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh sedikit mencelah Menteri?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Minat Menteri, mencelah sedikit.



**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menyebut kalau mahkamah itu pergilah. Akan tetapi mahkamah ini bukan di Kuala Lumpur sahaja, kes ini merata Malaysia tahu. Kota Kinabalu pun ada, Kuching pun ada. Kalau setakat Kuala Lumpur itu okey, boleh pakailah Yang Berhormat punya hujah itu. Akan tetapi *lawyers* ini dia bersidang kadang-kadang di Pulau Pinang, macam-macam lagi. Jadi...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Menteri, Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, sila Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Oleh sebab kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya hairan bila Ahli Parlimen Padang 'Serai' menggulung bagi pihak kerajaan, semua Ahli Parlimen tertib Yang Berhormat ya. Senang kerja Speaker.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Padang Rengas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Maaf, Padang Rengas, Padang Rengas.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Gaya Menteri jawab itu yang tertib Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya risau, ingatkan Yang Berhormat Padang Serai jadi Menteri pula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Padang Rengas, ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Okey, okey Padang Rengas.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu fasal cara Yang Berhormat Padang Rengas jawab pun tertib, lalu kita pun tertiblah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Padanya boleh buat tertib kalau hendak buat tertib.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh, boleh. Sama-sama tertib.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, dia kedua-dua pihaklah ya. Kalau seorang tertib, yang ini pun tertib juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebab buat macam ini senang kami Yang Berhormat ya, boleh habis 7.30 malam ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kalau macam ini, sesi depan saya pun minat jadi Speaker [*Ketawa*] Tidak dapat di Parlimen, di DUN pun boleh. Pada sidang kali ini Yang Berhormat Menteri, ada lapan rang undang-undang tidak habis ya. Kemudian ada undang-undang peribadi, usul-usul yang *never ever see light of the day*, ya. Kerana apa, kerana mendahulukan urusan kerajaan. Kita faham tersebut, tetapi kalau kita boleh meluaskan tempoh perbahasan ini pada hari-hari yang lebih, mungkin kita boleh menyelesaikan. Seseengah rang undang-undang ini saya rasa perlu juga disegerakan, terutama yang dicadangkan dipinda tahun lepas lagi ya. Rang Undang-undang Keterangan contohnya. Akan tetapi nampaknya oleh sebab masa kita singkat, kita terpaksa menanggungkan lagi ke sesi akan datang. Itu satu hal.

Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bayan Baru supaya dipertimbangkan masa yang lebih, tetapi masa itu dimasukkan dalam peraturan mesyuarat kita, dihadkan waktunya. Kalau kita boleh masukkan dalam Peraturan Mesyuarat waktu kita bermula mesyuarat pukul 10 pagi, saya yakin kita boleh tetapkan juga waktu habis kita pada jam yang tertentu...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tanpa matikan jam.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Keduanya Tuan Yang di-Pertua, Menteri menyebut tentang *professional study*. Saya rasa ligatnya doktor, ligatnya *lawyers* ini kerana masanya kita di dalam Dewan ini terhad, beberapa hari sahaja. Kalau masa kita panjang, mereka pun bijak dan pasti akan menguruskan supaya menyesuaikan kelapangan mereka dengan aktiviti profesional mereka, sama ada doktor atau lain-lainnya. Akan tetapi kalau pendek, memanglah mereka akan mengambil lebih banyak kes, akan buka klinik lebih banyak. Jadi saya rasa, ini boleh kita berdebat. Akan tetapi saya rasa kalau kita tetapkan waktu yang lebih di Dewan ini, mungkin mereka juga menyesuaikan diri dengan mengurangkan mengambil kes. Apalagi yang jauh-jauh di Sabah dan Sarawak seperti yang dikatakan tadi, ambil yang Shah Alam punya cukuplah mungkin. Terima kasih dan sunat itu pun sekali jalan ringkas sahajalah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak apalah. Saya ingat saya ambil kira semua pandangan. Akan tetapi Yang Berhormat praktis lagi jadi doktor?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya *full time* Ahli Parlimen.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, boleh bagi sedikit? 1 minit sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai bertanya di manakah lokasi fizikal Kamar Khas, dia Bilik Jawatankuasa 1, Kamar Khas. Okey saya tengok, tidak ada apa-apa. *Air conditioner* lagi baik.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Bangunan Sementara, Bilik Jawatankuasa 1 yang akan diubahsuai mengikut keperluan dan kehendak perjalanan Kamar Khas tersebut.

Yang Berhormat Kuala Krai juga bertanya, adakah Speaker akan melantik Pengerusi sementara, ada elaun memangku sementara. Setakat ini, pelaksanaan Kamar Khas akan dipengerusikan oleh Timbalan Speaker dan sekiranya Speaker ingin melantik pengerusi sementara, perkara ini sememangnya tertakluk di bawah Peraturan Mesyuarat 7(3), apabila Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang Ahli untuk mempengerusikan mesyuarat. Bagi maksud tersebut, tiada elaun, *free* sahajalah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kopi O dengan cucur kodok sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Hendak jadi? Okey. Tiada elaun memangku sementara diperuntukkan setakat ini.

Yang Berhormat Bayan Baru. Pengerusi PAC kalau boleh dicadangkan dipengerusikan oleh pembangkang. Jadi saya kira beginilah, dalam sistem kita ini, memang kita tidak mahu abui

orang punya fikiran dengan kita meletakkan pengerusi ini datangnya daripada pembangkang. Seolah-olah itu akan orang kata apa, menampakkan lebih berkesan. Akan tetapi akhirnya apabila kita mengambil keputusan, terpaksa kita mengambil keputusan daripada Ahli Jawatankuasa. Kita tahu dalam sistem kita, siapa yang mempunyai kerusi lebih, dia bentuk kerajaan dan dia juga mendapat tempat yang lebih dalam pembahagian kerusi-kerusi PAC. Ini sekalipun kita letak pengerusi daripada pembangkang, tetapi keputusannya apabila diambil nanti, sudah tentulah kerajaan yang akan memerintah akhirnya dalam PAC itu lebih. Tidak juga, akan dibangkit juga. Maknanya ini sistem tidak adil. Katanya itu walaupun pengerusi itu pembangkang, tetapi keahliannya majoriti kerajaan. Semestinyalah sebab ini sistem *Westminster* kita.

Jadi lebih baiklah kita cakap betul-betul, pengerusi ini datang daripada pihak kerajaan dan kita putus juga keputusan seperti biasa mengikut keputusan Ahli Jawatankuasa PAC. Jadi, saya rasa kita tidak mahulah tipu rakyat kata nampak okey, tetapi sebenarnya kita buat juga. Kata hendak sedap hati sahaja, walhal yang masih menguasai ialah kerajaan. Jadi saya rasa memadailah pada hari ini, pengerusinya datang daripada pihak Barisan Nasional...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun.]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Hendak tanya? Okey, okey.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, kita tidak ada masalah kalau dengan kerusi lebih banyak daripada Barisan Nasional. Ini memang sistem *Westminster*. Kalau kita hendak ikut *Westminster system*, jadi kita ikut semualah. Ini kerana di kebanyakan negara, sistem *Westminster* itu, Pengerusi PAC itu datang daripada pembangkang. Itu adalah salah satu di-walaupun Kerusi lebih banyak daripada kerajaan, tetapi jangan *also don't under estimate the independence of* setiap Ahli Jawatankuasa. Mereka pun menjalankan tugas yang diamanahkan. *It is not that the government controls everything.* Kita kena *respect the independent of the institution.* PAC itu satu buah institusi yang perlu diberi amanah dan juga dimartabatkan. So dengan memberikan *chairman* daripada pembangkang, ini nombor satu tradisi, kedua boleh memartabatkan institusi tersebut. Terima kasih.

■1600

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri, *point* yang hendak sambung Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Bolehlah Yang Berhormat boleh. Memang saya kata, itu memang kalau letak pembangkang memang dinampakkan di khalayak ramai sebagai maknanya kita seimbangkah ataupun *very* teluskah, apakah? Akan tetapi sebenarnya yang pentingnya keputusan nanti. Keputusannya tetap juga apabila diambil undi yang mempunyai kerusi yang lebih akan mengambil keputusan untuk memihak kepada kerajaan. Jadi *that's not kicklah, you know.*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Saya boleh faham sebab Yang Berhormat kena faham iaitu dalam sistem Westminster juga kita ada *Whip* dan kami di Barisan Nasional ini *Whip* ini kuat. Kita akur dengan *Whip*. Kita boleh berbeza pendapat, kita boleh berbincang tetapi akhirnya kita guna juga *Whip*. Jadi *Whip* ini begitu, memang ada disiplin dalam Barisan Nasional, kita ada sistem *Whip* dan *Whip* itu akan menentu. Bukan sahaja dalam Dewan akan tetapi apa juga yang ada kaitan dengan Parlimen, keputusannya sentiasa *Whip* itu mengikut kita punya amalanlah, Barisan Nasionallah.

Kita boleh berucap, *no problem*. Boleh beri pandangan mungkin berbeza tetapi akhirnya keputusan akan digunakan dengan keputusan *Whip*. Begitulah. Jadi saya rasa tidak apalah kita kekal sebegini yang penting ialah keputusan. Jadi kepada saya keputusannya akhirnya sama ada *opposition* duduk sebagai pengerusi ataupun wakil kerajaan akhirnya keputusan akan diambil oleh majoriti yang sudah tentu terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang apa yang disebut mengenai kepengerusian *Public Accounts Committee* ini. Seperti mana Yang Berhormat Menteri faham bahawa dalam kita punya sistem untuk mengurus duit rakyat ataupun akauntabiliti duit rakyat ini ada dua *department* ataupun dua buah agensi iaitu satu *National Audit Department*, of course yang kedua adalah *Public Accounts Committee*.

Jadi yang penting sementara Yang Berhormat Menteri bercakap soal *practical*, soal apa yang berlaku, keputusan itu lebih penting, tetapi pada saya kalau peranan PAC itu adalah untuk memastikan duit rakyat itu dipantau dengan begitu teliti dan tentulah tidak munasabah untuk seseorang pengerusi kalau datangnya daripada *backbenchers*, daripada *government bench* untuk mengkoreksi ataupun mencari salah sampai ke *detailnya* kalau pengerusi itu datang daripada sebelah sana.

Tentunya kita akan bercakap tentang kemungkinan berlaku *the abuse*, berlaku kemungkinan penyelewengan kedudukan itu. Oleh sebab itu pada saya kalau kita bercakap soal *reform* Yang Berhormat Menteri, saya percaya bahawa dalam hal ini kita mesti konsisten, sementara kita akui *result* itu penting tetapi prosesnya itu. Seperti mana kalau kita buat undian di dalam Dewan ini, kalau begitu hujahnya kita tidak perlu berhujahlah.

Jadi bila angkat tangan, sokong semua majoriti tetapi *the process* itu. Satu perkara yang jadi *mockery* bila kita sebut soal reformasi, sistem Parlimen, kita ada seluruh dunia itu meletakkan *Public Accounts Committee Chairman* sebagai daripada pembangkang, kita daripada kerajaan. Macam mana kita hendak buat *check and balance* untuk memastikan duit rakyat itu dipantau dengan begitu teliti. Itu maksud saya yang saya minta kerajaan pinda supaya beri peluang kepada wakil pembangkang untuk menduduki- mempengerusikan *Public Accounts Committee* agar ada suatu keyakinan agar proses itu diikuti dengan tepat, tidak kisahlah kalau *resultnya* majoritakah atau tidak majoriti.

Akan tetapi ada pengerusi yang ada wibawa untuk *check and balance public-* duit rakyat ini. Itu maksud saya. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri sekejap sahaja Menteri. Boleh sekejap sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua apabila kita buat reformasi ialah untuk mendapat keputusan ataupun dia punya resolusi yang lebih baik. Saya tidak nampak dengan menukarnya pengerusi itu kepada pembangkang, dia sudah tentu sebabnya keputusan sama juga, keputusannya sama juga. *No, it's not we never know, I know for sure. Because* akhirnya nanti apabila kita demokrasi, demokratik, bila kita ambil keputusan kita ambil keputusan daripada jawatankuasa dan jawatankuasa itu majoritinya Barisan Nasional.

Jadi sebab itu kalau kita hendak buat reformasi mestilah ke arah untuk mendapat keputusan yang lebih baik. Akan tetapi kalau kita letak seorang pembangkang keputusannya sama juga undinya nanti Barisan Nasional juga menang, tidak ada- melainkan kalau Yang Berhormat cadangkan supaya PAC itu mesti letak majoriti pembangkang, itu lainlah, itu lain. *So do not-* jangan buat sesuatu perkara yang tidak dapat mencapai matlamat kita.

Jadi itulah yang saya katakan bahawa yang penting ialah keputusannya. Kalau hendak reformasi dengan melakukan sesuatu untuk mendapat keputusan yang lebih baik, itu boleh kita pergi. Akan tetapi saya tengok dalam soal ini kalau hendak letakkan pembangkang sebagai pengerusi ia tidak akan mencapai keputusan yang lebih baik seperti mana kalau ia dipengerusikan oleh seorang Ahli Parlimen daripada kerajaan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri, *last point* sama sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Bolehlah saya pergi, ini tidak sempat ini. *You just cakup credit members bill.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Point* yang terakhir, *point* terakhir Menteri. Sikit sahaja, seminit tidak sampai. Seminit tidak sampai Yang Berhormat Menteri. Sikit sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak dia- Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sikit sahaja. *Please, let me-* I sudah berdiri banyak kali sudah hendak cakap benda ini, tentang PAC pengerusi. *Please, please* lah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Janganlah *begging*, *please don't beg.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Pleaselah, I am not begging, I am not begging but I am asking nicely.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Okey, okey.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *I am asking nicely.* Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat Menteri kalau minta dengan baik boleh dapat punya, Yang Berhormat menteri ini baik. Saya rasa apa yang Yang Berhormat Menteri hujahkan tadi hanya mengukuhkan perlunya PAC itu daripada pihak pembangkang, pengerusi PAC itu. Ini kerana tadi Yang Berhormat Menteri menyebut tentang sistem *Whip*. Lalu kalau dalam sistem *Whip*, semua kena ikut direktif daripada Barisan Nasional ya, daripada Kabinet maka kalau pengerusi itu pun adalah terpaksa tunduk kepada kehendak *Whip*, maka ini akan membantutkan proses perbincangan dan perbahasan.

Apa yang kita hendak dalam persoalan PAC ini bukan sekadar hendak mengabur mata rakyat Yang Berhormat Menteri ya, tetapi kita hendak tentukan bahawa proses perbahasan dan perbincangan dan penelitian terhadap sesuatu aspek dapat tercapai dengan baik. Kita tidak kata bahawa penyelewengan yang berlaku, kalau ia berlaku semestinya kehendak daripada pihak yang memerintah. Akan tetapi apabila adanya pengerusi yang memang hendak cari ada silap, ada kurang bukan dia ikut arahan *Whip* semata-mata maka kemungkinan untuk terbongkarnya penyelewengan adalah lebih tinggi, kalau ada ya. Sebagai contohlah yang Kementerian Belia dan Sukan itu yang RM100 juta itu.

Benda ini berlaku oleh sebab mungkin, mungkin daripada segi kesemua ia di bawah kehendak *Whip* Barisan Nasional. Akan tetapi kalau ada yang pengerusi jawatankuasa itu dia memang hendak cari kesalahan, hendak cari mana ada silap, ia akhirnya boleh mendedahkan dan membongkar kelemahan dan apa-apa yang tidak betul. *But if you*, dengan izin, *if you straight away you put the Chairman is already pro BN*, tidak cari kelemahan, tidak hendak cari kekurangan dan sebagainya semua hendak ikut arahan *Whip* maka dengan sendirinya *the function of the PAC* sebagai *check and balance*, dengan sendirinya terbantut.

So, saya harap kita tidak minta PAC itu dikuasai oleh pembangkang ya. Kita minta pengerusi itu daripada pembangkang supaya peranannya dan perbahasan dalam Jawatankuasa itu akan lebih teliti dan lebih baik. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, satu minit.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Menteri saya soalan- ada tiga soalan...

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Boleh, Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Johor Bahru bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Nanti sekejap ya. Tuan Yang di-Pertua, Laporan Audit ini diletakkan di atas meja. Saya rasa iaitu peranan bukan terhad kepada Pengerusi PAC sahaja untuk hendak mengorek apa-apa yang mungkin tidak ikut kita punya ada penyelewengankah apa. Itu *Auditors Report* memang *document public*. Kita sebagai Ahli Parlimen kita boleh main peranan kita. Kita nampak kita beritahulah kepada wakil kita di dalam PAC yang terdiri daripada wakil-wakil, parti-parti yang diwakili dalam Parlimen.

Jadi dia tidak tergantung kepada pengerusi sahaja. Jadi sebab itu saya rasa cukuplah kepada saya tidak akan merubah apa-apa kalau sekiranya pengerusi itu dipegang oleh pembangkang melainkan kalau kita cuma hendak menyedapkan ataupun mengaburi mata orang, seolah-olah kita, "*Wah, okay already*" sebab *Chairmannya* pembangkang walhal keputusannya masih juga sama. Ya, Yang Berhormat Johor Bahru.

■1610

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih, Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri saya mengambil

peluanglah sebab saya pernah menjadi pengerusi PAC. Pertamanya untuk kita kaitkan soal ketua *Whip* peranan *Whip* dengan pengerusi PAC dengan *Whip* kerajaan mengarahkan kepada pengerusi PAC ialah satu sangkaan yang dangkal kerana kita juga dia cakap dalam soal urusan Dewan. Dia tidak pernah mengaitkan dengan peranan pengerusi PAC. Ini orang yang suka meloncat-loncat mengaitkan dengan perkara yang tidak ada.

Jadi Yang Berhormat Menteri sebenarnya sebagai bekas pengerusi PAC tidak pernah saya menerima arahan daripada ketua *Whip*. Malahan pernah juga sebagai pengerusi PAC saya meminta Menteri untuk hadir ataupun dengan wakil yang boleh menjawab bagi pihak Menteri bagi pihak kementerian yang berkenaan. Ini bermakna bahawa bila kita hendak menuduh bahawa seolah-olah hanyalah seorang ahli daripada pembangkang yang mempunyai kewibawaan saya rasa itu juga satu tuduhan yang tidak menghormati Ahli-ahli Ahli Parlimen yang lain datang daripada Barisan Nasional, terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Menteri, isu..

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Johor Bahru itu betul, ya betul sistem kita *Whip*. Saya setuju. Dengar, ya betul saya cakap. Saya, betul dengar..

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri, Menteri sendiri cakap tentang sistem ketua *Whip*. Menteri sendiri yang cakap dan bagaimana PAC terpaksa akur kepada sistem *Whip*. Menteri sendiri yang cakap. Bukan saya lompat-lompat dan bukannya ia satu andaian yang dangkal. Ini perkataan daripada Menteri sendiri dan saya tidak ada kata bahawa yang daripada BN tidak ada integriti saya hanya menyatakan bahawa kalau datangnya daripada pembangkang maka jelas bahawa pembangkang peranannya ialah untuk hendak cari kebenaran dan kesilapan itu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Adik lawan abang ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** So, saya rasa Yang Berhormat Johor Bahru pun janganlah buat andaian dan menganggap bahawa saya mengatakan sesuatu saya tidak kata. Minta maaf ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Dalam hal ini Yang Berhormat Johor Bahru betul, Yang Berhormat Johor Bahru betul kerana hujah daripada Yang Berhormat Shah Alam itu menampakkan macam sebelah kami merasa dia mengatakan tidak ada integriti semata-mata kalau pembangkang sahajalah yang akan- benda ini. Jadi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak, saya tidak kata begitu. Tetapi bila hendak buat sistem *check and balance* lebih baik pihak yang melakukan *check and balance* itu adalah daripada pihak yang lain. Ini soal organisasi, ini soal struktur, ini *special of management* bukan tidak ada guna kita letak orang yang sama yang daripada BN juga untuk hendak *check* kerja BN *that is ridiculous. That is way* dan itu sebabnya...

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Yang Berhormat Menteri, sebenarnya kita Yang Berhormat Shah Alam tidak boleh sangka bahawa dia seorang sahaja yang bercakap pasal mengenai dengan pengerusi PAC.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Betul, betul.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Ramai lagi Ahli Parlimen daripada sebelah yang bercakap pasal pengerusi PAC. Jadi janganlah fikir, jangan perasan dia seorang sahaja yang bercakap [*Ketawa*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukan saya tidak perasan dan saya tidak anggap begitu saya rasa Yang Berhormat Johor Bahru pun *should not have that kind of* buruk sangka. Saya tidak membuat andaian sebegitu rupa. Kita berkata sistem sekarang..

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, Yang Berhormat saya hendak menyambung..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya hendak menyebut yang dia kata iaitu kalau dia mengatakan itu bahawa adalah lebih baik kalau iaitu pengerusi daripada pembangkang itu cuma pandangan dia.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, struktur dia begitu. Kalau kita hendak orang buat *check and balance* lagi baik ambil daripada pihak lain.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Itu pandangan dia belum tentu lagi. Dia kata lebih baik tapi kalau tanya kepada kami lebih dia datang daripada Barisan Nasional.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu pandangan saya, *that is my opinion*. Kenapa pula hendak dikaitkan dengan kata dangkal ataupun anggapan tak betullah, buruk sangkalah. Saya tidak keluarkan kenyataan-kenyataan yang sebegitu rupa. Saya minta Yang Berhormat Johor Bahru pun jangan main buat tuduhan-tuduhan seperti itu ia tidak wajar dalam Parlimen untuk membuat andaian begitu.

Kita bercakap tentang struktur bagaimana hendak susun yang biar lebih bebas. Bukan terduduk atau terpengaruh oleh ketua *Whip* yang Menteri sendiri bahawa pengerusi PAC akan terpengaruh oleh ketua *Whip*. Ini hanya saya cakap...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Budaya apa ini tidak menghormati abang? Hormatlah abang. Ini hormatlah abang sikit. Budaya apa ini, Yang Berhormat Shah Alam? Tidak boleh, berdosa Yang Berhormat Shah Alam. Tidak boleh Yang Berhormat Shah Alam kena fikir baik-baik ini abang. Yang Berhormat Shah Alam kena hormat abang sikit, Yang Berhormat Shah Alam. Ini tidak hormat abang langsung.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Menteri.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat kita sedang membincangkan peraturan mesyuarat Yang Berhormat. Jadi saya harapkan peraturan mesyuarat kita, kita sendiri yang patuh Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Menteri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Menteri.



**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya akan pergi kepada soal *Private Member's Bill*. Jadi saya hendak bagi tahu di sini iaitu bahawa sememangnya betullah iaitu selalunya *Private Member's Bill* ini dia akan habis mesyuarat dia akan tinggal begitu sahaja disabitkan oleh kerana urusan kerajaan perlu diutamakan mengikut Peraturan Mesyuarat 15(1). Jadi apa yang saya hendak katakan di sini bahawa sebenarnya ada ketika *Private Member's Bill* ini kita kena ingat kalau betul-betul dia merupakan satu perkara yang hendak dibawa oleh seorang ahli, sebenarnya *Private Member's Bill* kalau dia hendak lepas dia kena pergi lah berunding dengan Ahli-ahli Ahli Parlimen dia supaya dia mendapat sokongan dan dia juga mesti berurusan dengan kerajaan.

Saya pernah waktu saya menjaga Menteri menjaga Parlimen membenarkan *Private Member's Bill* satu ketika dahulu yang dibawa oleh pihak pembangkang yang kita bersetuju. Jadi kita mesti ingat kalau satu-satu perkara yang kita rasa perlu diutamakan maka kita jangan sahaja meletak itu sebagai *Private Member's Bill* tanpa kita berunding dengan Ahli-ahli Ahli Parlimen yang lain. Saya kira kalau kita dapat sokongan daripada Ahli-ahli Parlimen yang lain kemudian berjumpa dengan ketua *Whip* Barisan Nasional bincang tidak ada masalah dan ini pernah berlaku waktu saya jadi Menteri jaga Parlimen dahulu. Satu ketika pernah berlaku *Private Member's Bill* kita benarkan. Ini sebab kita merasakan itu adalah penting.

Jadi saya harap dalam soal *Private Member's Bill* ini kalau benar-benar kita hendak bawa dan dibahaskan kemudian diputus mestilah terlebih dahulu runding dengan Ahli-ahli Parlimen *both sides* kemudian runding dengan kerajaan dan kita tidak akan ambil alih *Private Member's Bill* itu melainkan kita benar dan kita sokong. Itulah peranan yang sepatutnya dimainkan oleh Parlimen dalam soal *Private Member's Bill* ini. Akan tetapi, kalau kita masuk sahaja dan tidak ada rundingan dan apakah maknanya dia akan mati begitu sahaja.

Jadi saya harap jangan fikir itu bahawa *Private Member's Bill* ini semata-mata hanya hendak diwujudkan kerana Parlimen lain ada tapi sebenarnya kalau betul-betul ada isu yang benar-benar *urgent* dan sememangnya patut disokong rundinglah dulu dengan Ahli-ahli Parlimen yang lain kemudian runding dengan kerajaan dan kita akan bawa usul itu atas nama ahli yang berkenaan.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Menteri, boleh saya tanya isu lain tadi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Nanti saya kena jawab banyak ini, tidak apalah ya.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Okey.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kewujudan *Opposition Days*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya rasa *every day is Opposition Days*, ya. Saya tidak nampak di mana yang saya rasakan bahawa tidak ada satu pun hari yang tidak menjadi *Opposition Days*. Jadi sebab itu saya rasa tidak perlulah kita wujud *Opposition Days* sebab sebenarnya *every day is an Opposition Days*, ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, sekejap.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Nanti, saya habis satu-satu dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang lain duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kembali semula Akta Perkhidmatan Parlimen. Kita akan kaji benda ini betul bukan maknanya kita hendak tolak. Sebenarnya ada dalam kerajaan pun kita memikirkan malah - mana Yang Berhormat Johor Baru, Yang Berhormat Johor Bahru antara orang yang ulung yang mahu dikembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen. Jadi kita meneliti perkara ini saya rasa kalau maknanya sampai masanya saya rasa dahulu pernah kita adakan mengapa sekarang tidak perlu diadakan.

Yang Berhormat Bayan Baru bangkit berkenaan dengan mengurus kewangan sendiri. Yang Berhormat Bayan Baru kita sudah ada *House of Committee*, kita ada *House of Committee*. Biarlah *House of Committee* mengambil alih ataupun menjaga urusan kewangan kita. Di *House of Committee*

■1620

Jadi, tidak perlu kita kena ada satu lagi Jawatankuasa Kewangan untuk Parlimen, sebab sudah ada. Kita menolak. Kerajaan tidak menolak tetapi kerajaan sebenarnya meminta kepada *House Committee* untuk mengambil alih soal pengurusan kewangan bagi Parlimen ini. Sebab kalau Yang Berhormat tengok dalam minit itu, *verbatim* saya menyatakan itu bahawa mengapa Tuan Yang di-Pertua hendak serahkan pula soal kewangan ini kepada satu Jawatankuasa yang lain. Walhal, Tuan Yang di-Pertua menjadi pengerusi kepada *House Committee*.

Akhirnya nanti kalau jawatankuasa kewangan itu mereka tidak bersependapat, keputusannya akhir nanti kena buat oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa pasal hendak ada dua pula, lebih baik *House Committee* yang ada sekarang yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua terus mengambil alih soal kewangan di Parlimen ini. Sebab itulah kita bukan tolak Yang Berhormat, tetapi malah kita mengatakan soal ini perlu diletak di bawah *House Committee* dan merekalah bincang setiap parti yang ada di dalam Parlimen ini mempunyai wakil dalam *House Committee* itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, sedikit Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Nanti-nanti, nanti kejap. Mewujudkan satu Jawatankuasa Menimbang Rang Undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara saya menjadi ahli di dalam jawatankuasa ini, dan saya telah membawa juga perkara ini dibawa dalam jemaah Menteri oleh Menteri, kemudian kita berbincang. Saya sendiri berpandangan iaitu kita tidak terima Jawatankuasa Menimbang Rang Undang-undang ini kerana pertama, rang undang-undang semestinya ialah eksekutif, eksekutif *bill*.

Jadi apa yang kita hendak, sudah termasuk dalam rang undang-undang ini dan apa yang ada itulah yang kita hendak. Akan tetapi kalau kita ada Jawatankuasa Rang Undang-undang menimbang rang undang-undang ini, tetapi kalau akhirnya kita kerajaan, eksekutif *bill* kita mahu, kita hendak juga tidak ada apa-apa yang boleh dilakukan, itu pertama. Ini Rang undang-undang is *necessarily executive bill- our bill-* kerajaan.

Kedua, saya kira jangan kita hadkan perbincangan rang undang-undang ini kepada jawatankuasa ini sahaja, sebab *I believe* saya kira iaitu bahawa Ahli-ahli Parlimen berhak seluruhnya untuk membahaskan rang undang-undang ini, mesti bahas, dan jangan had kan kepada Ahli-ahli yang dilantik oleh parti mereka sahaja berbincang perkara ini, sebab kalau kita ada rang undang-undang ini apakah selepas itu dia tidak boleh dibahaskan di Majlis, dan saya tidak bersetuju. Saya rasa lebih baik ia terbuka kepada majlis untuk berbincang, dan kita Yang Berhormat Tumpat bagus, telah bangkit pagi tadi mencelah apakah kita tidak boleh mengguna sistem yang ada sekarang ini dengan jawatankuasanya digunakan dengan betul.

Saya rasa itu lebih baik, sebab penglibatan daripada Ahli Parlimen itu kepada saya, lebih demokratik daripada kita hanya menghadkan kepada Jawatankuasa penimbang Rang Undang-undang yang mereka sahaja. Sebab kalau ada jawatankuasa ini saya akan bangun, kalau seorang Menteri kita hendak membenteng rang undang-undang saya minta tidak payah bahas, sebab wakil sudah ada dan disetujui oleh wakil, *doesn't mean* kepada saya lah pada pandangan saya, saya lebih suka rang undang-undang ini diteliti oleh seluruh Ahli Dewan Rakyat yang dipilih dan bukan terhad kepada hanya jawatankuasa ahlinya itu dipilih oleh parti-parti tertentu.

Sebab kepada saya kalau sudah timbang di situ tidak payah bincang lagi, betul Yang Berhormat kata, kerja kita memang hendak buat, jadi *why you* mengapa buat dua perkara bertindih, walhal yang penting ialah rang undang-undang itu mesti di bahas oleh seluruh Ahli-ahli Parlimen, itu jauh lebih demokratik daripada kita adakan jawatankuasa ini, itu pandangan saya, kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada tiga yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya hendak Yang Berhormat Bayan Baru soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Bayan Baru

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Menteri, saya dengar tadi Menteri kata tidak payah *opposition day*, kerana hari-hari *opposition day*. Saya hendak bagi tahu kepada Menteri bahawa *that never opposition business come to the surface see the light of the day* kerana selama ini usul yang kita masukkan, tidak pernah *see the light of the day*.

Kedua, contohnya *motion of no confident* terhadap Yang Amat Berhormat Pekan, di negara-negara lain seperti UK *The Westminster system* usul tidak percaya oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang *actually precede all other government business* kerana pada konsep mereka Yang Berhormat Ketua Pembangkang *anytime is government in waiting*, kerajaan yang sedang menunggu menjadi kerajaan. Jadi dia punya *business* harus dipercepatkan, tetapi akhirnya usul daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak keluar langsung, *never see the light of the day* ini isu yang kita *I mean that more serious issue*. *Second is that* usul tentang kebajikan, kawasan dan sebagainya. Walaupun kita masukkan ke dalam *order paper*, *never see the light of the day*, tidak pernah di bahaskan *government business precede everything*.

Jadi ini menunjukkan ketidakadilan *we are also elected by the people*, kita ada isu-isu yang perlu dibawakan ke Parlimen dan selalunya tidak ada *chance* langsung. Jadi kita perlu ada ruang *opposition day* supaya *opposition business* boleh dibawa *see the light of the day*, itu nombor satu.

Kedua, isu kewangan, pengurusan kewangan oleh Jawatankuasa Dewan, betul ada Jawatankuasa Dewan, tetapi *limited* mereka punya *funding*. Contohnya untuk *renovation of Parliament*, itu melalui kerajaan.

Sebenarnya ini perkara Parlimen, tetapi kontrak dan sebagainya bukan melalui Tuan Yang di-Pertua, bukan ditentukan oleh kehendak Tuan Yang di-Pertua atau *stakeholders*. Jadi ini isu yang dan ada pula kata, contohnya adalah *allowance* kalau diperbanyakkan *allowance* kepada Jawatankuasa Dewan dan Jawatankuasa Dewan boleh memutuskan supaya tambah *research officer* kepada setiap Ahli Parlimen, maka wujudlah sistem yang lebih baik untuk Parlimen dan *more effective Parliament* - itu kedua. Akhirnya adalah tentang Jawatankuasa Undang-undang.

Jawatankuasa Undang-undang ini kita hendak perbaiki, bukan kita - di Parlimen yang lain memang ada Jawatankuasa Undang-undang. Mereka pun boleh dibincangkan dan selepas itu ditengok untuk perbahasan. Memang sistemnya macam itu, kerana kita mahu memperbaiki, menambahbaikkan undang-undang, dan saya hendak ambil contoh, dahulu *Dangerous Drug Act* apabila ada jawatankuasa yang *by partisan*, maka kita bincang kita setuju selepas itu di bentangkan dalam Parlimen untuk dibincangkan semua, selepas itu kita keluar kita tidak bantah, kita tidak kata akta zalim, ini akta *draconian* sebab ada *by partisan understanding*, itu sebab satu Jawatankuasa yang boleh mengeratkan *collegial relation* akan membantu meningkat kan mutu dan undang-undang dan kita akan meredakan ketegangan politik.

Jadi itu sebab perlu ada jawatankuasa-jawatankuasa *Senate Committee*, nanti Menteri akan masuk tetapi kita perlu ada *collegial understanding by partisan participation*, baru boleh negara boleh maju. Sekarang politik tegang, kerana *you guys bulldoze the whole thing to us*. Semua *charge everything to us* dan minta kami setuju, padahal kita tidak bersetuju. Maka, kita terpaksa keluar untuk kempen seluruh negara kata kerajaan zalim. Jikalau kita ada *by partisan understanding*, isu ini tidak bangkit *is good for the country*, okey terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebutkan di sini, iaitu yang pertama Yang Berhormat menyebut berkenaan dengan *Opposition Day* ini kita jangan lupa tanggungjawab kita yang pertama sebagai Ahli Parlimen ialah *to be a law maker*.

■1630

Jadi sebab itu, urusan kerajaan mesti diutamakan. Sebab usul-usul pembangkang ataupun usul-usul *backbencher* kah atau apa-apa, ia membincangkan perkara-perkara yang sebenarnya tidak ada kaitan dengan *law making*. Jadi sebab itu, *Opposition Day* ini seperti kata

Yang Berhormat sebut tadi hendak bincang, hendak menjatuhkan, apa hendak meluluskan *vote of no confidence* Perdana Menteri mana boleh. *That is not law of making.*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kita punya tanggungjawab yang pertama Yang Berhormat ialah untuk *to be a law maker*. Banyak undang-undang yang perlu kita gubalkan, banyak undang-undang yang perlu kita pinda kerana suasana di negara kita ini dinamik. Oleh sebab dinamik, maka ada keperluan orang banyak kata undang-undang yang arked perlu. Ini semua kita perlu lihatkan. Jadi, di sini yang penting *law making*. Bukan datang sini hendak bincang usul yang sesetengahnya saya tengok usul-usul yang ada tidak ada kaitan langsung dengan soal-soal hendak membuat undang-undang tetapi lebih kepada hendak hentam kah atau apa-apakah. Jadi, bukan kita datang sini untuk membincangkan usul. Kita datang sini *first priority* kita ialah untuk menggubal undang-undang *and it shall remained that way*.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kedua, nanti, sabar.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, *oversight* juga *role of Parliament*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kemudian, saya hendak bercakap berkenaan dengan ...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *Oversight is also role of Parliament. Oversight and scrutiny.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jawatankuasa Penimbang ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, jangan macam ini Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Soal ... jawatankuasa yang menimbang ini yang— saya hendak sebut. Jawatankuasa sebelum itu apa? Sebelum itu kewangan. Sebenarnya apabila Yang Berhormat berhujah tadi, saya lebih nampak apa Yang Berhormat hendak ialah bajet yang lebih. Jadi, apakah perlu ada Jawatankuasa Kewangan?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kita hendak bajet lebih, betul.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Itu yang ...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya tidak mencadangkan Jawatankuasa Kewangan. *I don't know how you come- you get the idea* cadangkan ...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** *No, no.* Yang Berhormat bincangkan tadi berkenaan dengan kata- sebab saya kata, *"Kita sudah ada House Committee"*. Saya ingat dengan teliti.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *I agree.* Jawatankuasa Dewan boleh, *no problem*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tadi Yang Berhormat hendak ialah penambahan bajet.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Betul, tetapi untuk Parlimen.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak apa. Ya, untuk Parlimen, betullah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Memang untuk Parlimen. Jadi kalau tidak ada jawatankuasa kewangan pun tidak apa sebab *House Committee* yang akan menguruskan. Bila ada bajet yang lebih ...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi Parlimen yang *decide how they spend the money*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, betullah itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Parlimen yang menentukan bagaimana ...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Dan peranan ini boleh dimainkan oleh *House Committee*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Betul, okey, tidak ada masalah. Kemudian jawatankuasa hendak menimbang rang undang-undang tadi. Yang Berhormat, sistemnya sudah ada. Macam Yang Berhormat Tumpat kata, sebenarnya waktu dahulu saya menjaga, saya masih ingat mendiang Karpal Singh, wakil Bukit Gelugor. Waktu saya membentangkan rang undang-undang, dia telah membangkitkan satu perkara yang cukup fundamental. Cukup fundamental dan saya ambil kira dan saya bersetuju untuk dia dalam jawatankuasa, buat *amendment* dan kita luluskan. Sudah ada dah sistem itu. Sudah ada.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Akan tetapi masalahnya ialah kita tidak ambil kesempatan itu dan kalau sekarang ini pun kita ambil, kalau kerajaan tidak bersetuju, tidak ke mana. Itulah sahaja. *That is the name of the game*. Jadi maknanya, jawatankuasa yang menimbang usul ini tidak perlu sebab yang sepatutnya main peranan untuk katalah hendak mengelokkan balik kah, nampak cantik lagi kah atau apa-apa, itu Majlis dan Majlis boleh meminda kalau dapat persetujuan daripada kita dalam jawatankuasa kita pinda. Sudah berlaku cuma sekarang ini mungkin kita tidak membaca *Hansard* kita tidak tahu agaknya. Maka kita mencadangkan satu Jawatankuasa menimbang usul.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh ini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak, tidak- apa?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dalam isunya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ia bukan soal- soalnya, akhirnya nanti apabila keputusan dibuat, maka...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tentulah kerajaan punya guna *whip* dia akan diluluskan. Itu bukan *over rule*. Itu kelulusan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya respons?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** [*Ketawa*] Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, terima kasih. Apa yang dimaksudkan sama ada Jawatankuasa Penimbangan Undang-undang atau *Opposition Day*, sebenarnya ini sebuah platform yang kita boleh wujudkan supaya rundingan boleh berlaku. Kalau tidak, ia akan tergantung kepada sama ada bil kita ini, rang undang-undang persendirian ini, kita kena cari— tidak tahu kena cari ketua *whip* kah atau cari Menteri yang *in charge of* Parlimen kah atau cari Speaker.

Kalau ada jawatankuasa ini, ia menjadi satu forum yang sentiasa dua-dua pihak *decide how many of the bills* kita akan bincang datang daripada kerajaan, berapa yang dicadangkan oleh *opposition* boleh disetujui. Apa yang dimaksudkan oleh *Opposition Day* memang juga undang-undang. Cuma undang-undang itu dicadangkan oleh pembangkang. Kalau kita ada ruang seperti ini, ia akan kurangkan, kita akan sentiasa hendak Yang Berhormat Pekan letak jawatan. Kita ada ruang untuk berbincang perkara-perkara yang konstruktif.

Akan tetapi poin yang saya hendak lebih tekankan ialah jawatankuasa itu berbeza dengan *floor* yang keseluruhan. Itulah sebab dalam sistem Parlimen kita ada peringkat Dasar, kita ada peringkat Jawatankuasa. Bila Peringkat Dasar, secara umumnya semua orang boleh berucap, boleh menyatakan pendirian tetapi bila sampai peringkat Jawatankuasa, itulah isunya, istilah, titik, koma, dan susunan undang-undang itu. Jadi, parti masing-masing melalui wakilnya macam PAC, bukan semua orang hendak minat tentang transparensi. Semua orang hendak bincang tentang korupsi tetapi kita bergantung kepada wakil parti untuk pergi kepada satu kes yang secara teliti. Apabila kita ada peringkat Jawatankuasa yang lebih kecil dan boleh melaburkan lebih banyak masa untuk meneliti, itu akan menjimatkan kos masa kita berbincang dalam Parlimen ini. So, kita hanya peringkat Dasar sahaja. *After debate* Dasar, kita *stop. Then we come back again* untuk mengundi sahaja. *So, that actually save a lot of time*. Itulah sebab yang kita rasa untuk menimbang semula jawatankuasa ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri, sekali lah Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak payahlah. Saya hendak jawab.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Boleh? Sekali.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa seperti mana yang telah disebut, walau hendak bincang titik kah atau apa-apa kah, di peringkat Jawatankuasa kita ada. Masuklah. Sebab apabila kita mendapat rang undang-undang itu dan kita baca dan kita

rasa kita hendak pinda, itu yang kita lakukan tetapi janganlah kecewa. Sebab saya sudah sebut tadi, apa juga yang kita hendak bawa, katalah bagi Notis hendak pinda dalam Jawatankuasa, itu dilakukan. Akan tetapi kalau sekiranya kita merasakan apa yang kita hendak lakukan itu adalah cukup fundamental, bincanglah dengan Menteri yang menjaga Parlimen, bincang dengan *backbenchers*, sudah tentu kita lihat kalau ada kuat hujahnya kita akan bersetuju. Jadi, sistemnya sudah ada. Yang Berhormat Tumpat sudah sebut hari itu, pagi tadi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya- memang betul. Maknanya, sudah ada. Jadi, cumanya mungkin cara kita hendak kata kita hendak meminda itu, stail kita mungkin macam saudara sebelah sana pembangkang pun hendak *push* juga tetapi sebenarnya mesti berunding dahulu dengan Menteri sini, runding dengan *backbencher* punya ketua. Beginilah kata, "Saya rasa dalam saya hendak meminda ini, boleh atau tidak bersetuju?". Itu caranya dan kalau kita bersetuju, kita luluskan dan pernah sewaktu saya dahulu saya memang saya minta mendiang dia membangkitkan isu yang fundamental, kita minta supaya dia membangkitkan dalam Jawatankuasa dan kita setuju. Beres.

Jadi, kalau kita hendak ada Jawatankuasa Penimbang Rang Undang-undang, mereka juga perlu bermesyuarat lagi satu *tier* daripada Jemaah Menteri pergi pula *committee*, makan masa lagi. Lebih baik kita terus bentang, Yang Berhormat membaca, bahas Peringkat Dasar. Perlu ada apa-apa pindaan peringkat Jawatankuasa. Sistemnya sudah ada dan kita tidak bercadang untuk hendak mengadakan penubuhan jawatankuasa pilihan untuk menimbang rang undang-undang.

■1640

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Tumpat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya hendak pergi kepada jawatankuasa pilihan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri, biarlah kalau dia hendak bahas itu, biarlah berpuas hati. Saya sedikit sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sedikit saja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Dia macam inilah Yang Berhormat Shah Alam...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Bukan saya cakap, apa benda pun kita cakap tidak bersetuju...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak, bukan begitu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ....Jadi buat apa berbincang lagi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Kita boleh bersetuju.



**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya pun sudah...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita memerlukan penjelasan...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya sudah bagi peluang...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini isu pasal Jawatankuasa Menimbang Rang Undang-undang ini..

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak, saya sudah buat keputusan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak, saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jemaah Menteri membuat keputusan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hujah saya Yang Berhormat Menteri belum dengar lagi...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak bersetuju...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dengarlah dahulu...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jawatankuasa telah diberikan kerana rang undang-undang di negara ini *necessarily is an executive bill*...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *We accept that...*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kita hendak...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *We accept that...*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Di mana yang hendak diberi peluang kepada Ahli Parlimen untuk berbahas waktu kita hendak tahap...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita hendak *improve*...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Dasar.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita hendak *improve the process*...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Bagaimana mereka boleh minta meminda, bagi Notis di Peringkat Jawatankuasa. Saya ingat ini sudah mencukupi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...*We want to improve the process*...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak apa. Okey.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dengarlah sekejap...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Sudah habis.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Seminit sahaja. *Just one minute*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** *[Ketawa]*

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Peraturan mesyuarat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Berkali-kali.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri pun ada...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tadi sudah banyak kali dah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu untuk lain...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya pergi kepada Jawatankuasa Pilihan...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri, ada peraturan mesyuarat. Berapa Yang Berhormat?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ini *opposition day* ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Peraturan Mesyuarat 54(1), 54(2).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** [*Merujuk kepada petikan*] Suatu rang undang-undang boleh diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan sebelum bacaan kali yang kedua. 54(2) setelah dibacakan rang undang-undang kali yang kedua, maka rang undang-undang itu akan terserah kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis kecuali jika Majlis mengeluarkan usul menyerahkan kepada Jawatankuasa Pilihan dan seterusnya.

Jadi itu yang saya cuba sebut dan bantu tadi bahawa memang ada peruntukan dalam peraturan mesyuarat kita yang membolehkan kita membawa rang undang-undang setelah peringkat yang pertama hendak ke bacaan kedua sama ada kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis ataupun Jawatankuasa Pilihan. Ini keputusan yang Majlis boleh lakukan. Itu *point* saya...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Akan tetapi jarang dibuat, tetapi Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat, kenapakah tidak buat?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri, *you*...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Sebab ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *You* cakap setiap kali...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Di dalam Parlimen dan apa hal sekalipun runding. Yalah kalau ...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak minta Speaker runding, kita cuba dengan – kita runding tetapi tidak pernah...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, kena runding.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Dipersetujui.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Maknanya sudah ada.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Akan tetapi janganlah apabila- jangan guna itu sebagai alasan untuk runding.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Menteri yang setuju untuk runding-alasan tidak runding.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebab kita tidak boleh...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri....

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Maknanya ada ruang. Gunalah apa yang telah ada dalam peraturan mesyuarat kita. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri, ini kita bercakap tentang transformasi. Apa yang sedia ada, ada. Kita hendak *propose something better*. Ini yang tadi contohnya Yang Berhormat Menteri menyebutkan yang kata yang soal menidiang Karpal Singh. Dia menegur, maka akhirnya bawa kepada Jawatankuasa yang hendak berbincang tentang pindaan itu. Ini yang kita tidak hendak. Kita bentang ke Majlis selepas itu dibawa kepada Jawatankuasa Khas untuk bincang, selepas itu bentang balik ke majlis.

So, mengapa tidak kalau daripada awal kita ubah proses itu. Kita ada satu Jawatankuasa menimbang rang undang-undang, di situ kebanyakan isu-isu utama akan diselesaikan. Selepas itu apabila dibawa kepada Majlis, tidak adalah kata yang Ahli Parlimen yang lain tidak payah bahas. Mereka boleh bahas juga tetapi *at that point in time 80% sudah settle. So we would not face the same problem as what we are facing now.*

Saya tidak menafikan betul, dalam *standing order* yang ada sudah memang ada dia punya proses. Kita bincang transformasi, macam mana hendak memperbaiki proses itu. Lalu lebih baik bawa kepada jawatankuasa itu dahulu, biar 80% itu *settle*, baru bawa ke Majlis dan dengan itu tidak payahlah kita hendak bincang sampai pukul empat pagi. *This is all part and parcel of the process transformation which we are discussing.*

So, saya harapkan Yang Berhormat Menteri- kita tidak menafikan ada *procedure*, ada proses dalam apa yang ada sekarang. *We want to propose something better. For you information* Yang Berhormat Menteri, alasan yang Yang Berhormat Menteri memberi sekarang berbeza dengan alasan yang diberikan dalam *handout* ini. Dalam *handout* ini tidak menyebut bahawa oleh sebab sudah ada seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tumpat. Nasib baik Yang Berhormat Tumpat sebut, kalau tidak mungkin Yang Berhormat Menteri pun tidak perasan.

Alasan yang diberikan di sini untuk kemungkinan akan ada kelewatan *which I already propose a system*. Kalau ada keperluan untuk hendak meluluskan undang-undang dengan cepat, kita ada peruntukan untuk membenarkannya. Akan tetapi *let the standard procedure be.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bawa kepada satu Jawatankuasa menimbang yang terdiri daripada semua pihak. Kita *settle 80% percent of the issues* selepas itu bawa ke Majlis, ia akan diluluskan tidak perlu sampai empat pagi. Yang Berhormat Menteri, terima kasih ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah Yang Berhormat membangkitkan soal mengatakan begitu bahawa alasan yang saya beri tidaklah alasan yang Yang Berhormat Tumpat beri. Sebab itu jawatankuasa ini tidak boleh mengatasi masalah. Apabila bawa dalam Majlis, tengok kita terlepas pandang tetapi dalam Majlis, Yang

Berhormat Tumpat bangkit. Sebab itu menubuhkan jawatankuasa ini belum boleh menjamin, menyelesaikan masalah kena bawa dalam Majlis.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Adakah begitu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kena pinda Majlis juga.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini *spin* lah Yang Berhormat Menteri. Janganlah *spin*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya mengaku...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Janganlah *spin*. Kita pun kata kena bawa balik ke Majlis...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya mengaku...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tidak nafi kena bawa ke Majlis.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat membantu saya dalam hal ini mengapa hujah saya mengatakan ada jawatankuasa pun tidak menyelesaikan masalah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Macam Jawatankuasa inilah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sebab tidak ada Jawatankuasa lagi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Yang sama dengan Yang Berhormat Tumpat bangkit tidak sama maknanya elok kita buat dalam Majlis, kepala lebih banyak...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, tidak boleh nafi...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Boleh memikir, jadi tidak payahlah Jawatankuasa.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak payah nafi, tidak payah nafi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kita terus bawa kepada majlis.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam, terima kasih banyak-banyak.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau bawa kepada Jawatankuasa...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Jawatankuasa, terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Awal-awallah beri alasan yang betul.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak payah kita 10 minit, 20 minit, 30 minit kita bahas. Sepatutnya dah boleh...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Sebab dia menunjukkan kepada saya satu simpati yang jelas menunjukkan jawatankuasa tidak boleh menyelesaikan masalah kerana ada lagi perkara yang boleh dibangkitkan sekiranya dibincangkan di peringkat Majlis.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri jangan *defensive*. Walaupun kita ada – tetapi...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Sekejap Menteri, sekejap sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Terima kasih dekat dia sebab jelas menunjukkan saya duduk dalam Jawatankuasa, lima orang memberikan alasan tidak termasuk alasan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat kerana kita berbincang dalam Majlis.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hah kalau...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jadi terima kasih banyak-banyak....

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Kalau Yang Berhormat Tumpat ada dalam jawatankuasa tidak perlu kita bahas sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sebab kalau Yang Berhormat Tumpat sudah ada dalam jawatankuasa, tidak perlu kita bahas sekarang. Lagilah kita jimat masa.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat. Yang Berhormat, *thank you so much* kerana...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *If* Yang Berhormat Tumpat *is in the committee*...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Menunjukkan bahawa jawatankuasa belum tentu lagi boleh menyelesaikan segala masalah...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *No*, sebaliknya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Kita bandingkan kalau dibawa ke dalam Majlis. Okey, *thank you*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau ada Jawatankuasa...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Saya hendak pergi kepada...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau ada Jawatankuasa tadi...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Penubuhan Jawatankuasa Pilihan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Tidak bawa ke dalam Majlis, sudah selesai hendak jawab. Sudah silap sudahlah [*Ketawa*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Dia bantu saya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tapi janganlah sedih. *Spin* sedikit...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih membantu saya Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak. Terima kasih banyak-banyak. Ini yang orang kata senjata memakan diri.

Penubuhan jawatankuasa pilihan yang kita tangguh. Sebenarnya Yang Berhormat, kita merasakan- sebelum ini kita sudah buat jawatankuasa pilihan hak asasi, kita sudah buat. Jadi dalam hal ini sebenarnya kita hendak tengok, kita hendak menubuhkan, kita perlu kepada hujah-

hujah yang lebih kuat untuk meyakinkan kerajaan untuk menubuhkan jawatankuasa ini dan perkara ini bukan tidak pernah berlaku. Kita pernah ada jawatankuasa pilihan raya pun ada, baik.

Jadi jawatankuasa ini mungkin berbentuk sementara, kita hendak perbaiki dan ia bukan merupakan *permanent commission*. Akan tetapi saya mendengar hujah Yang Berhormat Kluang, saya rasa ada hujah yang kuat di sini yang boleh kita pertimbangkan. Dia mengatakan bahawa rang undang-undang yang datang ini datang dari Pejabat Peguam Negara yang pertimbangan mereka itu merupakan pertimbangan keperluan oleh undang-undang tetapi ia langsung tidak mengambil kira soal politik kerana mereka ada *a political*.

■1650

Akan tetapi kalau ada Jawatankuasa Pilihan tentang satu-satu sektor atau apa, maka pandangan-pandangan yang ada input politik itu mungkin dibincangkan dan dijadikan sebagai keputusan yang boleh diambil kira oleh pihak kerajaan untuk memperbaiki rang undang-undang itu. Saya ingat ini satu hujah yang cukup kuat kerana tidak ada input politik kalau ia datang terus daripada satu Jabatan Peguam Negara kerana dia melihat daripada segi undang-undang sahaja.

Jadi, saya rasa dalam hal ini, seperti mana kita sebut iaitu perkara ini sedang diperhalusi dan kalau hujah Yang Berhormat itu boleh dipakai, saya rasa kita bolehlah meyakinkan supaya untuk menubuhkan jawatankuasa untuk memperkukuhkan lagi apa-apa dasar-dasar kerajaan kerana jawatankuasa ini, ia hanya memberi input kepada kerajaan. Dia bukan merupakan apa sahaja pendapat jawatankuasa ini mesti diterima, tak. Ia merupakan input yang perlu kita dapat. Jadi saya rasa ini kita boleh pertimbangkan...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Lagipun, seperti jawapan, ia akan diperhalusi oleh Jemaah Menteri atau pihak kerajaan bagi maksud memperkukuhkan pelaksanaannya di dalam Dewan dengan mengambil kira amalan yang terpakai di Parlimen luar negara seperti di UK, Australia dan beberapa buah negara Komanwel yang lain. Jadi saya rasa ruangnya masih lagi terbuka.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat, nanti saya tambah satu sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita berbincang hampir pukul lima. Jadi saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Kalau sekiranya ada perkara yang saya tidak jawab, saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan disahkan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 1 hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas telah berlangsung selama 20 hari mulai daripada 7 Mac 2016 hingga 7 April 2016.

Saya bagi pihak Yang di-Pertua ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama bagi membolehkan perjalanan Majlis Mesyuarat dapat disempurnakan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai kerajaan, pegawai Parlimen Malaysia, wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat dalam pengendalian urusan Majlis Mesyuarat sepanjang tempoh Dewan kali ini bersidang.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat pulang dan selamat sampai ke destinasi masing-masing.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan hingga kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Terima kasih. *[Tepuk].*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.53 petang.]***